

# 2013

LAPORAN TADBIR URUS  
KORPORAT & KEWANGAN

# Kandungan

- 2** Penyata Tadbir Urus Syarikat
- 18** Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- 21** Laporan Jawatankuasa Audit
- 24** Kalendar Kewangan
- 24** Harga Saham
- 25** Maklumat Kewangan Kumpulan
- 26** Perangkaan 5 Tahun
- 27** Prestasi Kewangan
- 28** Laporan Para Pengarah
- 32** Penyata Kedudukan Kewangan
- 33** Penyata Untung atau Rugi dan  
Pendapatan Komprehensif Lain
- 34** Penyata Perubahan dalam Ekuiti Disatukan
- 35** Penyata Perubahan dalam Ekuiti
- 36** Penyata Aliran Tunai
- 38** Nota-nota kepada Penyata Kewangan
- 87** Penyata Pengarah
- 87** Pengakuan Berkanun
- 88** Laporan Juruaudit
- 90** Perangkaan Pegangan Saham
- 92** Senarai Harta-Harta Dipegang

# Penyata Tadbir Urus Syarikat

Selama ini, Nestlé (Malaysia) Berhad ("Syarikat") dan Lembaga Pengarahnya ("Lembaga Pengarah") amat memberikan penekanan dalam memastikan urus niaga serta urusan Syarikat serta anak-anak syarikatnya ("Kumpulan Syarikat") benar-benar mematuhi doktrin dan prinsip amalan terbaik tadbir urus korporat seperti integriti, ketelusan, kebertanggungjawaban serta pengendalian perniagaan secara bertanggungjawab.

Sebagai anak syarikat Nestlé S.A. Vevey, Switzerland, Kumpulan Syarikat menerima pakai 'Prinsip Tadbir Urus Korporat' syarikat induknya sebagai asas amalan terbaik dalam tadbir urus korporat. Prinsip tadbir urus korporat yang diamalkan oleh Kumpulan Syarikat merangkumi terutamanya empat (4) bahagian, seperti berikut:

- Hak dan tanggungjawab para pemegang saham;
- Perlakuan adil terhadap para pemegang saham;
- Tugas dan tanggungjawab para Pengarah; dan
- Pendedahan serta ketelusan.

Penyata tadbir urus korporat ini ("Penyata") menerangkan penerimaan dan juga pelaksanaan prinsip tadbir urus korporat di atas dan juga penerapan lapan (8) Prinsip dan 26 Cadangan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 ("MCCG 2012"), bab yang berkaitan di dalam Keperluan Penyenaian Papan Utama ("Keperluan Penyenaian") Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa") tentang tadbir urus korporat dan keperluan dalaman yang telah dikanunkan di dalam Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé.

## PRINSIP 1 – MEMBENTUK PERANAN YANG JELAS SERTA TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PENGURUSAN

### TERMA RUJUKAN BAGI LEMBAGA PENGARAH

#### Tanggungjawab Utama Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mengarah pengurusan penilaian risiko, perancangan strategik, perancangan penggantian serta kewangan dan operasi Kumpulan Syarikat untuk memastikan tanggungjawab kepada pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain difahami dan dipenuhi.

Lembaga Pengarah memberikan kepimpinan yang diperlukan untuk membolehkan matlamat perniagaan Kumpulan Syarikat dipenuhi dalam rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman seperti yang diterangkan di dalam Penyata ini.

Umumnya, Lembaga Pengarah memikul tanggungjawab utama berikut dalam melaksanakan fungsi fidusiarinya dan kepimpinannya:

- mengkaji semula serta menerima pakai pelan strategik untuk Kumpulan Syarikat, termasuk menangani strategi perniagaan Kumpulan Syarikat dalam menggalakkan kemampanan;
- memantau kegiatan perniagaan Kumpulan Syarikat, dan menilai sama ada perniagaannya diuruskan dengan betul;
- mengenal pasti risiko perniagaan utama yang dihadapi oleh Kumpulan Syarikat dan memastikan pelaksanaan kawalan dalaman yang sewajarnya serta langkah-langkah pengurangan bagi menangani risiko tersebut;
- memastikan bahawa semua calon yang dilantik ke Lembaga Pengarah adalah cukup berkaliber, termasuk mewujudkan suatu proses bagi penggantian teratur ahli Lembaga Pengarah dan kepelbagaian pada Lembaga Pengarah (termasuk kepelbagaian jantina);
- menubuhkan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab terhadap semua keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa;
- memantau pembangunan dan pelaksanaan program perhubungan pelabur serta polisi komunikasi dengan pihak berkepentingan; dan
- mengkaji semula kemampuan serta integriti kawalan dalaman Kumpulan Syarikat serta sistem pengurusan maklumat, termasuk sistem pematuhan kepada undang-undang, peraturan, kaedah, arahan dan garis panduan yang terpakai.

Bagi membantu dalam melaksanakan fungsi kepimpinannya, Lembaga Pengarah telah membentuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Pampasan. Jawatankuasa Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk memeriksa isu yang khusus di dalam terma

rujukan masing-masing seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan melaporkan cadangan mereka kepada Lembaga Pengarah. Semua perbincangan dan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Lembaga Pengarah didokumenkan dan diluluskan oleh Pengerusi Jawatankuasa masing-masing sebelum diserahkan sebagai butiran agenda untuk dibincangkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah. Namun begitu, tanggungjawab akhir untuk membuat keputusan, terletak di tangan Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai Piagam Lembaga Pengarah dalam bentuk Terma Rujukan di dalam Penyata ini dan mengkaji semula Terma Rujukannya secara berkala. Lembaga Pengarah akan memaparkan ciri-ciri penting Terma Rujukan Lembaga Pengarah serta jawatankuasanya dalam laman web Syarikat di: [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my). Jawatankuasa Lembaga Pengarah mempunyai peranan dan fungsi mereka, terma rujukan bertulis, tatacara pengendalian serta kuasa yang diterangkan dengan jelas. Lembaga Pengarah mengkaji semula kuasa Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan terma rujukannya dari masa ke masa untuk memastikan kerelevanannya.

#### A. Peranan dan Tanggungjawab yang Jelas

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab kolektif kepada pengurusan Kumpulan Syarikat. Para Pengarah Bukan Eksekutif bertanggungjawab dalam membuat pertimbangan bebas serta penelitian terhadap keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah, di samping memberikan cabaran yang bersifat objektif kepada Pengurusan.

Para Pengarah Bukan Eksekutif tidak terlibat dalam pengurusan harian Kumpulan Syarikat dan mereka tidak melibatkan diri dalam apa-apa urus niaga atau hubungan lain dengan Kumpulan Syarikat dan ini adalah untuk memastikan mereka berkebolehan dalam membuat pertimbangan secara objektif semasa bertindak, demi kepentingan terbaik Kumpulan Syarikat, pihak berkepentingan serta para pemegang saham, termasuk pemegang saham minoriti. Untuk mempertingkatkan kebertanggungjawaban, Lembaga Pengarah mempunyai fungsi khusus yang diperuntukkan untuk Lembaga

## Penyata Tadbir Urus Syarikat

Pengarah dan yang diwakili kepada Pengurusan. Terdapat suatu jadual perkara utama diperuntukkan kepada Lembaga Pengarah untuk dibincangkan, dan keputusan untuk memastikan haluan serta kawalan perniagaan Kumpulan Syarikat terletak di tangannya. Perkara utama yang diperuntukkan untuk keputusan Lembaga Pengarah terdiri daripada berikut:

- pembelian dan penjualan atau penutupan perniagaan;
- pengisytiharan dividen dan kelulusan penyata kewangan, termasuk polisi perakaunan Kumpulan Syarikat;
- menubuhkan perniagaan baharu;
- menerima pakai pelan strategik tahunan;
- pelaburan modal serta penjualan aset ketara daripada perniagaan sedia ada kepada pihak ketiga;
- pertambahan atau pengurangan modal dibenarkan atau modal diterbitkan anak Syarikat;
- pembiayaan aktiviti Kumpulan Syarikat;
- sebarang penyusunan semula korporat yang tidak termasuk dalam perenggan di atas; dan
- penukaran nama mana-mana syarikat dalam Kumpulan Syarikat dan penubuhan sebarang syarikat baharu.

### B. Fungsi Lembaga Pengarah

- meneliti pencapaian Syarikat setiap suku tahun;
- menerima laporan kemas kini tentang pelbagai operasi perniagaan daripada pihak Pengurusan;
- membuat pertimbangan bebas serta penelitian terhadap keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah dan memberi cabaran yang bersifat objektif kepada Pengurusan;
- pengisytiharan dividen dan kelulusan penyata kewangan, termasuk polisi perakaunan Kumpulan Syarikat;

- memformalkan serta menerima pakai suatu set Kod Etika melalui Kod Perlakuan, memastikan pematuhannya, mewujudkan suatu set polisi dan tatacara pendedahan korporat yang sewajarnya dan memastikan mekanisme perlindungan pemberi maklumat diwujudkan.

### C. Peranan Pengerusi / Pengarah Urusan dan Had Kuasa

Terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas antara Pengerusi dengan Pengarah Urusan dan juga parameter khusus berkenaan dengan keputusan pengurusan untuk memastikan kebebasan. Penjelasan terperinci tentang perkara ini dijelaskan di mukasurat 11.

### Kod Etika untuk Para Pengarah dan Kod Perlakuan

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah berpandukan kod etika serta prinsip yang terkandung di dalam Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé dan Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé, sebagai tambahan kepada MCCG 2012. Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé dan Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé menggariskan perlakuan serta tanggungjawab Lembaga Pengarah dan semua pekerja. Pengarah Syarikat mempunyai kewajipan untuk mengisytiharkan dengan segera kepada Lembaga Pengarah sekiranya mereka berkepentingan dalam apa-apa urusan niaga yang akan diceburi oleh Kumpulan Syarikat, sama ada secara langsung atau tidak.

Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé mentadbir perlakuan semua pekerja dalam Kumpulan Syarikat, termasuk Lembaga Pengarah. Antara contoh peruntukan di dalam Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé adalah pematuhan kepada undang-undang, kaedah serta peraturan, menghindari situasi konflik kepentingan, pengisytiharan kepentingan tepat pada masanya jika terlibat dalam perniagaan yang bersaing dengan Syarikat, larangan penggunaan maklumat orang dalam, peluang korporat, perdagangan orang dalam, pendedahan maklumat dan tiada aktiviti korup.

Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé berlandaskan tiga (3) prinsip asas, iaitu, menghindari sebarang perlakuan yang boleh merosakkan atau merisikokan Kumpulan Syarikat atau reputasinya, pematuhan undang-undang serta kejujuran dan meletakkan kepentingan Kumpulan Syarikat mengatasi kepentingan peribadi atau kepentingan lain, dan memberikan panduan tentang cara kelakuan pekerja Kumpulan Syarikat.

Selain Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé, semua pekerja juga berpandukan Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé yang turut merangkumi isu utama yang menyokong tanggungjawab sosial korporat, dikenali sebagai Menjana Nilai Bersama, untuk memenuhi ciri-ciri unik Kumpulan Syarikat. Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé fokus kepada amalan dan etika di tempat kerja, perhubungan pekerja dan hak asasi pekerja. Sepuluh (10) prinsip, yang terkandung di dalam Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé, menyatakan pendekatan yang umum tentang pembangunan polisi serta tatacara dengan mengambil kira undang-undang buruh dan amalannya, aspek politik, ekonomi serta budaya. Prinsip ini boleh diringkaskan seperti berikut:

- Kami menggembirakan pengguna (Prinsip 1, 2, 3)
- Kami prihatin terhadap orang ramai (Prinsip 4, 5, 6)
- Kami membina perkongsian yang bertanggungjawab (Prinsip 7, 8)
- Kami menggalakkan kemampanan (Prinsip 9, 10)

Kumpulan Syarikat komited kepada taraf perlakuan yang tinggi dan percaya ini akan menjadi faktor kejayaan utama kepada pencapaian Kumpulan Syarikat. Prinsip Pengurusan dan Kepimpinan Nestlé yang dikeluarkan oleh Nestlé S.A turut digunakan dalam Kumpulan Syarikat dan disampaikan kepada setiap pekerja dalam organisasi.

## Penyata Tadbir Urus Syarikat

Prinsip Pengurusan dan Kepimpinan Nestlé menerangkan tentang budaya, nilai dan prinsip yang diharapkan oleh Kumpulan Syarikat untuk didukung oleh pekerjaannya dan juga atribut yang diperlukan untuk berjaya dalam jawatan pengurusan dan kepimpinan. Prinsip ini sejajar dengan Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé dan juga Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé, dan "Tanggungjawab Kepimpinan dan Peribadi" serta taraf minimum tidak boleh runding berkenaan dengan tabiat pekerja, jelas dipaparkan sebagai prinsip utama operasi.

Kumpulan Syarikat menekankan tentang perlunya membina Pengurus Nestlé yang boleh menambah nilai kepada Syarikat dan yang mampu memimpin serta memberikan inspirasi kepada individu, tanpa perlu menggunakan kuasa rasmi. Ini memerlukan tahap komitmen individu yang tinggi daripada setiap pekerja serta cara pemikiran yang sama yang menjurus ke arah hasil dan pencapaian. Demi mencapai kejayaan secara berterusan, setiap pemimpin Nestlé perlu memahami dan memanfaatkan konteksnya berdasarkan prinsip berikut:

- Memimpin untuk mencapai kemenangan;
- Mengurus untuk mendapatkan hasil;
- Membina bakat serta pasukan; dan
- Bersaing dan berhubung dengan pihak luar.

Kumpulan Syarikat percaya bahawa Prinsip Pengurusan dan Kepimpinan Nestlé berguna dalam membantu pekerja Nestlé untuk menjadi efektif, melibatkan diri dan berinspirasi, dengan memastikan mereka "mempraktikkan apa yang diucapkan" di samping memimpin melalui teladan dalam kerja harian mereka.

Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé, Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé serta Prinsip Pengurusan dan Kepimpinan Nestlé tersedia kepada pekerja dan Pengarah dalam intranet Syarikat, sementara Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé juga boleh didapati di laman web korporat Syarikat di [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my). Salinan dokumen tersebut boleh juga didapati daripada Setiausaha Syarikat, apabila diminta.

### Polisi Pendedahan Maklumat

Satu daripada peruntukan utama di dalam Kod Nestlé melibatkan pelaporan kelakuan yang menyalahi undang-undang atau yang tidak dapat diterima/perlakuan tidak patuh.

Lembaga Pengarah mengakui bahawa salah laku seperti pelanggaran undang-undang, kaedah, peraturan, kesilapan pengeluaran, fraud, pelanggaran hal kesihatan dan keselamatan atau rasuah selalunya diketahui dahulu oleh mereka yang bekerja dalam atau dengan Kumpulan Syarikat. Suatu sistem amaran awal, seperti polisi dan tatacara pendedahan maklumat boleh membantu Kumpulan Syarikat mengesan apa-apa kesalahan dan memberikan peringatan kepada Kumpulan Syarikat agar mengambil tindakan pembaikan sebelum suatu masalah itu menjadi suatu krisis. Untuk menangani perkara ini, Kumpulan Syarikat telah memformalkan Rangka Kerja Pematuhan untuk memantau pematuhan secara keseluruhan oleh Kumpulan Syarikat terhadap polisi, garis panduan, arahan, undang-undang serta peraturan yang berkaitan, dalam mengendalikan perniagaannya. Ini termasuk mewujudkan kemudahan Talian Penting Tidak Patuh (talian penting pendedahan maklumat), dan melaluinya, mana-mana pekerja, pembekal atau pihak ketiga boleh memanggil talian tersebut, menghantar e-mel atau mengirimi pesanan dalam laman web tentang sebarang keadaan tidak patuh dalam Kumpulan Syarikat. Identiti pemberi maklumat dilindungi pada setiap masa. Untuk menghormati ketanpamaan pemberi maklumat dan melindunginya, Talian Penting Tidak Patuh serta laman web diurus oleh pihak ketiga. Pekerja yang percaya dengan suci hati bahawa adalah menjadi kewajibannya untuk melaporkan salah laku yang disyaki dan mendedahkan maklumat tersebut, akan dilindungi oleh Syarikat daripada paksaan, tindak balas atau reprisal berkaitan dengan kerjasamanya.

Suatu sistem pendedahan maklumat menguat serta menyokong pengurusan yang baik dan pada masa yang sama menunjukkan kebertanggungjawaban, menyediakan pengurusan risiko yang baik serta amalan tadbir urus korporat yang kukuh. Kumpulan Syarikat percaya bahawa dengan adanya polisi pendedahan maklumat, keyakinan pelabur dalam Kumpulan Syarikat akan bertambah dan ini selari dengan amalan kukuh tadbir urus korporat Kumpulan Syarikat. Kepercayaan ini dipertingkatkan dengan adanya Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, yang menyatakan bahawa pemberi maklumat hendaklah diberikan perlindungan yang sewajarnya daripada majikan ketika suatu aduan sedang dalam siasatan.

Pekerja Kumpulan Syarikat amat digalakkan untuk bersuara dan membangkitkan sebarang rasa curiga akan kesalahan, amalan salah atau kejanggalan dalam pengurusan perniagaan Kumpulan Syarikat, dengan membangkitkan isu tersebut kepada pengurus lini atau melalui tatacara pendedahan maklumat dalaman yang dilaksanakan pada tahun 2011. Tatacara pendedahan maklumat dalaman ini merupakan bahagian yang penting kepada rangka kerja yang komprehensif yang menggariskan bila, bagaimana dan kepada siapa suatu perkara yang dibimbangkan itu boleh dibangkitkan dengan betul, yang membezakan suatu perkara yang dibimbangkan daripada kilan peribadi, dan membenarkan pemberi maklumat itu peluang untuk membangkitkan perkara tersebut, di luar daripada pengurusan lininya.

Suatu Jawatankuasa Etika Perniagaan dan Fraud diwujudkan untuk meneliti semua aduan/pengataan yang dibuat melalui Talian Penting Tidak Patuh atau sebarang cara lain (telefon, surat, e-mel). Jawatankuasa ini memastikan bahawa suatu siasatan dijalankan apabila perlu, meneliti laporan siasatan dan membuat keputusan tentang langkah-langkah yang perlu diambil seterusnya berdasarkan jenis pelanggaran tersebut. Laporan serta laporan kemas kini dikemukakan kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit.

### Program Pematuhan

Pada tahun 2011, Kumpulan Syarikat telah membentuk Rangka Kerja Pematuhan dua peringkat untuk memantau pematuhan keseluruhan Kumpulan Syarikat kepada polisi, garis panduan, arahan, undang-undang serta peraturan yang berkaitan, dalam mengendalikan perniagaannya. Peringkat pertama, iaitu Jawatankuasa Juara Pematuhan, terdiri daripada wakil daripada pelbagai unit perniagaan dan fungsi, yang kebanyakannya diwakili oleh Pengawal Perniagaan masing-masing. Juara Pematuhan bertanggungjawab menyelaraskan penelitian dokumen yang berkaitan dengan pematuhan serta penilaian jurang dalam unit masing-masing. Bagi memudahkan penilaian tersebut, suatu pangkalan data yang mengandungi senarai semua dokumen yang berkaitan dengan pematuhan telah diwujudkan, yang dikenali sebagai Matriks Pematuhan.

## Penyata Tadbir Urus Syarikat

Mesyuarat Juara Pematuhan dipengerusikan oleh Penasihat Undang-Undang & Pematuhan yang bertindak sebagai penyelaras Rangka Kerja Pematuhan, dan agenda mesyuarat lazimnya melibatkan perbincangan tentang tahap kemajuan penilaian tersebut, jurang yang dikenal pasti oleh Juara Pematuhan serta status pelan tindakan. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, mesyuarat Jawatankuasa Juara Pematuhan telah bersidang empat (4) kali, yakni sekali setiap suku tahun.

Semua perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Juara Pematuhan diringkaskan dan diangkat ke Jawatankuasa Pemandu Pematuhan, iaitu peringkat kedua dalam Rangka Kerja Pematuhan. Jawatankuasa Pemandu Pematuhan terdiri daripada Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif Kewangan dan Kawalan, Pengarah Eksekutif Teknikal dan Pengeluaran, Pengarah Eksekutif Sumber Manusia, Ketua Jabatan Undang-Undang dan Kesetiausahaan dan Pengurus Perniagaan Negara di unit perniagaan Profesional Nestlé. Jawatankuasa Pemandu Pematuhan bertanggungjawab dalam menetapkan hala tuju Rangka Kerja Pematuhan dan menyokong pelaksanaan Rangka Kerja tersebut dengan jayanya, melapor dan mengesahkan status jurang yang dikenal pasti serta tahap kemajuan pelan tindakan.

Rangka Kerja Pematuhan merupakan suatu program yang perlu diawasi secara berterusan, dan polisi, garis panduan, arahan, undang-undang serta peraturan yang berkaitan sentiasa dikemas kini untuk memastikan Matriks Pematuhan mengandungi maklumat terkini tentang dokumen Kumpulan Syarikat yang berkaitan dengan pematuhan dan ia tersedia kepada pihak berkepentingan yang berkaitan, seperti mana dikehendaki.

### Perlindungan Data Peribadi

Berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA") yang berkuat kuasa pada 15 November 2013, Kumpulan Syarikat telah memulakan pelbagai aktiviti pematuhan serta kesedaran untuk memastikan Kumpulan Syarikat berterusan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai dalam suatu Negara yang berkenaan dengan PDPA dan beroperasi mengikut Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé.

Walaupun Kumpulan Syarikat secara tekal menanda aras aktiviti yang berkaitan dengan privasi kepada Polisi Privasi Sedunia Nestlé, Kumpulan Syarikat turut memantau aktiviti tersebut dalam operasi perniagaannya dan telah mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk memastikan Kumpulan Syarikat mematuhi keperluan undang-undang yang tertentu di bawah PDPA.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, selain perundangan yang sedang dijalankan dengan Unit dan Fungsi Perniagaan tentang isu berkaitan dengan undang-undang privasi dalam operasi harian, Kumpulan Syarikat telah mengendalikan dua (2) latihan tentang PDPA dan Polisi Privasi Global Nestlé, yang melibatkan unit/fungsi perniagaan dalam Kumpulan Syarikat. Kesedaran tentang PDPA serta Polisi Privasi Global Nestlé turut dimasukkan dalam latihan aruhan kepada pekerja baharu yang diadakan secara tetap. Latihan yang diadakan bertujuan menyampaikan ilmu yang berkaitan, serta membangkitkan kesedaran dalam kalangan pekerja tentang pentingnya mematuhi PDPA dan Polisi Privasi Global Nestlé dan untuk tidak melibatkan diri dalam apa-apa perlakuan yang melanggar mana-mana undang-undang privasi serta polisinya.

### Akta Persaingan

Semenjak berkuat kuasanya Akta Persaingan 2010, Syarikat berterusan mempertingkatkan serta menambah pengetahuan dan kesedaran pekerjanya dengan mengadakan latihan secara berterusan untuk mereka. Ini termasuk menyediakan sesi aruhan dan juga latihan khusus untuk pekerja baharu yang diadakan secara tetap. Syarikat juga mengendalikan latihan intensif untuk pekerja yang berkaitan dalam Kumpulan Syarikat dan pada November 2013, Kumpulan Syarikat mengeluarkan program e-Pembelajaran Undang-Undang Persaingan kepada semua pekerja di peringkat pengurusan yang berkaitan, untuk menilai dan mengukur tahap pemahaman dalam kalangan pekerja.

### Pengguna

Berpandukan Polisi Kualiti Nestlé dan Prinsip Komunikasi Pengguna Nestlé, produk dan jenama Kumpulan Syarikat dihasilkan, dikilangkan serta dipasarkan secara bertanggungjawab. Untuk mencapai visi Kumpulan Syarikat iaitu kualiti tanpa kompromi, Kumpulan Syarikat menyediakan satu (1) talian penting pengguna bebas tol untuk semua produknya dengan objektif memberikan perhatian serta balasan yang berkesan kepada aduan pengguna dan maklum balas tepat pada masanya.

### Pembekal dan pembekal khidmat

Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé, Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé serta Kod Pembekal Nestlé (ketiga-tiganya dikenali sebagai "Piawaian") juga mengikat para pembekal dan pembekal khidmat Kumpulan Syarikat untuk memastikan standard etika perniagaan yang tinggi dalam kalangan semua pembekal dan pembekal khidmat Kumpulan Syarikat, termasuk pengedar atau pembekal khidmat kepada syarikat berkaitan Kumpulan Syarikat. Piawaian ini dimasukkan ke dalam kontrak dengan pembekal dan pembekal khidmat yang berkaitan. Semua perjanjian dengan pembekal dan pembekal khidmat jelas menerangkan bahawa kemungkiran berkaitan mana-mana peruntukan di dalam Piawaian yang telah dimaklumkan kepada mereka, boleh mengakibatkan penamatan kontrak secara serta-merta dengan pembekal dan pembekal khidmat yang terlibat.

### Kemampuan Dalam Perniagaan

Lembaga Pengarah menyedari pentingnya kemampuan dalam perniagaan dan, dalam mengendalikan perniagaan Kumpulan Syarikat, kesan kepada alam sekitar, sosial dan urus tadbir diambil kira. Kumpulan Syarikat turut menerima pakai kemampuan dalam operasinya, serta sepanjang rantaian nilainya dan dalam perkongsian dengan pihak berkepentingan, termasuk pembekal, pelanggan dan organisasi lain.

## Penyata Tadbir Urus Syarikat

Selain Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé, Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé dan Prinsip Pengurusan dan Kepimpinan Nestlé, Kumpulan Syarikat turut menyediakan polisi serta garis panduan dalaman lain untuk menangani kemampanan korporat. Ini merujuk polisi, piawaian serta garis panduan dalaman seperti Kod Pengedar Nestlé dan Arahan Tetap Dalam Pemerolehan Perkhidmatan Syarikat, yang jelas menentukan objektif luas dalam melantik pembekal khidmat yang berkualiti, di samping mematuhi proses pembidaan yang kompetitif lagi telus, agar harga yang berdaya saing dapat diberikan. Anugerah berikut merupakan testimoni kepada komitmen Kumpulan Syarikat untuk mengurus perniagaannya secara bertanggungjawab:

Anugerah dan Pencapaian	Anugerah Hibiscus Perdana Menteri 2013
	Index Tadbir Urus Korporat Malaysia – Asean 2013, Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG)
	Anugerah Laporan Kemampanan Malaysia ACCA 2013 (ACCA MaSRA) Anugerah Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan (NACRA)
	Kelab Edge Billion Ringgit 2013
	Anugerah 100 Majikan Graduan di Malaysia 2012/2013
	Anugerah 'Life At Work' 2013
	Anugerah 'Putra Brand' 2013
	Anugerah Effie 2013
	Anugerah 'Festival of Media Asia Pacific'
	Anugerah Media Malaysia 2013

Aktiviti serta hala tuju kemampanan korporat Kumpulan Syarikat didedahkan di dalam Laporan Tahunan ini, yang dilampirkan sebagai laporan berasingan berjudul Laporan Menjana Nilai Bersama 2013.

### Akses Kepada Maklumat dan Nasihat

Dari masa ke masa, apabila Lembaga Pengarah memerlukan maklumat kemas kini yang berkaitan daripada mana-mana ahli Kumpulan Pengurusan, ahli Kumpulan Pengurusan yang berkaitan akan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan mengemukakan sebarang maklumat atau maklumat yang telah dikemas kini kepada Lembaga Pengarah.

Pada tahun 2013, maklumat berikut telah dibentangkan oleh Kumpulan Pengurusan kepada Lembaga Pengarah:

- Pencapaian Syarikat oleh Pengarah Jualan;
- Gambaran keseluruhan Jabatan Sumber Manusia Kumpulan Syarikat;
- Operasi di Malaysia Timur;
- Merangsang semula maklumat kemas kini Pertumbuhan perniagaan;
- Maklumat kemas kini Kod Pematuhan WHO dan 'FTSE4Good';
- Maklumat kemas kini WCP 80 (Susu Fonterra);
- Kesan Cukai Barang dan Perkhidmatan ("GST") kepada Kumpulan Syarikat;
- Penamatan subsidi gula dan kesannya kepada Kumpulan Syarikat;
- Peraduan Bonanza Hari Keluarga; dan
- Gambaran keseluruhan tentang Perniagaan Makanan.

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah menerima maklumat terkini dan tepat pada waktunya manakala Setiausaha Syarikat, di bawah arahan Pengerusi, akan memastikan aliran maklumat yang seimbang disebarikan agar keputusan atas dasar berpengetahuan boleh dibuat dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dilaksanakan dengan

berkesan. Sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, agenda yang formal serta berstruktur, bersama dengan satu set kertas Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah, akan dihantar kepada semua Pengarah sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, untuk membolehkan Lembaga Pengarah membuat keputusan dan untuk Pengarah bersedia menangani perkara berbangkit pada mesyuarat tersebut. Lembaga Pengarah sesungguhnya percaya bahawa perbincangan secara berkesan dan proses membuat keputusannya bergantung kepada kualiti maklumat yang diberikan oleh pihak Pengurusan.

Kertas pembentangan disediakan dan diserahkan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dengan cara yang memastikan pemahaman yang jelas serta cukup tentang hal perkara yang dibincangkan. Tambahan pula, bahan bacaan tentang isi yang dibincangkan, disedia dan diedarkan sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum setiap mesyuarat, untuk membantu para Pengarah memahami hal perkara yang akan dibincangkan.

Kumpulan Pengurusan dan penasihat luar dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk memberikan tanggapan tambahan serta pandangan, nasihat dan penjelasan yang profesional ke atas perkara khusus dalam agenda mesyuarat.

Semua Pengarah mempunyai akses yang tidak terbatas ke atas maklumat dalam Kumpulan Syarikat. Terdapat juga suatu tatacara formal yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk semua Pengarah, sama ada bertindak sebagai Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang lengkap atau dalam kapasiti individu, untuk mendapatkan nasihat profesional bebas, apabila perlu, atas kos Syarikat. Sebelum melantik penasihat bebas, kelulusan daripada Pengerusi perlu diperoleh dan, jika berkenaan, Pengerusi boleh memaklumkan tentang keperluan untuk mendapatkan nasihat luar kepada Lembaga Pengarah.

## Penyata Tadbir Urus Syarikat

Semua Pengarah mempunyai akses yang tidak terbatas ke atas nasihat dan perkhidmatan daripada Setiausaha Syarikat untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas mereka dengan berkesan. Setiausaha Syarikat, yang merupakan seorang yang berkelulusan, berpengalaman serta cekap, menasihati Lembaga Pengarah tentang apa-apa maklumat terkini berkenaan dengan keperluan undang-undang dan peraturan yang baharu serta implikasi kepada Syarikat dan menasihati para Pengarah dalam menjalankan kewajipan fidusiari serta tanggungjawab mereka.

Setiausaha Syarikat mengatur serta menghadiri semua mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan memastikan mesyuarat bersidang dengan betul; rekod yang betul serta tepat mengenai perjalanan mesyuarat dan resolusi yang telah diluluskan disimpan di pejabat berdaftar Syarikat; dan dikemukakan untuk pemeriksaan, jika perlu. Penyingkiran Setiausaha Syarikat merupakan suatu perkara untuk diputuskan oleh pihak Lembaga Pengarah, seluruhnya.

### PRINSIP 2 – MENGUKUHKAN KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah terdiri daripada lapan (8) orang ahli, enam (6) daripadanya merupakan Pengarah Bukan Eksekutif (termasuk Pengerusi) manakala yang dua (2) lagi merupakan Pengarah Eksekutif. Kesemua Pengarah Bukan Eksekutif merupakan Pengarah Bebas. Komposisi ini memenuhi keperluan yang dimandatkan oleh Keperluan Penyenaraian Bursa, yang mensyaratkan bahawa sekurang-kurangnya dua (2) Pengarah atau satu pertiga daripada Lembaga Pengarah, yang mana lebih tinggi, mestilah Bebas. Profil setiap Pengarah dinyatakan pada muka surat 32 hingga 35 Laporan Koperat. Pada tarikh Penyata ini, saiz serta komposisi Lembaga Pengarah berkeadaan seimbang dengan baik dalam keadaannya kini, untuk menangani sebarang cabaran dalam perniagaan dan untuk memacu perniagaan Kumpulan Syarikat ke paras yang paling tinggi.

### Jawatankuasa Pencalonan

Suatu Jawatankuasa Pencalonan telah ditubuhkan pada 26 Ogos 2010, yang secara eksklusifnya terdiri daripada Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif. Pada tarikh Penyata ini, ahli Jawatankuasa Pencalonan ialah:

- Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail (Pengerusi);
- Tan Sri Datuk Yong Poh Kon; dan
- Dato' Frits van Dijk.

### TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PENCALONAN

#### MATLAMAT

Jawatankuasa Pencalonan ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah bersama terma rujukan yang khusus.

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Pencalonan:

- mewujudkan suatu proses yang sesuai untuk mengenal pasti, mencadang serta mencalonkan calon yang sesuai dan berkelulusan dari segi kemahiran yang seimbang, kepakaran, atribut serta kecekapan teras, di samping mengambil kira peribadi, pengalaman, integriti, kecekapan dan komitmen masa sebelum pelantikan, pemilihan semula dan pelantikan semula para Pengarah;
- mengkaji semula secara tahunan kebebasan Pengarah termasuk, jika sesuai, kriteria dalam menilai kebebasan pelantikan calon sebagai Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif;
- memastikan bahawa Pengarah baharu menjalani program aruhan yang sewajarnya dan untuk terus menilai keperluan latihan untuk Pengarah secara individu, menggalakkan pendidikan yang berterusan apabila perlu;
- meneliti pelan penggantian dan kepelbagaian Lembaga Pengarah (termasuk kepelbagaian jantina);

- merangka kriteria bagi penilaian Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan setiap Pengarah, seperti Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah, yang menyaksikan Pengarah membuat penilaian ke atas diri masing-masing dan Lembaga Pengarah secara keseluruhannya, untuk menentukan keberkesanannya dan juga merangka suatu set kamahiran matriks untuk melaksanakan penilaian tersebut;
- untuk sering menilai dan menaksir sumbangan serta pencapaian, termasuk kecekapan teras Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan setiap Pengarah; dan
- menilai persaraan para Pengarah secara giliran dan kelayakan untuk dipilih semula atau pelantikan semula.

Jawatankuasa ini hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengerusi tersebut bertanggungjawab atas pengendalian mesyuarat. Mesyuarat diadakan secara tetap dalam tahun kalendar dan Pengerusi mempunyai budi bicara untuk mengadakan mesyuarat tambahan, apabila perlu. Korum bagi mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada tiga (3) orang ahli hadir pada mesyuarat itu.

Setiausaha Syarikat bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pencalonan yang dikehendaki hadir dan merekodkan perjalanan mesyuarat tersebut. Jawatankuasa Pencalonan boleh menjemput mana-mana pegawai Syarikat untuk menghadiri mesyuaratnya, mempunyai akses kepada sebarang bentuk nasihat bebas, maklumat serta nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat, jika dan apabila perlu, dalam melaksanakan fungsinya.

Cadangan daripada Jawatankuasa Pencalonan dilaporkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah oleh Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan untuk pertimbangan dan kelulusan pihak Lembaga Pengarah.



## Penyata Tadbir Urus Syarikat

### Proses Jawatankuasa:

Dalam melantik individu yang sesuai sebagai ahli Lembaga Pengarah, pertama sekali Jawatankuasa hendaklah membuat pertimbangan dan mensyorkan kepada Lembaga Pengarah calon yang sesuai yang dipilih oleh Pengarah Urusan untuk menjadi pengarah, dengan mengambil kira kemahiran calon tersebut, pengetahuan, kepakaran serta pengalaman, masa, komitmen, keperibadian, keprofesionalan dan integritinya. Untuk jawatan Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif, Jawatankuasa turut menilai kemampuan calon tersebut untuk melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang diharapkan daripada seorang Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif.

Jawatankuasa akan menilai kemahiran yang seimbang, pengetahuan, pengalaman dan kepelbagaian pihak Lembaga Pengarah. Jawatankuasa hendaklah menyediakan suatu penerangan tentang peranan dan kebolehan yang diperlukan untuk pelantikan tertentu sebelum suatu cadangan dibuat kepada Lembaga Pengarah.

Dalam mengenal pasti calon yang sesuai, Jawatankuasa boleh:

- meneliti kecekapan, kebebasan serta komitmen masa calon itu;
- melaksanakan penilaian jurang ke atas kemahiran;
- mempertimbangkan calon daripada latar belakang yang luas;
- mempertimbangkan calon berdasarkan merit dengan mengambil kira kriteria objektif, dengan perhatian wajar diberikan kepada kepelbagaian, termasuk jantina serta komitmen masa; dan
- meminta agar boleh dipertimbangkan pendedahan kepada sebarang kepentingan perniagaan yang boleh mengakibatkan konflik kepentingan.

Ketika ini, Syarikat mempunyai dua (2) ahli wanita dalam Lembaga Pengarah dan sedang menilai secara aktif kemungkinan melantik lebih ramai lagi wanita sebagai ahli Lembaga Pengarah.

Apabila dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah, semua Pengarah baharu akan menjalani program aruhan yang komprehensif dan beliau akan menerima

suatu taklimat berkenaan dengan Syarikat, operasinya, dan juga tentang apa yang diharapkan daripada mereka dari segi komitmen masa, penglibatan dalam jawatankuasa Lembaga Pengarah, sekiranya ada, serta penglibatan lain di luar mesyuarat Lembaga Pengarah.

Di samping pelantikan itu, Jawatankuasa juga membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan pemilihan semula, pelantikan semula serta peletakan jawatan Pengarah dan juga mengkaji semula secara berkala dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perancangan penggantian untuk para Pengarah.

Pengarah yang menawarkan diri untuk dipilih semula dan dilantik semua akan abstain daripada semua perbincangan berkenaan dengan pemilihan semula dan pelantikan semula dirinya sebagai ahli Lembaga Pengarah dan/atau Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

### Penyata Aktiviti

Pada tahun 2013, Jawatankuasa Pencalonan bermesyuarat sekali dan kehadiran para ahli adalah seperti berikut:

No.	Ahli Jawatankuasa Pencalonan	Kehadiran Mesyuarat
1.	Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail	1/1
2.	Tan Sri Datuk Yong Poh Kon	1/1
3.	Dato' Frits van Dijk	1/1

Pada tahun 2013, Jawatankuasa telah melaksanakan suatu penilaian tentang keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta sumbangan setiap Pengarah. Penilaian tersebut mempertimbangkan sumbangan dan pencapaian Pengarah berkenaan dengan kecekapan, komitmen masa, integriti serta pengalaman mereka dalam memenuhi keperluan Kumpulan Syarikat, dan mempertimbangkan cadangan untuk mempertingkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah. Proses penilaian itu melibatkan penilaian setara antara para Pengarah dan penilaian diri, yakni Pengarah menilai pencapaian mereka sendiri dan juga sesama mereka, dan diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan serta disokong oleh Setiausaha Syarikat. Penilaian serta ulasan daripada semua Pengarah diringkaskan dan dibincangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan telah dilaporkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah oleh Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang bersidang pada 24 Februari 2014. Semua penilaian dan pentaksiran yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pencalonan bagi melaksanakan fungsinya didokumenkan dengan betul.

Daripada keputusan penilaian, yang termasuk gabungan kemahiran serta pengalaman yang dipunyai oleh para Pengarah, Lembaga Pengarah mempertimbangkan cadangan tentang pemilihan semula serta pelantikan semula para Pengarah. Proses pemilihan semula Syarikat bertetapan dengan Artikel 90.1 dan Artikel 90.2 Tataurusan Syarikat ("Tataurusan Syarikat"), yang menyatakan satu pertiga daripada Pengarah yang dilantik pada masa itu hendaklah bersara dan layak untuk dipilih semula, dengan syarat bahawa semua Pengarah dikehendaki bersara sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga (3) tahun tetapi layak untuk dipilih semula, untuk memberikan para pemegang saham peluang untuk memperbaharui mandat mereka pada Mesyuarat Agung Tahunan. Para Pengarah yang bersara pada setiap tahun merupakan mereka yang paling lama memegang jawatan Pengarah sejak mereka dipilih semula.

Artikel 88 Tataurusan Syarikat menyatakan bahawa pada bila-bila masa, jumlah bilangan Pengarah tidak boleh kurang daripada dua (2) orang dan tidak boleh lebih daripada lapan (8) orang dan Nestlé S.A berhak melantik sehingga empat (4) orang Pengarah. Lembaga Pengarah, melalui penilaian serta cadangan daripada Jawatankuasa Pencalonan, yakin dan sesungguhnya percaya bahawa individu yang dipilih dan dilantik ke Lembaga Pengarah merupakan individu berkaliber serta berintegriti tinggi dan boleh ditugaskan untuk melaksanakan kewajipan serta tanggungjawab mereka dengan bebas dan berkesan. Artikel 97 Tataurusan Syarikat menyatakan Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah dari masa ke masa akan memegang jawatan mereka sehingga Mesyuarat Agung Tahunan

## Penyata Tadbir Urus Syarikat

yang akan datang, dan layak untuk dilantik semula pada Mesyuarat Agung Tahunan tersebut. Menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965, ahli Lembaga Pengarah yang berumur lebih daripada 70 tahun boleh dilantik semula sebagai seorang Pengarah untuk berkhidmat sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Pada masa ini, semua Pengarah berusia di bawah 70 tahun.

Para Pengarah yang bersedia untuk dipilih semula/dilantik semula pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang ini adalah seperti berikut:

Nama	Jawatan
Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail	Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Dato' Frits van Dijk	Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong	Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail dan Dato' Frits van Dijk, yang kedua-duanya merupakan Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif, akan bersara menurut Artikel 90.1 pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat. Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong, seorang Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif, yang dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 28 November 2013 akan bersara menurut Artikel 97 pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang ini. Semua Pengarah ini akan dicadang untuk dipilih semula/dilantik semula oleh Lembaga Pengarah menurut Artikel yang berkenaan. Maklumat setiap Pengarah yang bersedia untuk dilantik semula dinyatakan di muka surat 32, 33 dan 34 Laporan Korporat.

### Jawatankuasa Pampasan

Jawatankuasa Pampasan, yang ditubuhkan pada 26 Ogos 2010, bertanggungjawab untuk membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah tentang rangka kerja pampasan bagi Lembaga Pengarah serta pekerja Kumpulan Syarikat. Jawatankuasa Pampasan terdiri daripada empat (4) orang ahli, yang majoritinya merupakan Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif. Pada tarikh Penyata ini, ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

- Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad (Pengerusi)
- Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim
- Dato' Frits van Dijk
- Alois Hofbauer
- Marc Seiler (Ahli Gantian kepada Alois Hofbauer)

### TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PAMPASAN

#### MATLAMAT

Tujuan utama jawatankuasa ini ditubuhkan adalah bagi memastikan pakej imbuhan serta faedah Lembaga Pengarah dan pekerja Syarikat ditanda aras kepada standard industri berdasarkan pencapaian Syarikat dalam industri.

Jawatankuasa harus dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah daripada kalangan ahlinya. Pengerusi Jawatankuasa bertanggungjawab mengendalikan mesyuarat Jawatankuasa. Mesyuarat diadakan secara tetap dalam tahun kalendar dan Pengerusi mempunyai budi bicara untuk mengadakan mesyuarat tambahan, apabila perlu. Korum bagi mesyuarat Jawatankuasa Pampasan hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada tiga (3) orang ahli hadir pada mesyuarat itu.

Setiausaha Syarikat bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pampasan yang dikehendaki hadir dan merekodkan perjalanan mesyuarat tersebut. Jawatankuasa Pampasan boleh menjemput mana-mana pegawai Syarikat untuk menghadiri mesyuaratnya, mempunyai akses kepada sebarang bentuk nasihat bebas, maklumat serta nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat, jika dan apabila perlu, dalam melaksanakan fungsinya.

Cadangan daripada Jawatankuasa Pampasan dilaporkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah oleh Pengerusi Jawatankuasa Pampasan untuk dibincangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

#### Proses Jawatankuasa:

Jawatankuasa mengkaji semula imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif sekali bagi setiap tiga (3) tahun, dan membuat cadangannya kepada Lembaga Pengarah. Setiap tahun, Jawatankuasa mengkaji semula serta mensyorkan kepada Lembaga Pengarah pakej imbuhan untuk pekerja Kumpulan Syarikat.

Dalam meneliti pakej imbuhan untuk Pengarah Bukan Bebas, Jawatankuasa Pampasan akan mempertimbangkan keperluan untuk memberikan ganjaran yang sewajarnya, selaras dengan tahap tanggungjawab Pengarahnya. Jawatankuasa juga meneliti insentif yang sewajarnya untuk memupuk serta mengekalkan Pengarah yang berkualiti, sekiranya perlu, sementara bersikap sensitif kepada kepentingan pihak berkepentingan lain, termasuk para pemegang saham dan pekerja.

Bagi pampasan kepada Pengarah Bukan Eksekutif, Jawatankuasa mengambil kira kriteria berikut dalam membuat cadangan mereka:

- Kod Tadbir Urus Korporat;
- syarikat lain yang sebanding dengan Syarikat;
- peranan serta tanggungjawab Pengarah;
- pematuhan kepada peraturan yang terpakai;
- komitmen masa.

## Penyata Tadbir Urus Syarikat

Penelitian yang dibuat akan mempertimbangkan sebarang tanggungjawab tambahan yang dipikul, seperti Pengarah yang bertindak sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah, Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan/atau ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Pampasan juga bertanggungjawab untuk memastikan imbuhan yang berpatutan dan cara ia dilaksanakan adalah tekal dengan strategi perniagaan keseluruhan Kumpulan Syarikat.

Pengarah Bukan Eksekutif, yang merupakan ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, dibayar yuran pengarah tahunan yang tetap. Ahli Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah juga dibayar elaun kehadiran mesyuarat bagi menghadiri mesyuarat yang berkenaan.

Untuk Pengarah Eksekutif, Jawatankuasa berpandukan rangka kerja pampasan yang dibentuk oleh Nestlé S.A, yang merupakan pemegang saham utama Syarikat. Jawatankuasa Pampasan menyedari bahawa setiap pakej imbuhan bagi Pengarah Eksekutif Kumpulan Syarikat adalah tertakluk kepada amalan imbuhan global kumpulan syarikat Nestlé di seluruh dunia. Amalan ini dibentuk oleh Fungsi Sumber Manusia Nestlé S.A di Vevey, Switzerland. Untuk Pengarah Eksekutif Kumpulan Syarikat, ganjaran diberikan ke atas pencapaian korporat serta individu melalui faedah gaji bersepadu dan struktur bonus yang mencerminkan operasi Kumpulan Syarikat yang berdaya saing untuk menyumbang kepada strategi kemenangan organisasi Kumpulan Syarikat. Dalam bergerak ke hadapan, Jawatankuasa Pampasan telah diamanahkan untuk mengkaji semula dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah, struktur pampasan bagi Pengarah Eksekutif. Pengarah Eksekutif yang juga merupakan pekerja sepenuh masa Kumpulan Syarikat tidak menerima pampasan tambahan bagi perkhidmatan sebagai ahli Lembaga Pengarah.

### Penyata Aktiviti

Pada tahun 2103, Jawatankuasa Pampasan telah bermesyuarat dua kali. Kehadiran ahlinya adalah seperti berikut:

No.	Pengarah	Kehadiran Mesyuarat
1.	Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad	2/2
2.	Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim	2/2
3.	Dato' Frits van Dijk	2/2

Pada tahun 2013, Jawatankuasa Pampasan telah menjalankan Pengkajian Semula Imbuhan Lembaga Pengarah untuk mengkaji semula struktur imbuhan bagi Pengarah Bukan Eksekutif, selaras dengan amalan pasaran dan penanda aras industri. Kajian semula tersebut juga dijalankan ekoran daripada pertambahan tanggungjawab Pengarah, susulan cadangan baharu dalam MCCG 2012 dan juga untuk memastikan bahawa Pengarah diberi ganjaran yang kompetitif berdasarkan peranan serta tanggungjawab mereka. Kajian semula itu dibantu oleh pihak ketiga untuk memastikan kebebasan serta keobjektifannya.

Tataurusan Syarikat menyatakan bahawa apa-apa bayaran yuran Pengarah hendaklah diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan.

Arahan Imbuhan 2014 yang dicadangkan untuk pekerja Kumpulan Syarikat telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada mesyuaratnya yang bersidang pada 7 November 2013 dan 24 Februari 2014.

Semua minit mesyuarat Jawatankuasa Pampasan, termasuk kertas mesyuarat, tentang perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa Pampasan dalam melaksanakan fungsinya didokumenkan dengan betul.

Jumlah imbuhan para Pengarah yang dibayar dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, dengan pengkategorian kepada komponen yang sewajarnya, dan membezakan antara Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif, adalah seperti berikut:

2013	Pengarah Eksekutif*	Pengarah Bukan Eksekutif*
<b>(RM, Kasar) **</b>		
Gaji	1,619,705	–
Yuran Pengarah ***	–	280,000
Emolumen ****	1,665,936	39,000
Faedah *****	1,845,434	36,000
<b>Jumlah</b>	<b>5,131,075</b>	<b>355,000</b>

\* Tidak termasuk Pengarah Gantian tetapi termasuk Pengarah yang telah meletak jawatan/bersara.

\*\* Angka diberikan sebelum cukai.

\*\*\* Yuran yang dibayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif.

\*\*\*\* Emolumen lain termasuk bonus, insentif, faedah persaraan, peruntukan untuk tambang perjalanan percutian, elaun kehadiran serta elaun lain.

\*\*\*\*\* Faedah termasuk bayaran sewa, kenderaan bermotor, keahlian kelab, perbelanjaan peribadi serta faedah lain sebagai Pengarah.

## Penyata Tadbir Urus Syarikat

Bilangan Pengarah Syarikat yang lingkungan imbuhan berada dalam lingkungan RM50,000 berturut-turut adalah seperti berikut:

Julat Imbuhan (RM)	Pengarah Eksekutif* (MYR, Kasar)	Pengarah Bukan Eksekutif*
1 – 50,000	–	–
50,001 – 100,000	–	4
100,001 – 150,000	–	1
150,001 – 950,000	–	–
950,001 – 1,000,000	1	–
1,000,001 – 2,050,000	–	–
2,050,001 – 2,100,000	1	–
2,100,001 – 2,150,000	1	–
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>5</b>

\* Tidak termasuk Pengarah Gantian tetapi termasuk Pengarah yang telah meletak jawatan/bersara/ahli Lembaga Pengarah tambahan.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 28 November 2013.

### PRINSIP 3 –MEMPERKUKUH KEBEBASAN LEMBAGA PENGARAH

Terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas antara Pengerusi dengan Pengarah Urusan untuk melahirkan kebertanggungjawaban dan memudahkan pembahagian tanggungjawab itu, supaya tiada antara mereka yang mempunyai kuasa tanpa batasan dalam membuat keputusan. Pengerusi, seorang Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif, bertanggungjawab untuk memastikan kemampuan serta keberkesanan proses tadbir urus Lembaga Pengarah dan bertindak sebagai fasilitator di mesyuarat Lembaga Pengarah untuk memastikan Pengarah memberikan sumbangan kepada perkara yang dibincangkan dan tiada ahli Lembaga Pengarah menguasai perbincangan. Pengarah Urusan, yang disokong oleh Kumpulan Pengurusan, melaksanakan polisi serta keputusan Kumpulan Syarikat seperti yang diterima pakai oleh Lembaga Pengarah, memantau operasi, di samping membangun, menyelaras serta melaksanakan strategi perniagaan dan korporat.

Pengarah Urusan bertanggungjawab untuk mengetuai hala tuju Kumpulan Syarikat dan pengurusan harian Kumpulan Syarikat. Pengarah Urusan, bersama dengan Kumpulan Pengurusan, mengurus perniagaan Kumpulan Syarikat dengan cara yang tekal dengan Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé dan Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé dan juga mengikut sebarang rancangan, arahan dan panduan Lembaga Pengarah.

Dalam melaksanakan tanggungjawab serta tugas yang tersebut di atas, Kumpulan Pengurusan, yang diketuai oleh Pengarah Urusan, terdiri daripada berikut:

1. Pengarah Urusan	2. Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan	3. Pengarah Eksekutif, Teknikal & Pengeluaran
4. Pengarah Eksekutif, Jualan	5. Pengarah Eksekutif, Rangkaian Bekalan & NCE	6. Pengarah Eksekutif, Sumber Manusia
7. Pengarah Eksekutif, Tenusu	8. Pengarah Eksekutif, Hal Ehwal Korporat Kumpulan Syarikat	9. Pengurus Perniagaan Negara, Rakan Bijirin Malaysia

Lembaga Pengarah menyedari pentingnya kebebasan serta keobjektifan dalam proses membuat keputusannya. Pengarah merupakan profesional yang berkaliber serta mempunyai integriti yang tinggi, di samping mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang amat dalam tentang perniagaan untuk membolehkan mereka melaksanakan kewajipan mereka dengan berkesan. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif menyumbang pandangan, nasihat serta pertimbangan ke atas kepentingan secara objektif dan bebas, bukan sahaja yang melibatkan Kumpulan Syarikat, tetapi juga para pemegang saham, pekerja, pelanggan, pembekal dan banyak komuniti lain yang mengurus niaga dengan Kumpulan Syarikat. Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif adalah penting untuk melindungi kepentingan para pemegang saham dan boleh membuat sumbangan bermakna kepada keputusan yang dibuat oleh Kumpulan Syarikat dengan membawa masuk kualiti mereka yang tidak berat sebelah lagi berkecuali.

## Penyata Tadbir Urus Syarikat

Pada masa ini, Syarikat tidak mengenakan had tempoh bagi memegang jawatan untuk kedua-dua Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, memandangkan Lembaga Pengarah percaya bahawa sumbangan secara berterusan oleh para Pengarah memberikan manfaat kepada Lembaga Pengarah dan Kumpulan Syarikat secara keseluruhannya. Walaupun demikian, Jawatankuasa Pencalonan sedang meneliti dan berusaha ke arah polisi muktamad untuk disyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang tempoh memegang jawatan bagi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat, termasuk tempoh memegang jawatan bagi Pengerusi Syarikat. Dalam tahun kewangan berkenaan, Lembaga Pengarah menilai kebebasan Pengarah Bebas Bukan Eksekutifnya berdasarkan kriteria yang dinyatakan di Perenggan 1.01 Keperluan Penyenaraian Bursa.

MCCG 2012 mensyaratkan had tempoh kumulatif selama sembilan (9) tahun bagi pemegang jawatan seorang Pengarah Bebas. Akan tetapi, seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif boleh berterusan berkhidmat sebagai Pengarah menjelang had sembilan (9) tahun itu, tertakluk kepada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif itu dilantik semula sebagai Pengarah Tidak Bebas Bukan Eksekutif. Sekiranya Lembaga Pengarah bertujuan mengekalkan Pengarah itu sebagai Bebas selepas Pengarah tersebut telah berkhidmat secara kumulatif selama sembilan (9) tahun, Lembaga Pengarah perlu memberikan justifikasi ke atas keputusan itu dan memohon kelulusan daripada pemegang saham pada mesyuarat agung. Dalam memberikan justifikasi kepada keputusan tersebut, Jawatankuasa Pencalonan diamanahkan untuk menilai kesesuaian calon itu untuk terus memegang jawatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif berdasarkan kriteria kebebasan.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang ini, Syarikat akan memohon mandat daripada para pemegang sahamnya untuk mengekalkan Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat. Beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat sejak 05 November 2004, untuk tempoh kumulatif melebihi sembilan (9) tahun. Jawatankuasa Pencalonan

telah membuat penilaian yang diperlukan dan mensyorkan kepada Lembaga Pengarah agar beliau dikekalkan sebagai Pengarah Bebas Syarikat berdasarkan kemampuannya untuk mengekalkan kebebasan dalam membuat keputusan, di samping memberi serta mengekalkan pendapat yang tidak berat sebelah tanpa sebarang pengaruh. Tan Sri mempunyai pemahaman yang baik tentang perniagaan Syarikat, cabaran yang dihadapi oleh Syarikat serta persekitaran operasi Syarikat. Lembaga menghargai sumbangan beliau kepada Syarikat dan beliau juga komited dalam melaksanakan fungsi serta tugasnya sebagai Pengerusi Bebas, Bukan Eksekutif dan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit, termasuk tetapi tidak terhad kepada menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Cadangan resolusi ini adalah selari dengan cadangan di bawah MCCG 2012 dan ini akan membenarkan beliau untuk terus berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit, menurut peruntukan Perenggan 15.10 Keperluan Penyenaraian Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Jawatankuasa Pencalonan akan berterusan menilai kebebasan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat, secara tahunan.

### PRINSIP 4 – MEMUPUK KOMITMEN PENGARAH

Lembaga Pengarah biasanya menjadualkan empat (4) mesyuarat dalam setahun. Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dijadualkan jauh lebih awal, iaitu pada Suku Kedua tahun kewangan yang sebelumnya, bagi memudahkan para Pengarah merancang lebih awal dan untuk memastikan tarikh mesyuarat Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah direkod di dalam jadual masing-masing. Mesyuarat tambahan akan diadakan apabila keputusan yang segera dan penting perlu dibuat antara mesyuarat yang telah dijadualkan.

Dalam tahun kewangan berkenaan, empat (4) mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan dan butiran mengenai kehadiran para Pengarah adalah seperti berikut:

Pengarah	Kehadiran Mesyuarat
Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail	4/4
Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad	4/4
Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim	4/4
Tan Sri Datuk Yong Poh Kon	4/4
Dato' Frits van Dijk	3/4
Alois Hofbauer	4/4
Marc Seiler	4/4

(Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong tidak menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga Pengarah memandangkan sejak tarikh pelantikannya, tiada mesyuarat telah diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013).

### Komitmen Masa

Selain mesyuarat yang telah dijadualkan, jika apa-apa arahan atau keputusan daripada Lembaga Pengarah diperlukan dengan cepat dan cekap atau segera, mesyuarat khas Lembaga Pengarah akan diadakan oleh Setiausaha Syarikat, selepas berunding dengan Pengerusi. Keputusan Lembaga Pengarah dibuat secara sebulat suara atau melalui konsensus. Keputusan Lembaga Pengarah, jika wajar, boleh juga diambil melalui Resolusi Edaran Pengarah, antara mesyuarat yang telah dijadualkan dengan mesyuarat khas. Pada tahun 2013, lima (5) resolusi, daripada hal tadbir hingga operasi, telah diluluskan oleh Pengarah menerusi Resolusi Edaran.

## Penyata Tadbir Urus Syarikat

Agenda mesyuarat Lembaga Pengarah ditetapkan oleh Setiausaha Syarikat setelah berunding dengan Pengerusi dan Pengarah Urusan. Agenda, laporan berkaitan serta kertas Lembaga Pengarah diberikan kepada para Pengarah terlebih dahulu untuk memberikan mereka masa yang cukup untuk membaca dengan teliti agar perbincangan serta keputusan yang dibuat ketika mesyuarat akan menjadi lebih berkesan. Lembaga Pengarah mempunyai jadual perkara biasa yang lazimnya terkandung dalam agenda dan diteliti sepanjang tahun iaitu, Pelan Perniagaan Syarikat, Pembentangan oleh Pengarah Urusan serta Laporan Suku Tahunan; Keputusan Suku Tahunan Disatukan yang Belum Diaudit; Laporan dan cadangan daripada pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah; Pengumuman kepada Bursa; Penyata Kewangan Syarikat yang Telah Diaudit; Laporan Tahunan Syarikat (termasuk Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, Laporan Jawatankuasa Audit, Penyata Jawatankuasa Pencalonan dan Penyata Menjana Nilai Bersama). Ahli Kumpulan Pengurusan atau penasihat luar dijemput, seperti mana diperlukan, untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan/atau Jawatankuasa Lembaga Pengarah untuk menasihati serta memberikan maklumat dan penjelasan berkenaan dengan butiran dalam agenda kepada ahli Lembaga Pengarah dan/atau Jawatankuasa Lembaga Pengarah, agar perbincangan dan keputusan yang dibuat menjadi lebih berkesan.

Semua isu berkaitan yang dibincangkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah dalam mencapai keputusan dan persetujuan, direkod dengan betul oleh Setiausaha Syarikat menerusi minit mesyuarat. Menjadi polisi Lembaga Pengarah agar para Pengarah memperuntukkan masa dan usaha yang secukupnya dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Komitmen ini diperolehi daripada para Pengarah pada ketika mereka dilantik. Sebelum menerima pelantikan sebagai seorang pengarah luar, Pengarah tersebut hendaklah memastikan komitmen masa yang secukupnya diberikan kepada Nestlé sebelum memaklumkan secara bertulis kepada Setiausaha Syarikat, yang kemudiannya akan membawa perkara itu kepada Pengerusi dan Pengarah Urusan. Pengerusi dan Pengarah Urusan akan memutuskan tentang penerimaan permintaan itu. Sekiranya ada potensi untuk konflik dalam pelantikan yang akan dibuat, perkara itu akan dikemukakan

kepada Jawatankuasa Pencalonan, walaupun Keperluan Penyenaian Bursa membenarkan seorang Pengarah untuk dilantik menjadi pengarah tidak lebih daripada lima (5) syarikat tersenarai awam. Makluman tersebut seharusnya mengandungi petunjuk masa yang akan digunakan untuk pelantikan luar yang baharu tersebut.

### Latihan Pengarah

Lembaga Pengarah menyedari pentingnya bagi ahlinya menjalani latihan yang berterusan, dan melalui Jawatankuasa Pencalonan, Lembaga Pengarah berterusan menilai serta menentukan keperluan latihan para ahlinya untuk memastikan pendidikan berterusan disediakan kepada Pengarah supaya mereka dapat mempertingkatkan kepintaran dalam perniagaan serta keprofesionalan dalam melaksanakan kewajipan mereka kepada Kumpulan Syarikat. Pada April 2013, kesemua Pengarah pada ketika itu telah menghadiri Latihan Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia yang dikendalikan oleh KPMG.

Mana-mana Pengarah yang dilantik ke Lembaga Pengarah hendaklah menyempurnakan Program Akreditasi Mandatori ("MAP") dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh pelantikan. Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong, sebagai Pengarah baharu yang dilantik pada November 2013, telah menghadiri dan melengkapkan MAP dan telah juga menghadiri suatu program aruhan yang komprehensif untuk membiasakan dirinya dengan operasi Syarikat.

Pada Disember 2013, Syarikat telah menguruskan lawatan ke kilang serta pasaran untuk para Pengarahnya sebagai sebahagian daripada latihan mereka.

Menurut perenggan 15.08(2) dan Apendiks 9C (Bahagian A, Perenggan 28) Keperluan Penyenaian Bursa, Pengarah telah, dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, menghadiri program pembangunan serta latihan dalam bidang kepimpinan, tadbir urus, kewangan, perkembangan tentang peraturan, tanggungjawab sosial korporat, keselamatan maklumat dan perisikan perniagaan. Syarikat juga menyediakan taklimat dalaman kepada Pengarah tentang perkembangan utama mengenai tadbir urus korporat serta perubahan penting kepada Keperluan Penyenaian Bursa, undang-undang dan peraturan. Selain itu, sebagai sebahagian

daripada program pendidikan berterusan kepada Pengarah, semua Pengarah, dari masa ke masa, dibekalkan dengan salinan cetak bahan bacaan berkaitan dengan perkembangan terkini, dalam bidang yang berkenaan dengan peranan serta tanggungjawab Pengarah.

Juruaudit Luar juga akan berterusan memberikan taklimat kepada ahli Lembaga Pengarah tentang sebarang perubahan kepada Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia yang memberi kesan kepada penyata kewangan Kumpulan Syarikat dalam tahun berkenaan. Pengarah juga digalakkan menghadiri latihan luar yang sewajarnya, yang berkenaan dengan hal perkara yang membantu Pengarah dalam melaksanakan tugasnya sebagai Pengarah, dengan kos ditanggung oleh Syarikat.

### PRINSIP 5 – MENDUKUNG INTEGRITI DALAM PELAPORAN KEWANGAN OLEH SYARIKAT

Lembaga Pengarah mempunyai matlamat untuk menyediakan dan mengemukakan suatu penilaian yang seimbang serta komprehensif ke atas prestasi kewangan serta prospek Kumpulan Syarikat pada penghujung tahun kewangan, terutamanya melalui penyata kewangan tahunan, pengumuman keputusan setiap suku tahun serta setengah tahun kepada pemegang saham, dan juga Mesej Kepada Para Pemegang Saham serta meneliti operasi Kumpulan Syarikat dalam Laporan Tahunan.

Lembaga Pengarah bergantung kepada laporan juruaudit luar untuk memastikan penyata kewangan memberikan gambaran yang benar lagi adil tentang keadaan Kumpulan Syarikat dan Syarikat setakat penghujung tempoh pelaporan, dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan Syarikat dan Syarikat bagi tempoh yang sama. Dalam menyediakan penyata kewangan, Pengarah memastikan bahawa standard perakaunan seperti yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan ("MASB") di Malaysia serta peruntukan Akta Syarikat 1965 dipatuhi, di samping membuat pertimbangan serta anggaran yang munasabah lagi bijak. Tanggungjawab keseluruhan Pengarah turut termasuk mengambil langkah-langkah yang agak terbuka kepada mereka, bagi melindungi aset Kumpulan Syarikat, dan bagi pelaksanaan serta operasi berterusan sistem perakaunan dan kawalan dalaman yang mampu mencegah fraud dan ketakteraturan lain.

## Penyata Tadbir Urus Syarikat

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa mengikut sebaik-baik pengetahuannya, ia telah memenuhi tanggungjawabnya untuk mengemukakan penilaian yang seimbang serta boleh difahami tentang kedudukan dan prospek Kumpulan Syarikat, dalam Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan yang terkandung di dalam Laporan Tahunan ini.

Bagi membantu pelaksanaan kewajipannya tentang pelaporan kewangan, Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Audit, yang kesemuanya terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif, dengan Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail sebagai Pengerusinya. Komposisi Jawatankuasa Audit, termasuk peranan serta tanggungjawabnya, dijelaskan di dalam Laporan Tahunan ini. Satu daripada tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit adalah untuk memastikan penyata kewangan Kumpulan Syarikat dan Syarikat mematuhi piawaian pelaporan kewangan yang terpakai di Malaysia. Penyata kewangan tersebut mengandungi laporan kewangan suku tahunan yang diumumkan kepada Bursa dan penyata kewangan berkanun tahunan.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah untuk mengadakan persediaan yang formal serta telus dalam mempertimbangkan bagaimana ia harus mengaplikasikan pelaporan kewangan serta kawalan dalaman, di samping mengekalkan hubungan yang sewajarnya dengan juruaudit luar Kumpulan Syarikat, dipenuhi melalui Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit berbincang dengan juruaudit luar ciri-ciri dan skop audit serta tanggungjawab pelaporan sebelum audit dimulakan. Jawatankuasa Audit memastikan pihak Pengurusan memberikan jawapan kepada sebarang pertanyaan material daripada juruaudit luar tepat pada masanya, yang berkenaan dengan rekod perakaunan, akaun kewangan atau sistem kawalan dalaman.

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk meneliti apa-apa perkara berkenaan dengan pelantikan dan pelantikan semula, peletakan jawatan atau pemecatan juruaudit luar dan meneliti serta menilai faktor berkaitan dengan kebebasan juruaudit luar. Jawatankuasa Audit bekerja rapat dengan juruaudit luar dalam merangka tatacara dalam membuat penilaian tentang kesesuaian serta kebebasan juruaudit luar, dalam mengesahkan bahawa mereka sememangnya bebas dan selama ini sentiasa bebas, sepanjang pengendalian penggunaan khidmat audit dengan Kumpulan Syarikat, mengikut kriteria kebebasan yang dinyatakan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa dan Institut Akauntan Malaysia. Jawatankuasa Audit akan meneliti terma penggunaan khidmat bagi perkhidmatan yang diberikan oleh juruaudit sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.

### PRINSIP 6 – MENGENAL PASTI DAN MENGURUS RISIKO KUMPULAN SYARIKAT

Dalam menyedari pentingnya pengurusan risiko dan kawalan dalaman, Lembaga Pengarah telah mewujudkan suatu rangka kerja pengurusan risiko yang tersusun untuk mengenal pasti, menilai, mengawal, mengawasi dan melaporkan risiko perniagaan utama yang dihadapi oleh Kumpulan Syarikat, secara berterusan. Ciri-ciri penting rangka kerja pengurusan risiko tersebut dinyatakan di dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, yang termasuk di dalam Laporan Tahunan ini.

Lembaga Pengarah telah mewujudkan polisi serta tatacara kawalan dalaman dan ia diawasi bagi memastikan polisi serta tatacara tersebut dilaksanakan dan dijalankan secara berkesan oleh Kumpulan Pengurusan. Kumpulan Syarikat telah menyediakan Polisi Teknologi Maklumat yang menggariskan proses yang perlu diikuti untuk merangka polisi, amalan terbaik, piawaian serta penggunaan teknologi maklumat sokongan. Lembaga Pengarah menyedari implikasi undang-undang jika sistem teknologi atau maklumat disalah guna dengan cara yang boleh mengakibatkan pelanggaran undang-undang serta peraturan.

Berpandukan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan Bagi Pengarah Syarikat Tersenarai Awam, Lembaga Pengarah akan mengkaji semula, bukan sahaja kawalan kewangan, tetapi kawalan operasi dan pematuhan serta sistem pengurusan risiko, dalam semua aspek penting, secara tahunan. Lembaga Pengarah menerima jaminan yang munasabah daripada pelbagai laporan yang diserahkan oleh pihak Pengurusan dan Jawatankuasa Audit tentang sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Butiran mengenai Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman serta Fungsi Audit Dalaman Nestlé Malaysia terkandung di muka surat 18 hingga 20 Laporan Tadbir Urus Korporat dan Kewangan.

### PRINSIP 7 – MEMASTIKAN PENDEDAHAN TEPAT PADA MASANYA SERTA BERKUALITI TINGGI

Suatu aspek penting kepada polisi perhubungan yang aktif dan membina, adalah kesegeraan dalam menyebarkan maklumat kepada para pemegang saham serta pelabur. Lembaga Pengarah menyedari tentang perlunya untuk mewujudkan polisi dan tatacara pendedahan korporat untuk membolehkan pendedahan berkenaan dengan Syarikat dan anak syarikatnya dibuat secara komprehensif, tepat dan pada masanya kepada pengawal selia, para pemegang saham serta pihak berkepentingan.

Bagi tahun kewangan berkenaan, polisi dan tatacara pendedahan korporat yang telah pun diterima pakai serta dilaksanakan dalam Syarikat adalah seperti berikut:

#### i) Pengumuman keputusan kewangan suku tahunan tepat pada masanya

Kumpulan Syarikat menyedari pentingnya penyebaran maklumat dibuat dengan segera dan tepat pada masanya kepada para pemegang saham serta pelabur, untuk memastikan pihak berkepentingan ini boleh membuat keputusan pelaburan atas dasar berpengetahuan. Lembaga Pengarah berpandangan bahawa maklumat yang tidak disampaikan tepat pada masanya, walaupun komprehensif dan tepat, akan menjadi kurang relevan bagi tujuan pelaburan tersebut. Oleh itu, Kumpulan Syarikat memberikan keutamaan yang tinggi untuk memastikan maklumat tersedia

## Penyata Tadbir Urus Syarikat

dan disebarikan seawal mungkin. Pengumuman keputusan kewangan secara suku tahunan dengan segera dan tepat pada masanya, seperti berikut, membolehkan para pemegang saham mendapat gambaran keseluruhan tentang prestasi serta operasi Kumpulan Syarikat dan membolehkan mereka membuat keputusan pelaburan atas dasar berpengetahuan:

<b>Keputusan Suku Tahunan 2013</b>	<b>Tarikh Terbit/Umum</b>	<b>Tarikh Akhir Bursa Securities</b>	<b>Bilangan Hari Selepas Tamat Suku Tahun</b>
Suku Pertama	30.04.2013	31.05.2013	30
Suku Kedua	22.08.2013	31.08.2013	53
Suku Ketiga	07.11.2013	30.11.2013	38
Suku Keempat (termasuk keputusan bagi sepenuh tahun)	24.02.2014	28.02.2014	55

### ii) Perhubungan Pelabur

Syarikat mengadakan taklimat suku tahunan secara berasingan untuk pengurus dana, pelabur institusi, dan penganalisis pelaburan dan juga pihak media selepas setiap pengumuman suku tahunan tentang keputusan dibuat kepada Bursa.

Taklimat tersebut bertujuan bukan sahaja untuk menggalakkan penyebaran keputusan kewangan Syarikat kepada pelabur, pemegang saham dan media tetapi juga untuk memberikan maklumat kemas kini kepada pelabur awam dan pihak berkepentingan lain tentang perkembangan dan kemajuan perniagaan Kumpulan Syarikat. Taklimat suku tahunan dikendalikan oleh Pengarah Eksekutif Kewangan & Kawalan.

Pada tahun 2013, Syarikat mengadakan empat (4) taklimat suku tahunan untuk pengurus dana, pelabur institusi serta penganalisis pelaburan.

### iii) Laman web Syarikat dan jurucakap yang bertauliah

Di samping memberikan pemahaman komprehensif tentang prestasi Kewangan Kumpulan Syarikat, Lembaga Pengarah juga menyedari pentingnya menyampaikan maklumat mengenai strategi perniagaan Kumpulan Syarikat, laporan kemas kini tentang perkembangan inisiatif perniagaan terkini Kumpulan Syarikat dan juga prestasi kewangannya semasa taklimat tersebut. Untuk menyebarkan maklumat kepada semua pihak komunikasi luar tepat pada masanya, mulai tahun 2013, Syarikat telah memaparkan semua Laporan Suku Tahunan pada laman web korporat Syarikat, [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my), dan semua pemegang saham boleh mendapatkannya di bawah 'Perhubungan Pelabur'.

Dengan minat progresif serta kesedaran pihak pelabur yang semakin meningkat tentang keperluan yang lebih tinggi terhadap kebertanggungjawaban dan ketelusan, Lembaga Pengarah menitikberatkan akan pengekalan dialog secara aktif dan komunikasi berkesan dengan pemegang saham serta pelabur untuk membolehkan mereka membuat keputusan pelaburan atas dasar berpengetahuan. Sebagai sebahagian daripada komitmen Syarikat ke arah matlamat ini, kakitangan Pengurusan Kanan yang berpengalaman terlibat secara langsung dalam aktiviti perhubungan pelabur Syarikat. Dengan penglibatan secara aktif oleh kakitangan Pengurusan Kanan, komuniti pelaburan dijamin menerima pandangan serta maklumat tentang Kumpulan Syarikat yang wajar, tepat dan pada masanya. Butiran tentang kakitangan Pengurusan Kanan bertauliah yang bertanggungjawab untuk Perhubungan Pelabur adalah seperti berikut:

Nama : Marc Seiler  
 Jawatan : Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan  
 Umur : 49 tahun  
 Alamat : Nestlé (Malaysia) Berhad (110925-W)  
 22-1, Tingkat 22 Menara Surian  
 No. 1, Jalan PJU 7/3 Mutiara Damansara  
 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
 No. Tel : 03 - 7965 6107  
 E-mel : [InvestorRelations.Malaysia@my.nestle.com](mailto:InvestorRelations.Malaysia@my.nestle.com)

Butiran lanjut mengenai kelayakan serta pengalaman berkaitan beliau boleh didapati di dalam Profil Pengarah di muka surat 35 Laporan Korporat.



## Penyata Tadbir Urus Syarikat

Telah menjadi amalan Syarikat untuk membalas pertanyaan pemegang saham yang dibuat melalui surat, telefon dan e-mel. Setiap surat atau e-mel yang diterima, yang memerlukan perhatian Lembaga Pengarah, akan diteliti oleh Jabatan Undang-Undang dan Kesetiausahaan sebelum ia diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan.

Walaupun Syarikat berusaha untuk menyediakan sebanyak maklumat yang mungkin kepada pemegang saham dan pihak berkepentingan, Lembaga Pengarah sedar akan rangka kerja undang-undang serta peraturan yang terpakai mengenai pendedahan maklumat material serta sensitif harga.

### iv) Urus niaga pihak berkaitan dan kontrak material

Terdapat suatu rangka kerja pematuhan dalaman untuk memastikan Syarikat memenuhi tanggungjawabnya di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa, termasuk tanggungjawab berhubung dengan urus niaga pihak berkaitan dan urus niaga berulang pihak berkaitan. Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit, meneliti semua urus niaga pihak berkaitan dan situasi konflik kepentingan, jika ada, setiap suku tahun. Seorang Pengarah yang berkepentingan dalam suatu urus niaga hendaklah abstain berbincang dan mengundi resolusi yang berkaitan dengan urus niaga tersebut pada mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan bagi mempertimbangkan perkara tersebut.

Kumpulan Syarikat telah merangka tatacara untuk memastikan semua urus niaga pihak berkaitan dijalankan atas dasar kesaksamaan dan atas terma komersil biasa, tekal dengan

amalan serta polisi urus niaga biasa Kumpulan Syarikat, yang umumnya tidak lebih menguntungkan berbanding dengan yang lazimnya ditawarkan kepada umum dan pembekal lain, serta tidak menjejaskan pemegang saham minoriti.

Ciri-ciri penting tatacara berkenaan dengan tadbir urus urus niaga pihak berkaitan diringkaskan seperti berikut:

- semua urus niaga pihak berkaitan hendaklah dijalankan atas dasar kesaksamaan dan atas terma komersil biasa, yang tidak lebih menguntungkan berbanding dengan yang lazimnya ditawarkan kepada umum dan pembekal lain, serta tidak menjejaskan pemegang saham minoriti;
- semua urus niaga pihak berkaitan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit. Mana-mana ahli Jawatankuasa Audit, jika dianggap sesuai, boleh meminta maklumat tambahan berkenaan dengan urus niaga tersebut, termasuk nasihat daripada sumber atau penasihat bebas; dan
- semua urus niaga berulang pihak berkaitan yang memasuki menurut mandat pemegang saham bagi urus niaga berulang pihak berkaitan akan direkod oleh Syarikat.

Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan menurut mandat pemegang saham yang dimasuki oleh Kumpulan Syarikat dengan pihak berkaitan pada tahun 2013 daripada 02 Mei 2013 (tarikh Mesyuarat Agung Tahunan yang terakhir) hingga 03 Mac 2014 adalah seperti berikut:

- pembelian hasil makanan separuh siap dan hasil makanan siap daripada syarikat gabung Nestlé yang berjumlah lebih kurang RM420 juta;

- pembayaran royalti bagi penggunaan tanda niaga bagi penjualan hasil makanan kepada syarikat gabung Nestlé yang berjumlah lebih kurang RM180 juta;
- pembayaran perkhidmatan perkongsian teknologi maklumat bagi penggunaan dan penyelenggaraan perkhidmatan teknologi maklumat kepada syarikat gabung Nestlé yang berjumlah lebih kurang RM29 juta;
- penjualan hasil makanan kepada syarikat gabung Nestlé yang berjumlah lebih kurang RM720 juta;
- mengebil untuk perkhidmatan perkongsian lebih kurang RM2 juta, RM2 juta dan RM1 juta, masing-masing kepada Cereal Partners (Malaysia) Sdn. Bhd., Purina Petcare (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Wyeth Nutrition (Malaysia) Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Wyeth (Malaysia) Sdn. Bhd.).

Bagi tahun kewangan berakhir 2013, tiada kontrak material dimasuki oleh Kumpulan Syarikat (kontrak yang bukan dimasuki dalam urusan perniagaan biasa), yang melibatkan Pengarah dan pemegang saham utama, kecuali untuk kontrak material yang berkenaan dengan urus niaga berulang pihak berkaitan yang bersifat hasil atau perdagangan yang telah diketahui umum.

### PRINSIP 8 – MENGUKUHKAN HUBUNGAN ANTARA SYARIKAT DAN PEMEGANG SAHAMNYA

Lembaga Pengarah percaya bahawa ia bukan sahaja bertanggungjawab terhadap pemegang saham tetapi turut bertanggungjawab untuk menguruskan hubungan yang berjaya dan produktif dengan pihak berkepentingan Syarikat.

## Penyata Tadbir Urus Syarikat

### Laporan Tahunan dan Penglibatan Pemegang Saham di Mesyuarat Agung

Lembaga Pengarah menyedari pentingnya mengekalkan ketelusan serta kebertanggungjawaban kepada pemegang saham Syarikat. Lembaga Pengarah memastikan yang semua pemegang saham Syarikat diperlakukan dengan adil dan hak semua pelabur dilindungi, termasuk hak pemegang saham minoriti. Lembaga Pengarah menyediakan maklumat tentang perniagaan, kewangan serta aktiviti penting Syarikat yang lain kepada para pemegang saham dan pelabur di dalam Laporan Tahunan Syarikat, dan kandungannya dipertingkatkan secara berterusan untuk mengambil kira perkembangan, antara lain, dalam tadbir urus korporat.

Lembaga Pengarah mempunyai matlamat untuk memberi dan memaparkan suatu penilaian tentang pendedahan maklumat, yang jelas lagi komprehensif di dalam Laporan Tahunan kepada para pemegang saham. Dalam mendedahkan maklumat di dalam Laporan Tahunan, Lembaga Pengarah berpedukan prinsip yang dinyatakan di dalam Keperluan Penyenaraian serta Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé.

Syarikat menghantar Notis Mesyuarat Agung Tahunan dan pekeliling yang berkaitan kepada pemegang saham, sekurang-kurangnya 21 hari sebelum mesyuarat, seperti yang diperuntukkan di bawah Keperluan Penyenaraian, untuk memudahkan pemahaman penuh dan penilaian kepada isu yang berkaitan. Jika perkara yang melibatkan urusan khas terdapat di dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan, penjelasan penuh diberikan kepada pemegang saham tentang kesan ke atas resolusi yang dicadangkan, ekoran daripada urusan khas tersebut. Mesyuarat Agung Tahunan merupakan peluang utama bagi Lembaga Pengarah untuk bertemu para pemegang saham dan untuk Pengerusi memberikan gambaran keseluruhan tentang pencapaian Kumpulan Syarikat di samping menerima pertanyaan daripada pemegang saham.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan, pemegang saham terlibat secara aktif dalam membincangkan resolusi yang dicadangkan atau tentang pembangunan

masa hadapan operasi Kumpulan Syarikat secara umumnya. Lembaga Pengarah, Kumpulan Pengurusan serta juruaudit luar Syarikat, akan hadir untuk menjawab semua pertanyaan yang dibangkitkan dan memberikan penjelasan seperti yang diminta oleh pemegang saham.

Semua resolusi yang dinyatakan di dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan, akan diundi dengan cara mengangkat tangan. Pada masa hadapan, Syarikat akan berusaha, di mana mungkin, untuk meletakkan cara pengundian ke atas resolusi yang dibentangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan dengan cara membuang undi, jika perlu. Suatu sidang akhbar diadakan sebaik sahaja berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan, dan Pengarah Urusan serta ahli Kumpulan Pengurusan yang terpilih akan memberikan laporan kemas kini kepada wakil media tentang resolusi yang diluluskan, di samping menjawab pertanyaan tentang Kumpulan Syarikat. Pengumuman kepada Bursa tentang keputusan Mesyuarat Agung Tahunan akan dibuat pada hari yang sama mesyuarat diadakan.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, meja bantuan akan disediakan sebagai titik hubungan untuk para pemegang saham. Kontak utama Syarikat dengan para pemegang saham adalah melalui Pengerusi, Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif Kewangan & Kawalan serta Setiausaha Syarikat. Semua pertanyaan pemegang saham diterima oleh Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat akan memberikan maklum balas serta jawapan kepada pertanyaan pemegang saham, melainkan maklumat yang sensitif, yang mungkin tidak boleh didedahkan kepada umum. Jawapan secara bertulis turut diberikan, apabila perlu.

Mesyuarat Agung Tahunan 2013 telah diadakan pada 02 Mei 2013 di Hotel Le Méridien, Kuala Lumpur. Bilangan pemegang saham yang hadir pada mesyuarat itu adalah lebih tinggi berbanding dengan jumlah kehadiran pada mesyuarat yang diadakan pada tahun sebelumnya, yang menunjukkan tahap penglibatan serta penyertaan yang lebih tinggi dalam kalangan pemegang saham.

### Perhubungan dan Penglibatan dengan Para Pemegang Saham

Syarikat menyedari pentingnya bersikap telus dan bertanggungjawab terhadap pihak berkepentingan dan oleh sebab itu, ia mengekalkan polisi perhubungan yang aktif serta membina, yang membolehkan pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan berhubung secara berkesan dengan pihak pelabur, komuniti kewangan serta pihak awam umumnya.

Pelbagai saluran perhubungan adalah melalui mesyuarat dengan pemegang saham institusi dan komuniti pelaburan, pengumuman suku tahunan tentang keputusan kewangan kepada Bursa, pengumuman dan pekeliling yang berkenaan, apabila perlu, Mesyuarat Agung Tahunan serta Mesyuarat Agung Luar Biasa dan melalui laman web korporat Syarikat di [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my). Di laman web ini, pemegang saham dan bakal pelabur boleh mendapat akses kepada maklumat korporat, laporan tahunan, siaran akhbar, maklumat kewangan, pengumuman Syarikat serta harga saham Syarikat. Untuk mengekalkan tahap ketelusan yang tinggi serta menangani apa-apa isu atau perkara yang membimbangkan dengan berkesan, Kumpulan Syarikat telah menyediakan suatu e-mel khas, [InvestorRelations.Malaysia@my.nestle.com](mailto:InvestorRelations.Malaysia@my.nestle.com), yang membolehkan pihak berkepentingan menyalurkan pertanyaan dan kebimbangan mereka.

### Penyata daripada Lembaga Pengarah tentang Penyata Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah telah mempertimbangkan, meneliti dan meluluskan Penyata ini. Lembaga Pengarah menganggap dan berpuas hati bahawa mengikut sebaik-baik pengetahuannya, Syarikat telah memenuhi tanggungjawabnya di bawah Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé, MCCG 2012, bab yang berkaitan dengan tadbir urus korporat di dalam Keperluan Penyenaraian dan semua undang-undang serta peraturan yang terpakai, sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Penyata ini telah dibentangkan dan diluluskan pada mesyuarat khas Lembaga Pengarah pada 13 Mac 2014.

# Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

## Pengenalan

Lembaga Pengarah Nestlé (Malaysia) Berhad ("Lembaga Pengarah") komited ke arah mengekalkan suatu sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang andal dan dengan sukacitanya membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam ini ("Penyata"), yang menggariskan skop serta ciri-ciri pengurusan risiko dan kawalan dalaman Nestlé (Malaysia) Berhad serta anak syarikatnya ("Kumpulan Syarikat") bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Bagi tujuan pendedahan, Penyata ini telah disediakan menurut Perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaian Bursa Malaysia Securities Berhad dan berpandukan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam: Garis Panduan Bagi Pengarah Syarikat Tersenarai Awam.

## TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah komited dan mengakui tanggungjawab keseluruhannya untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko Kumpulan Syarikat dan juga mengkaji semula kemampuan, integriti serta keberkesannya untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan Syarikat.

Lembaga Pengarah menyedari bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang andal merupakan bahagian yang penting kepada tadbir urus korporat yang baik. Lembaga Pengarah dan Kumpulan Pengurusan bertanggungjawab bagi pembentukan kawalan dalaman untuk Kumpulan Syarikat. Lembaga Pengarah mempunyai proses yang berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko ketara yang dihadapi oleh Kumpulan Syarikat. Lembaga Pengarah telah mewakilkan tanggungjawab untuk memantau sistem kawalan dalaman serta pengurusan risiko kepada Kumpulan Pengurusan. Sistem serta proses pengurusan risiko dan kawalan dalaman

adalah tertakluk kepada penilaian yang dilakukan oleh Kumpulan Pengurusan secara tetap, bagi melihat kemampuan serta keberkesannya, dan dikemas kini dari masa ke masa, termasuk mengambil langkah-langkah pengurangan, melalui Jawatankuasa Audit, untuk menangani risiko penting seperti yang telah dikenal pasti. Proses ini telah wujud bagi tahun kewangan yang berkenaan dan masih wujud hingga tarikh kelulusan Penyata ini, untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan Syarikat.

Sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman merangkumi bukan sahaja kawalan kewangan tetapi juga kawalan operasi, risiko serta pematuhan. Sistem ini dirancang untuk mengurus, dan bukan menghapuskan risiko kegagalan, ekoran daripada ketidakpencapaian polisi, matlamat dan objektif Kumpulan Syarikat. Sistem tersebut memberikan jaminan yang munasabah dan bukan jaminan mutlak ke atas pernyataan silap atau kehilangan yang material.

Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah untuk mengkaji semula kemampuan serta keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman dalam Kumpulan Syarikat dan memastikan kaedah dan tatacara yang memadai digunakan untuk mendapatkan tahap jaminan yang dikehendaki Lembaga.

## RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah dan Kumpulan Pengurusan menyokong sepenuhnya kandungan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam: Garis Panduan Bagi Pengarah Syarikat Tersenarai Awam. Bagi menyokong Jabatan Audit Dalam Nestlé Malaysia dan amalan lazim syarikat berkaitan, Lembaga Pengarah dan Kumpulan Pengurusan telah mewujudkan suatu garis panduan, langkah-langkah kawalan dan proses pengurusan risiko di seluruh Kumpulan Syarikat.

Pengurusan risiko terterap teguh dalam proses penting Kumpulan Syarikat melalui Rangka Kerja Pengurusan Risikonya, selari dengan Prinsip 6 dan Cadangan 6.1 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 ("MCCG 2012"). Amalan pengurusan risiko dipupuk dan diperkukuh dalam aktiviti Kumpulan Syarikat, yang memerlukan, antara lain, nilai ambang ketahanan risiko diwujudkan bagi mengenal pasti, menilai dan memantau dengan aktif risiko perniagaan penting yang dihadapi Kumpulan Syarikat.

Prinsip, polisi, tatacara dan amalan Pengurusan Risiko dikaji semula secara berkala dan keputusannya dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit untuk memastikan ia tetap relevan dan mematuhi undang-undang dan peraturan semasa yang terpakai.

## FUNGSI AUDIT DALAMAN NESTLÉ MALAYSIA

Jabatan Audit Dalam Nestlé Malaysia bertanggungjawab untuk mengkaji semula semua polisi serta proses Kumpulan Syarikat dan hubungannya dengan pihak ketiga. Melalui Jawatankuasa Audit, ia memberikan Lembaga Pengarah pendapat yang bebas tentang proses tersebut, pendedahan kepada risiko serta sistem kawalan dalaman Kumpulan Syarikat. Tanggungjawab Jabatan Audit Dalam Nestlé Malaysia termasuk:

- menilai dan melaporkan tentang keberkesanan sistem risiko dan kawalan dalaman;
- menilai dan melaporkan tentang keandalan sistem serta pelaporan maklumat;
- menilai dan melaporkan tentang kecekapan operasi pelbagai unit dan jabatan perniagaan dalam Kumpulan Syarikat dan mengenal pasti potensi untuk berjimat, jika praktikal; dan

## Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

- meneliti pematuhan kepada polisi Kumpulan Syarikat, Arahan Tetap Syarikat serta garis panduannya, dan undang-undang serta peraturan yang terpakai.

Jabatan Audit Dalam Nestlé Malaysia mengenal pasti skop auditnya berdasarkan penilaian risiko yang dibuat ke atas (a) risiko yang wujud pada unit/jabatan perniagaan; dan (b) kerumitan proses dari peringkat awal hingga akhir dalam setiap unit/jabatan perniagaan.

Hasil audit dalaman dilaporkan secara suku tahunan kepada Jawatankuasa Audit dan laporan Jawatankuasa Audit merupakan agenda kekal dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Maklum balas daripada Kumpulan Pengurusan kepada setiap cadangan serta pelan tindakan yang dikemukakan oleh audit dalaman di dalam laporan tersebut, dikaji semula secara tetap dan tindakan susulan akan diambil oleh Jabatan Audit Dalam Nestlé Malaysia dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit. Suatu matriks yang merangkumi penarafan audit keseluruhan, ciri-ciri kerja serta skop, dan isu audit serta keutamaannya telah diwujudkan sebagai pencontoh untuk dijadikan panduan kepada tindakan susulan audit yang akan dilakukan. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013, Jabatan Audit Dalam Nestlé Malaysia telah melakukan sebelas (11) audit dalaman yang melibatkan fungsi korporat, gudang, kilang serta unit perniagaan. Selain itu, enam (6) tinjauan secara ad hoc telah dilakukan. Pemerhatian daripada audit dalaman dibentangkan bersama dengan balasan serta pelan tindakan yang dicadangkan oleh Kumpulan Pengurusan, kepada Jawatankuasa Audit untuk penelitian dan kelulusannya.

Tambahan lagi, Jabatan Audit Nestlé S.A, yang merupakan anggota utama audit dalaman kepada syarikat induk, Nestlé S.A, turut bertanggungjawab menilai keberkesanan kawalan dalaman untuk Kumpulan Global Nestlé. Jabatan Audit Nestlé S.A mengkaji semula proses,

sistem serta kecemerlangan perniagaan ke atas bahagian/unit perniagaan yang terpilih berdasarkan Metodologi Penilaian Risiko Seluruh Kumpulan Syarikat. Pelan tahunan audit dalaman dan hasil Jabatan Audit Nestlé S.A dilaporkan secara tetap kepada Pengurusan Kawasan dan Jawatankuasa Audit Nestlé S.A. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013, berdasarkan pelan tahunan audit yang diluluskan serta penilaian risiko, empat (4) audit telah dilakukan ke atas Kumpulan Syarikat oleh Jabatan Audit Nestlé S.A.

Pelan audit tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 telah dibentangkan dan diteliti oleh Jawatankuasa Audit dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada suku terakhir tahun 2012. Pelan audit tahunan bagi tahun kewangan 2014 telah dibentangkan dan diteliti oleh Jawatankuasa Audit dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada suku terakhir tahun 2013.

### PROSES RISIKO DAN KAWALAN LAIN

Struktur tadbir urus keseluruhan serta polisi dan tatacara yang dijelaskan secara formal (melalui Arahan Tetap Syarikat) merupakan bahagian penting dalam mewujudkan persekitaran kawalan serta risiko dalam Kumpulan Syarikat. Walaupun Kumpulan Syarikat merupakan suatu organisasi berangkaian, suatu jejak kebertanggungjawaban yang didokumenkan serta boleh diaudit telah diwujudkan melalui piagam/terma rujukan yang berkaitan dan had kuasa yang berpatutan. Tambahan lagi, had kuasa serta Polisi utama Kumpulan Syarikat (kesihatan dan keselamatan, latihan dan pembangunan, kesamaan peluang, pencapaian kakitangan, gangguan seksual, dan salah laku serius) dan Prinsip Perniagaan Nestlé S.A (yang boleh didapati di [www.nestle.com](http://www.nestle.com)) telah disebar dan dimaklumkan kepada kakitangan Kumpulan Syarikat.

Proses dan tatacara ini telah diwujudkan serta diterapkan ke seluruh organisasi dan memberikan keyakinan kepada semua peringkat Pengurusan, termasuk Lembaga Pengarah. Jabatan Audit Dalam Nestlé Malaysia menilai pelaksanaan dan keberkesanan tatacara serta struktur pelaporan ini, dan juga untuk mengesahkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

Pengarah Urusan juga melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perubahan yang ketara dalam perniagaan serta persekitaran luar yang memberikan kesan kepada operasi.

Maklumat kewangan, pencapaian penting dan penunjuk risiko juga dilaporkan kepada Lembaga Pengarah secara suku tahunan. Selain perkara di atas, Kumpulan Syarikat memanfaatkan Alat Penilaian Diri Nestlé ("NSAT") untuk semua unit perniagaan dan fungsi korporat, yang telah dibentangkan pada tahun 2008. NSAT, suatu inisiatif yang digerakkan di seluruh dunia oleh Nestlé S.A, sebagai balasan kepada perubahan pada Kod Kewajipan Switzerland untuk syarikat yang tersenarai di bursa Switzerland, merupakan suatu Penyelesaian Kawalan Penilaian Diri yang dibentuk secara dalaman dan digunakan untuk mengukur tahap pematuhan setiap unit dengan kawalan dalaman minimum yang ditetapkan oleh Kumpulan Syarikat. Matlamat kawalan penilaian diri adalah untuk membantu setiap unit mengenal pasti dengan lebih baik lagi jurang dalam kawalan dalamannya sendiri, dan untuk merangka pelan tindakan yang khusus, boleh diukur serta tepat pada masanya untuk menangani jurang ini. Keputusan ini dipantau oleh Kumpulan Pengurusan dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit, dan juga kepada Nestlé S.A melalui Jabatan Audit Nestlé S.A. NSAT juga bertindak sebagai tempat simpan kawalan dalaman yang terbaik yang boleh dikongsikan dengan unit Nestlé lain di seluruh dunia.

## Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013, berdasarkan NSAT yang tamat dilaksanakan untuk Kumpulan Syarikat, tiada jurang utama berkenaan dengan kawalan dalaman minimum, seperti yang ditetapkan oleh Kumpulan Syarikat. Peluang memperbaiki yang dikenal pasti, telah ditangani dengan pelan tindakan pelaksanaan dengan mengambil kira tarikh penyelesaian yang dijangka dan orang yang bertanggungjawab. Fungsi Pengurusan Risiko dan Rangka Kerja Kawalan menjalankan audit susulan untuk menilai dan melaporkan status pelan tindakan ini (iaitu telah dilaksanakan, dalam progress atau belum selesai) secara bulanan kepada Pengurusan Kewangan.

Terdapat suatu Jawatankuasa Etika Perniagaan dan Fraud untuk meneliti semua aduan/pengataan yang dibuat melalui Talian Penting atau sebarang cara lain (sebagai contoh, telefon, surat, e-mel). Jawatankuasa ini memastikan suatu siasatan dijalankan apabila perlu, meneliti laporan siasatan dan membuat keputusan tentang langkah-langkah yang perlu diambil berdasarkan jenis pelanggaran. Semua kes yang melibatkan fraud juga dilaporkan kepada Nestlé S.A oleh Jabatan Audit Dalaman Nestlé Malaysia.

### **KEMAMPUAN DAN KEBERKESANAN SISTEM PENGURUSAN RISIKO SERTA KAWALAN DALAMAN KUMPULAN SYARIKAT**

Lembaga Pengarah telah menerima jaminan daripada Pengarah Urusan dan Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan bahawa sistem pengurusan risiko serta kawalan dalaman Kumpulan Syarikat beroperasi dengan memuaskan lagi berkesan, dalam semua aspek material, semasa tahun kewangan yang berkenaan. Dengan mengambil kira jaminan daripada Kumpulan Pengurusan dan input daripada

pemberi jaminan yang berkaitan, Lembaga Pengarah berpendapat dan mengikut sebaik-baik pengetahuannya, sistem pengurusan risiko serta kawalan dalaman adalah memuaskan dan mampu melindungi pelaburan pemegang saham, kepentingan pelanggan serta aset Kumpulan Syarikat. Kumpulan Syarikat akan terus mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan persekitaran kawalan dalaman dan pengurusan risiko.

### **PENELITIAN PENYATA OLEH JURUAUDIT LUAR**

Juruaudit luar telah meneliti Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini menurut skop yang dinyatakan dalam Panduan Amalan 5 yang Disyorkan ("RPG") (Semakan), Garis Panduan Pelantikan Juruaudit untuk Melapor Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang terkandung di dalam Laporan Tahunan yang diterbitkan oleh Institut Akauntan Malaysia ("MIA") untuk disertakan di dalam laporan tahunan Kumpulan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada yang telah dibawa ke perhatian mereka yang menyebabkan mereka percaya bahawa penyata yang dirancang untuk disertakan di dalam laporan tahunan Kumpulan Syarikat, dalam segenap hal material:

- (a) tidak disediakan mengikut pendedahan yang dikehendaki oleh perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan Bagi Pengarah Syarikat Tersenarai Awam; atau
- (b) adalah tidak tepat berdasarkan fakta.

RPG 5 (Semakan) tidak memerlukan juruaudit luar untuk mempertimbangkan sama ada Penyata Pengarah tentang Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman merangkumi semua risiko dan kawalan, atau untuk memberikan pendapat tentang kemampuan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko serta kawalan dalaman Kumpulan Syarikat termasuk penilaian dan pendapat daripada Lembaga Pengarah dan pengurusan tentang hal tersebut. Juruaudit luar juga tidak dikehendaki untuk mempertimbangkan sama ada proses yang telah dijelaskan bagi menangani aspek kawalan dalaman yang material berkenaan dengan apa-apa masalah ketara yang didedahkan di dalam laporan tahunan akan, sebenarnya, meremedikan masalah itu.

# Laporan Jawatankuasa Audit

## SAIZ DAN KOMPOSISI

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif

Pengerusi

(Akauntan Bertauliah dari *Australian Society of Certified Practising Accountants (CPA)*;

Akauntan Bertauliah dari Institut Akauntan Malaysia)

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif

Ahli

(Akauntan Bertauliah dari *Association of Chartered Certified Accountants, United Kingdom*;

Akauntan Bertauliah dari Institut Akauntan Malaysia)

Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif

Ahli

## TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit bertindak sebagai suatu jawatankuasa Lembaga Pengarah dan telah ditubuhkan pada 2 Mac 1994 di bawah Terma Rujukan yang dinyatakan di sini.

### MATLAMAT

Jawatankuasa Audit merupakan suatu jawatankuasa bebas yang membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk tadbir urus korporat, kawalan korporat serta pelaporan kewangan.

Jawatankuasa Audit bertindak bagi pihak Lembaga Pengarah untuk memastikan bahawa:

- penyata kewangan Kumpulan Syarikat mematuhi piawaian pelaporan kewangan yang terpakai;
- fungsi audit dalaman beroperasi dengan berkesan dan mengikut Piawaian bagi Praktis Profesional Audit Dalaman;
- perhatian yang mencukupi diberikan kepada keberkesanan, kecekapan serta ekonomi bagi operasi Kumpulan Syarikat;

- keputusan suku tahunan serta penyata kewangan akhir tahun diteliti sebelum ia diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- sistem urus tadbir, pengurusan risiko dan kawalan dalaman mampu beroperasi agar dapat menghasilkan maklumat pengurusan yang tepat dan bermakna;
- pihak pengurusan telah melaksanakan polisi untuk memastikan risiko Syarikat dikenal pasti, dinilai dan kawalan dalaman yang ada mampu dan berkesan untuk menangani risiko tersebut; dan
- tindakan yang wajar serta tepat pada masanya diambil oleh pengurus berkaitan, untuk memperbaiki perkara utama yang perlu diberikan perhatian.

Jawatankuasa Audit melaporkan kepada Lembaga Pengarah setiap suku tahun, tentang perkara yang terangkum di bawah terma rujukan Jawatankuasa Audit.

## TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Jawatankuasa Audit bertanggungjawab terutamanya dalam:

### Risiko dan Kawalan

- menilai sekiranya proses serta langkah-langkah penilaian risiko yang mencukupi telah disediakan untuk mengurangkan pendedahan kepada sebarang risiko, termasuk fraud;
- mengkaji semula dan menilai, bersama dengan juruaudit luar serta dalaman, tatacara pengurusan, yang telah dirangka untuk memberikan jaminan kepada pematuhan undang-undang, peraturan, polisi dan kod amalan atau perlakuan;
- memantau sistem dan tatacara, bersama dengan juruaudit luar serta dalaman, yang telah dirangka untuk memberikan suatu tahap kawalan dalaman, perlindungan aset serta maklumat pengurusan yang memuaskan lagi berkesan;
- memantau operasi Kumpulan Syarikat melalui penelitian audit dalaman yang sewajarnya, untuk memastikan sama ada perhatian yang mencukupi telah diberikan kepada atribut kecekapan, keberkesanan dan ekonomi; dan
- meneliti sebarang situasi konflik kepentingan dan urus niaga pihak berkaitan.

### Audit Dalaman

- meneliti laporan audit dalaman tentang audit utama yang dijalankan;
- meneliti setakat mana cadangan audit dalaman telah dilaksanakan dan ketepatan masa kepada balasan yang diterima;
- meneliti pencapaian serta keberkesanan audit dalaman untuk memastikan ketekalan dengan rancangan yang telah diluluskan, Piagam Audit Dalaman, dan piawaian profesional yang berkaitan; dan
- meneliti kemampuan skop, fungsi, kecekapan serta keperluan bantuan bagi fungsi audit dalaman.

## Laporan Jawatankuasa Audit

### Audit Luar

- meneliti balasan pengurusan kepada laporan interim juruaudit luar, laporan tahunan dan surat daripada pengurusan;
- memantau perkembangan dalam lapangan audit luar serta piawaian yang dikeluarkan oleh badan profesional dan pihak berkuasa lain;
- menyelia pengaturan audit luar yang disediakan di pelbagai entiti di bawah kawalan Syarikat atau anak syarikat;
- meneliti dan memantau kesesuaian, kecekapan dan kebebasan juruaudit luar; dan
- meneliti pemberian perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luar untuk memastikan sama ada pemberian perkhidmatan tersebut akan mengurangkan kebebasan atau keobjektifan juruaudit itu.

### Pelaporan

- meneliti draf akhir penyata kewangan suku tahunan dan tahunan (sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah untuk meluluskan penyata kewangan), menerima penjelasan tentang kelainan ketara berbanding dengan tahun sebelumnya dan berbanding dengan bajet, dan merujuk isu kepada Lembaga Pengarah, seperti mana diperlukan;
- memantau pematuhan kepada keperluan undang-undang bagi pelaporan kewangan, dengan tumpuan diberikan kepada perubahan ketara kepada polisi dan amalan perakaunan, bersama dengan pelarasan penting yang disyorkan oleh juruaudit luar; dan
- meneliti pematuhan kepada semua pendedahan pihak berkaitan yang dikehendaki oleh Piawaian Perakaunan.

### Lain-lain

- meneliti, seperti mana diperlukan, sebarang perkara yang timbul daripada operasi kewangan Kumpulan Syarikat; dan
- menjalankan siasatan atau tinjauan yang berkaitan dengan peranannya, seperti yang dirasakan wajar.

### Kuasa

Dalam melaksanakan kewajipannya, Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk menghendaki mana-mana pegawai Kumpulan Syarikat untuk memberikan maklumat serta penjelasan seperti mana diperlukan dan untuk:

- berbincang dengan pengurus lini dan pekerja Kumpulan Syarikat serta anak syarikat pada bila-bila masa yang munasabah;
- memperoleh bantuan daripada pihak luar yang layak memberikan nasihat tentang apa-apa isu, jika ahli memerlukan input daripada pihak pakar; dan
- mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar, juruaudit dalaman atau keduanya sekali, tanpa kehadiran para pengarah lain serta pekerja Syarikat, apabila perlu.

### KOMPOSISI JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit terdiri daripada tiga (3) orang ahli, yang semuanya merupakan Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif. Pengerusi Jawatankuasa Audit, Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail, dan seorang ahli lain, Dato' Mohd Rafik Bin Shah Mohamad, kedua-duanya berkelulusan Akauntan Bertauliah, dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Semua ahli Jawatankuasa Audit berpengetahuan dalam bidang kewangan dan dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan dalam bidang perniagaan.

Suatu korum, terbentuk dengan kehadiran Pengerusi, dan sekurang-kurangnya satu (1) ahli lain, selalu dipenuhi untuk mesyuarat Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit telah bersidang empat (4) kali bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 dan kehadiran ahlinya adalah seperti berikut:

No.	Ahli Jawatankuasa Audit	Kehadiran Mesyuarat
1.	Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail	4/4
2.	Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad	4/4
3.	Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim	3/4

Apabila dijemput oleh Jawatankuasa Audit, Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan, wakil daripada juruaudit luar, Ketua Jabatan Audit Dalaman Nestlé Malaysia dan Ketua Perakaunan & Penggabungan, Insurans/Pencen, kesemuanya menghadiri semua mesyuarat jawatankuasa. Apabila diperlukan oleh Jawatankuasa Audit, ahli Kumpulan Pengurusan yang berkaitan akan juga dijemput ke mesyuarat jawatankuasa.

Jawatankuasa Audit juga berhak bertemu dengan juruaudit luar dan/atau dalaman tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif atau Kumpulan Pengurusan yang lain.

## Laporan Jawatankuasa Audit

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

#### RINGKASAN AKTIVITI SEMASA TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

##### Aktiviti Berkenaan dengan audit luar:

- mengkaji semula skop audit luar dan pelan audit berdasarkan pembentangan daripada juruaudit luar tentang strategi serta pelan audit;
- meneliti keputusan audit luar, laporan audit, surat daripada pengurusan dan balasan daripada pengurusan; dan
- meneliti dan menilai faktor yang berhubung dengan kebebasan juruaudit luar.

Jawatankuasa Audit bekerja rapat dengan juruaudit luar dalam mewujudkan tatacara untuk menilai kesesuaian, keobjektifan, kebebasan dan kualiti perkhidmatan juruaudit luar, dalam mengesahkan yang mereka adalah, dan telah, bersikap bebas sepanjang pelantikan audit mereka dengan Kumpulan Syarikat mengikut kriteria bebas yang dinyatakan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa dan Institut Akauntan Malaysia.

Sejajar dengan polisi dalaman kami, Syarikat umumnya melantik juruaudit luar hanya bagi tujuan audit. Namun begitu, apabila kiranya kepakaran bukan audit mereka diperlukan, Syarikat juga melantik juruaudit luarnya untuk memberikan aktiviti bukan audit. Pada tahun 2013, Syarikat membelanjakan lebih kurang RM53,090 untuk Yuran Bukan Audit yang merupakan 7.9% daripada jumlah keseluruhan yuran yang dibayar kepada juruaudit luar.

##### Aktiviti Berkenaan dengan audit dalaman:

- meneliti keperluan bantuan, skop, kemampuan serta fungsi audit dalaman;

- mengkaji semula pelan serta program audit dalaman;
- meneliti laporan audit dalaman, cadangan serta balasan daripada pihak pengurusan. Tindakan memperbaiki dalam bidang kawalan dalaman, sistem dan penambahan kecekapan seperti yang dicadangkan oleh juruaudit dalaman, dibincangkan bersama dengan Kumpulan Pengurusan dalam forum berasingan;
- meneliti pelaksanaan cadangan tersebut melalui laporan susulan audit;
- mencadang peluang pembaikan tambahan dalam bidang kawalan dalaman, sistem serta pembaikan terhadap kecekapan;
- meneliti dan mengambil maklum tentang pergerakan kakitangan audit dalaman.

##### Aktiviti Berkenaan dengan penyata kewangan:

- meneliti laporan tahunan dan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk diteliti dan diluluskan. Ini untuk memastikan penyata kewangan mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965 dan standard perakaunan terpakai menurut Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia ("MASB");
- meninjau pematuhan Kumpulan Syarikat kepada Keperluan Penyenaraian Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, MASB serta peruntukan undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan, berkenaan dengan penyata kewangan suku tahunan serta akhir tahun; dan
- meneliti pengumuman keputusan kewangan yang belum diaudit sebelum ia disyorkan bagi kelulusan Lembaga Pengarah.

##### Aktiviti lain:

- meneliti urusan niaga pihak berkaitan serta situasi konflik kepentingan, pembayaran dividen biasa dan luar biasa; dan
- meneliti pematuhan kepada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 ("MCCG 2012").

##### Fungsi Audit Dalaman Nestlé Malaysia

Fungsi Audit Dalaman Nestlé Malaysia dalam Kumpulan Syarikat adalah sejajar dengan MCCG 2012. Audit Dalaman Nestlé Malaysia ditadbirkan sebagai suatu jabatan dalam fungsi Kewangan & Kawalan dalam Kumpulan Syarikat, yang melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan secara fungsian kepada Audit Nestlé S.A di Vevey, Switzerland, dengan itu memastikan kebebasannya. Peranan utamanya adalah untuk mengkaji secara bebas dan sistematik proses dan garis panduan Kumpulan Syarikat dan melaporkan tentang penerapan serta pematuhannya, dan penjelasannya boleh didapati pada muka surat 18 ke 20 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman. Penilaian khusus ini dilaporkan secara objektif kepada Pengurusan dan Jawatankuasa Audit.

Jabatan Audit Dalaman Nestlé Malaysia diketuai oleh Anca Vetisan, berusia 44 tahun, dan telah berkhidmat dalam kumpulan Syarikat Nestlé di seluruh dunia selama lebih kurang 18 tahun. Sebelum ini beliau ditempatkan di Bahagian Kewangan dan Kawalan, Nestlé Romania. Anca Vetisan berkelulusan Sarjana Muda Kejuruteraan dari *Technical University* di Romania.

Kos yang ditanggung untuk fungsi audit dalaman bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 ialah RM1,587,000.



# Kalendar Kewangan

## Keputusan

Pertengahan	- diumumkan	22 Ogos 2013
Akhir	- diumumkan	24 Februari 2014


## Dividen

Interim	- tarikh penentuan daftar	12 September 2013
	- dibayar	3 Oktober 2013
Akhir	- tarikh penentuan daftar	15 Mei 2014
	- bayaran	5 Jun 2014

**Mesyuarat Agung Tahunan** 24 April 2014

# Harga Saham

	Tahun Kalendar				
	2013	2012	2011	2010	2009
Sepanjang tahun					
Tertinggi - RM	<b>69.50</b>	70.20	57.00	45.00	35.68
Terendah - RM	<b>58.10</b>	51.50	43.34	33.00	27.00



Berdasarkan harga tutup akhir bulan

# Maklumat Kewangan Kumpulan

		2013 (RM'000)	2012 (RM'000)	+ / (-)
<b>JUMLAH JUALAN</b>		<b>4,787,925</b>	4,556,423	5.1%
<b>PEROLEHAN / ALIRAN TUNAI</b>				
Untung sebelum cukai		<b>719,054</b>	637,668	12.8%
% jumlah jualan		<b>15.0%</b>	14.0%	
Untung selepas cukai dan kepentingan minoriti		<b>561,701</b>	505,352	11.2%
% jumlah jualan		<b>11.7%</b>	11.1%	
Dividen dibayar & dicadangkan (bersih)		<b>551,075</b>	492,450	11.9%
Susut nilai aset tetap		<b>108,971</b>	101,601	
Aliran tunai (untung bersih + susut nilai + pelunasan)		<b>670,672</b>	606,953	
Perbelanjaan modal		<b>212,217</b>	158,442	
Dana pemegang saham		<b>816,444</b>	751,206	
<b>PERSONEL</b>	(bil.)	<b>6,064</b>	6,159	
<b>KILANG-KILANG</b>	(bil.)	<b>7</b>	7	
<b>SESAHAM</b>				
Harga pasaran <sup>3</sup>	(RM)	<b>68.00</b>	62.84	
Perolehan <sup>1</sup>	(sen)	<b>239.53</b>	215.50	
Nisbah harga perolehan		<b>28.39</b>	29.16	
Dividen (bersih)	(sen)	<b>235.00</b>	210.00	
Kadar hasil dividen	(%)	<b>3.5</b>	3.3	
Lindungan dividen <sup>1</sup>	(bil.)	<b>1.0</b>	1.0	
Dana pemegang saham	(RM)	<b>3.48</b>	3.20	
Aset ketara bersih <sup>2</sup>	(RM)	<b>3.22</b>	2.94	

**Nota :**

- <sup>1</sup> Perolehan sesaham dan lindungan dividen adalah berdasarkan keuntungan selepas cukai.
- <sup>2</sup> Aset ketara bersih meliputi modal saham diterbitkan campur rizab tolak aset tidak ketara.
- <sup>3</sup> Harga pasaran adalah berdasarkan harga saham pada hari urusniaga terakhir dalam bulan Disember.

# Perangkaan 5 Tahun

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	2013 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000	
<b>JUMLAH JUALAN</b>	<b>4,787,925</b>	4,556,423	4,246,744	4,026,319	3,744,233	
<b>PEROLEHAN / ALIRAN TUNAI</b>						
Untung sebelum cukai	<b>719,054</b>	637,668	558,809	465,744	440,261	
% jumlah jualan	<b>15.0%</b>	14.0%	13.2%	11.6%	11.8%	
Untung selepas cukai & kepentingan minoriti	<b>561,701</b>	505,352	427,128	391,398	351,793	
% jumlah jualan	<b>11.7%</b>	11.1%	10.1%	9.7%	9.4%	
Dividen dibayar & dicadangkan (bersih)	<b>551,075</b>	492,450	422,100	386,925	351,750	
Susut nilai aset tetap	<b>108,971</b>	101,601	101,894	101,112	87,952	
Aliran tunai (untung bersih + susut nilai + pelunasan)	<b>670,672</b>	606,953	528,871	492,510	439,745	
% jumlah jualan	<b>14.0%</b>	13.3%	12.5%	12.2%	11.7%	
Perbelanjaan modal	<b>212,217</b>	158,442	93,015	143,915	257,131	
<b>ASET DIGUNAKAN</b>						
Aset tetap (bersih)	<b>1,046,463</b>	945,812	889,741	897,505	860,253	
Syarikat bersekutu	<b>3,619</b>	3,217	3,210	3,189	3,467	
Aset tidak ketara	<b>61,024</b>	61,024	61,024	61,024	61,024	
Aset cukai tertunda	<b>25,775</b>	32,412	18,460	10,441	7,379	
Penghutang dagangan dan penghutang lain	<b>21,866</b>	22,001	23,802	22,653	22,923	
(Liabiliti)/aset semasa bersih	<b>(141,875)</b>	(88,689)	100,324	62,954	58,892	
Jumlah	<b>1,016,872</b>	975,777	1,096,561	1,057,766	1,013,938	
<b>DIBIYAI OLEH</b>						
Modal saham	<b>234,500</b>	234,500	234,500	234,500	234,500	
Rizab	<b>581,944</b>	516,706	418,219	378,836	332,679	
Jumlah dana pemegang saham	<b>816,444</b>	751,206	652,719	613,336	567,179	
Cukai tertunda	<b>82,748</b>	74,858	63,815	75,595	70,309	
Liabiliti manfaat persaraan	<b>25,337</b>	54,546	42,316	42,537	48,411	
Pinjaman	<b>92,343</b>	95,167	337,711	326,298	328,039	
Jumlah	<b>1,016,872</b>	975,777	1,096,561	1,057,766	1,013,938	
<b>SESAHAM</b>						
Harga pasaran <sup>3</sup>	(RM)	<b>68.00</b>	62.84	56.20	43.34	33.10
Perolehan <sup>1</sup>	(sen)	<b>239.53</b>	215.50	182.14	166.91	150.02
Nisbah harga perolehan		<b>28.39</b>	29.16	30.86	25.97	22.06
Dividen (bersih)	(sen)	<b>235.00</b>	210.00	180.00	165.00	150.00
Kadar hasil dividen	(%)	<b>3.5</b>	3.3	3.2	3.8	4.5
Lindungan dividen <sup>1</sup>	(bil.)	<b>1.0</b>	1.0	1.0	1.0	1.0
Dana pemegang saham	(RM)	<b>3.48</b>	3.20	2.78	2.62	2.42
Aset ketara bersih <sup>2</sup>	(RM)	<b>3.22</b>	2.94	2.52	2.36	2.16
<b>PERSONEL</b>	(bil.)	<b>6,064</b>	6,159	5,731	5,284	5,442
<b>KILANG</b>	(bil.)	<b>7</b>	7	7	7	7

## Nota :


<sup>1</sup> Perolehan sesaham dan lindungan dividen adalah berdasarkan keuntungan selepas cukai.

<sup>2</sup> Aset ketara bersih meliputi modal saham diterbitkan campur rizab tolak aset tidak ketara.


<sup>3</sup> Harga pasaran adalah berdasarkan harga saham pada hari usniaga terakhir dalam bulan Disember.

# Prestasi Kewangan

**Jumlah Jualan**  
(RM juta)



**Perolehan Sesaham**  
(sen)




**Nota :**


Mulai 1 Januari 2012, elaun-elaun tertentu dan diskaun dinyatakan sebagai potongan jualan selaras dengan dasar Nestlé SA Kumpulan dan dengan amalan yang biasanya digunakan oleh syarikat barangan pengguna.

Untuk tujuan perbandingan, hanya 2011 diselaraskan untuk menggambarkan definisi perolehan baru.

**Untung Sebelum Cukai**  
(RM juta)



**Dividen Bersih Sesaham**  
(sen)



# Laporan Para Pengarah

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

## AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah sebagai sebuah syarikat pegangan pelaburan manakala aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan dalam nota 5 kepada penyata kewangan. Tiada perubahan penting dalam aktiviti utama ini sepanjang tahun kewangan.

## KEPUTUSAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan pada tahun diagihkan kepada pemilik Syarikat	561,701	551,436

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang telah dinyatakan di dalam penyata kewangan.

## DIVIDEN

Jumlah dividen yang dibayar oleh Syarikat sejak tahun kewangan lalu adalah seperti berikut:

- i) dividen akhir sebanyak 155 sen sesaham biasa, berjumlah RM363,475,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 pada 13 Jun 2013; dan
- ii) interim dividen sebanyak 60 sen sesaham biasa, berjumlah RM140,700,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 pada 3 Oktober 2013.

Dividen akhir yang dicadangkan oleh Para Pengarah bagi tahun kewangan 31 Disember 2013 adalah 175 sen sesaham biasa, berjumlah RM410,375,000.

## Laporan Para Pengarah

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

### PARA PENGARAH SYARIKAT

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak dari tarikh laporan yang lalu adalah seperti berikut:

#### Pengarah

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail (Pengerusi)  
 Dato' Frits van Dijk  
 Dato' Mohd. Rafik bin Shah Mohamad  
 En Alois Hofbauer (dilantik pada 22 Februari 2013)  
 En Marc Seiler  
  
 En Peter Vogt (meletak jawatan pada 21 Februari 2013)  
 Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah binti Salim  
 Tan Sri Datuk Yong Poh Kon  
 Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong  
 (dilantik pada 28 November 2013)

#### Gantian

En Adnan Pawanteh  
  
 En Marc Seiler (dilantik pada 22 Februari 2013)  
 En Alois Hofbauer (dilantik pada 22 Februari 2013)  
 En Peter Vogt (meletak jawatan pada 21 Februari 2013)  
 En Marc Seiler (berhenti pada 21 Februari 2013)

### KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM

Menurut Daftar Pemegangan saham Para Pengarah, kepentingan Para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham biasa Syarikat serta syarikat berkait (selain syarikat-syarikat subsidiari milik penuh) adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa bernilai RM1 sesaham			Pada 31.12.2013
	Pada 1.1.2013	Dibeli	Dijual	
Pegangan saham di mana Para Pengarah mempunyai kepentingan langsung				
<b>Kepentingan dalam syarikat</b>				
Dato' Frits van Dijk	8,000	–	–	<b>8,000</b>

	Bilangan saham biasa bernilai CHF0.1 sesaham			Pada 31.12.2013
	Pada 1.1.2013	Dibeli	Dijual	
<b>Kepentingan dalam Nestlé S.A., syarikat induk</b>				
Dato' Frits van Dijk	300,000	–	–	<b>300,000</b>
En Alois Hofbauer	900	1,815	–	<b>2,715</b>
En Marc Seiler	2,860	2,180	–	<b>5,040</b>

Tiada Para Pengarah lain yang memegang jawatan pada 31 Disember 2013 mempunyai apa-apa kepentingan dalam saham Syarikat dan perbadanan berkaitnya dalam tahun kewangan.

## Laporan Para Pengarah

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

### **MANFAAT KEPADA PARA PENGARAH**

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah Syarikat telah menerima atau layak menerima sebarang manfaat (selain dari manfaat yang termasuk dalam amaun agregat emolumen yang diterima atau yang akan diterima oleh Para Pengarah sebagaimana yang dinyatakan dalam penyata kewangan atau gaji bagi seorang kakitangan sepenuh masa syarikat berkait) di bawah perjanjian yang dibuat oleh Syarikat atau perbadanan berkait dengan sebarang Pengarah atau dengan sebuah firma di mana Pengarah tersebut adalah seorang ahli atau dengan sebuah syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

Tiada sebarang persetujuan yang telah dibuat di sepanjang atau di akhir tahun kewangan yang mempunyai matlamat membolehkan Para Pengarah Syarikat mendapat manfaat daripada pembelian saham dalam Syarikat atau sebarang perbadanan-perbadanan yang lain selain daripada terbitan Pelan Unit Saham Terhad di syarikat induk.

### **TERBITAN SAHAM**

Tiada perubahan kepada modal dibenarkan, diterbitkan dan dibayar dalam Syarikat pada tahun kewangan tersebut.

### **OPSYEN DIBENARKAN KE ATAS SAHAM YANG BELUM DITERBITKAN**

Tiada sebarang opsyen yang diberikan kepada sesiapa untuk mengambil saham Syarikat yang belum diterbitkan sepanjang tahun kewangan tersebut.

### **MAKLUMAT-MAKLUMAT BERKANUN LAIN**

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa:

- i) semua hutang lapuk yang diketahui telah dilupuskan dan peruntukan hutang ragu secukupnya telah dibuat, dan
- ii) sebarang semasa yang tidak mungkin direalisasikan nilainya melalui urusan perniagaan biasa telah dikurangkan nilainya kepada amaun yang dijangka akan direalisasikan.

## Laporan Para Pengarah

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

### MAKLUMAT-MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMBUNGAN)

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak menyedari wujudnya sebarang keadaan:

- i) yang mungkin menyebabkan jumlah yang dilupuskan bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan hutang ragu dalam Kumpulan dan Syarikat tidak memadai dengan ketara, atau
- ii) yang akan menyebabkan kekeliruan dalam penilaian aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, atau
- iii) yang timbul dan menyebabkan kaedah penilaian sedia ada aset-aset dan liabiliti-liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang mengelirukan atau tidak sesuai, atau
- iv) selain daripada yang telah diambilkira dalam laporan dan penyata kewangan ini, yang akan menyebabkan amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- i) sebarang aset Kumpulan dan Syarikat yang telah dicagar sejak akhir tahun kewangan ini dan telah menjadi sandaran bagi liabiliti-liabiliti pihak lain, atau
- ii) sebarang liabiliti luar jangka berhubung dengan Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain bagi sebarang Syarikat dalam Kumpulan yang telah dikuatkuasakan, atau mungkin akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan sejak akhir tahun kewangan ini yang, pada pendapat Para Pengarah, akan atau mungkin akan menjejaskan keupayaan Syarikat untuk menunaikan tanggungjawabnya apabila sampai tempohnya kelak.

Pada pendapat Para Pengarah, penghasilan daripada operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa penting dan luarbiasa dan tiada sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa tersebut berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

### JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan KPMG, telah menyatakan kesanggupan mereka menerima perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah mengikut resolusi Para Pengarah:

**Alois Hofbauer**

**Marc Seiler**

Petaling Jaya, Malaysia  
24 Februari 2014



# Penyata Kedudukan Kewangan

pada 31 Disember 2013

	Nota	Kumpulan 2013 RM'000	2012 RM'000	Syarikat 2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Aset</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	3	<b>1,046,463</b>	945,812	–	–
Muhibah	4	<b>61,024</b>	61,024	–	–
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	5	–	–	<b>188,022</b>	188,022
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	6	<b>3,619</b>	3,217	<b>3,000</b>	3,000
Aset cukai tertunda	7	<b>25,775</b>	32,412	–	–
Penghutang dagangan dan penghutang lain	8	<b>21,866</b>	22,001	–	–
<b>Jumlah aset bukan semasa</b>		<b>1,158,747</b>	1,064,466	<b>191,022</b>	191,022
Penghutang dagangan dan penghutang lain	8	<b>502,207</b>	394,144	<b>488,879</b>	441,590
Inventori	9	<b>408,614</b>	411,170	–	–
Aset cukai semasa		<b>3,970</b>	796	<b>36</b>	28
Tunai dan setara tunai	10	<b>15,196</b>	34,593	–	–
<b>Jumlah aset semasa</b>		<b>929,987</b>	840,703	<b>488,915</b>	441,618
<b>Jumlah aset</b>		<b>2,088,734</b>	1,905,169	<b>679,937</b>	632,640
<b>Ekuiti</b>					
Modal saham		<b>234,500</b>	234,500	<b>234,500</b>	234,500
Rizab		<b>33,407</b>	32,050	<b>33,000</b>	33,000
Keuntungan tertahan		<b>548,537</b>	484,656	<b>410,904</b>	363,643
<b>Jumlah ekuiti yang diagihkan kepada pemilik syarikat</b>	11	<b>816,444</b>	751,206	<b>678,404</b>	631,143
<b>Liabiliti</b>					
Pinjaman	12	<b>92,343</b>	95,167	–	–
Manfaat pekerja	13	<b>25,337</b>	54,546	–	–
Liabiliti cukai tertunda	7	<b>82,748</b>	74,858	–	–
<b>Jumlah liabiliti bukan semasa</b>		<b>200,428</b>	224,571	–	–
Pinjaman	12	<b>7,555</b>	4,223	–	–
Pemiutang dagangan dan pemiutang lain	14	<b>1,022,999</b>	872,045	<b>1,533</b>	1,497
Liabiliti cukai semasa		<b>41,308</b>	53,124	–	–
<b>Jumlah liabiliti semasa</b>		<b>1,071,862</b>	929,392	<b>1,533</b>	1,497
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>1,272,290</b>	1,153,963	<b>1,533</b>	1,497
<b>Jumlah ekuiti dan liabiliti</b>		<b>2,088,734</b>	1,905,169	<b>679,937</b>	632,640

Nota-nota pada muka surat 38 hingga 86 adalah bahagian penting penyata kewangan ini.

# Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Perolehan		<b>4,787,925</b>	4,556,423	<b>551,075</b>	490,950
Kos Jualan		<b>(3,089,908)</b>	(3,003,239)	–	–
<b>Keuntungan kasar</b>		<b>1,698,017</b>	1,553,184	<b>551,075</b>	490,950
Pendapatan lain		<b>3,793</b>	5,715	–	33
Perbelanjaan pengagihan dan jualan		<b>(824,372)</b>	(758,635)	–	–
Perbelanjaan pentadbiran		<b>(136,171)</b>	(139,663)	<b>(1,760)</b>	(2,467)
Perbelanjaan lain		<b>(6,625)</b>	(3,726)	–	–
<b>Penghasilan dari aktiviti operasi</b>	15	<b>734,642</b>	656,875	<b>549,315</b>	488,516
Pendapatan kewangan		<b>5,947</b>	929	<b>2,711</b>	2,758
Kos kewangan		<b>(21,937)</b>	(20,131)	–	–
<b>(Kos)/Pendapatan kewangan bersih</b>		<b>(15,990)</b>	(19,202)	<b>2,711</b>	2,758
Bahagian keuntungan/(kerugian) ekuiti selepas cukai termasuk syarikat bersekutu		<b>402</b>	(5)	–	–
<b>Keuntungan sebelum cukai</b>		<b>719,054</b>	637,668	<b>552,026</b>	491,274
Perbelanjaan cukai pendapatan	17	<b>(157,353)</b>	(132,316)	<b>(590)</b>	(802)
<b>Keuntungan bagi tahun</b>		<b>561,701</b>	505,352	<b>551,436</b>	490,472
<b>Pendapatan komprehensif lain, selepas cukai</b>					
<b>Item yang atau mungkin diklasifikasikan seterusnya ke untung atau rugi</b>					
Aliran tunai terlindung		<b>1,357</b>	21,490	–	–
<b>Item yang tidak akan diklasifikasikan seterusnya ke untung atau rugi</b>					
Pengukuran semula liabiliti manfaat tertakrif		<b>6,355</b>	(6,255)	–	–
<b>Pendapatan komprehensif lain bagi tahun, selepas cukai</b>	18	<b>7,712</b>	15,235	–	–
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun</b>		<b>569,413</b>	520,587	<b>551,436</b>	490,472
<b>Perolehan asas sesaham biasa (sen)</b>	19	<b>240</b>	216		

Nota-nota pada muka surat 38 hingga 86 adalah bahagian penting penyata kewangan ini.

# Penyata Perubahan dalam Ekuiti disatukan

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

Kumpulan	Nota	Diagihkan kepada pemilik syarikat			Boleh diagih Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
		← Tidak boleh diagih → Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab terlindung RM'000		
<b>Pada 1 Januari 2012</b>		234,500	33,000	(22,440)	407,659	652,719
Aliran tunai terlindung		–	–	21,490	–	21,490
Pengukuran semula liabiliti manfaat tertakrif		–	–	–	(6,255)	(6,255)
Pendapatan/(Perbelanjaan) komprehensif lain bagi tahun		–	–	21,490	(6,255)	15,235
Keuntungan bagi tahun		–	–	–	505,352	505,352
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		–	–	21,490	499,097	520,587
Dividen kepada pemilik syarikat	20	–	–	–	(422,100)	(422,100)
Jumlah transaksi dengan pemilik syarikat		–	–	–	(422,100)	(422,100)
<b>Pada 31 Disember 2012/1 Januari 2013</b>		<b>234,500</b>	<b>33,000</b>	<b>(950)</b>	<b>484,656</b>	<b>751,206</b>
Aliran tunai terlindung		–	–	1,357	–	1,357
Pengukuran semula liabiliti manfaat tertakrif		–	–	–	6,355	6,355
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun		–	–	1,357	6,355	7,712
Keuntungan bagi tahun		–	–	–	561,701	561,701
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		–	–	1,357	568,056	569,413
Dividen kepada pemilik syarikat	20	–	–	–	(504,175)	(504,175)
Jumlah transaksi dengan pemilik syarikat		–	–	–	(504,175)	(504,175)
<b>Pada 31 Disember 2013</b>		<b>234,500</b>	<b>33,000</b>	<b>407</b>	<b>548,537</b>	<b>816,444</b>

Nota-nota pada muka surat 38 hingga 86 adalah bahagian penting penyata kewangan ini.

# Penyata Perubahan dalam Ekuiti

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

Syarikat	Nota	Diagihkan kepada pemilik syarikat			Jumlah ekuiti RM'000
		← Tidak boleh diagih Modal saham RM'000	→ Boleh diagih Premium saham RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	
<b>Pada 1 Januari 2012</b>		234,500	33,000	295,271	562,771
Keuntungan dan jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		-	-	490,472	490,472
Dividen kepada pemilik syarikat	20	-	-	(422,100)	(422,100)
Jumlah transaksi dengan pemilik Syarikat		-	-	(422,100)	(422,100)
<b>Pada 31 Disember 2012/1 Januari 2013</b>		<b>234,500</b>	<b>33,000</b>	<b>363,643</b>	<b>631,143</b>
Keuntungan dan jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		-	-	551,436	551,436
Dividen kepada pemilik syarikat	20	-	-	(504,175)	(504,175)
Jumlah transaksi dengan pemilik Syarikat		-	-	(504,175)	(504,175)
<b>Pada 31 Disember 2013</b>		<b>234,500</b>	<b>33,000</b>	<b>410,904</b>	<b>678,404</b>

Nota-nota pada muka surat 18 hingga 86 adalah bahagian penting penyata kewangan ini.

# Penyata Aliran Tunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi</b>					
Keuntungan sebelum cukai		<b>719,054</b>	637,668	<b>552,026</b>	491,274
<i>Pelarasan bagi:</i>					
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	3	<b>108,971</b>	101,601	-	-
Pendapatan dividen		-	-	<b>(551,075)</b>	(490,950)
Perbelanjaan pelan manfaat tertakrif	13	<b>82</b>	24,291	-	-
Kos Kewangan		<b>21,937</b>	20,131	-	-
Pendapatan kewangan		<b>(5,947)</b>	(929)	<b>(2,711)</b>	(2,758)
Kerugian daripada pelupusan, hartanah, loji dan peralatan	15	<b>1,647</b>	269	-	-
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	15	<b>618</b>	437	-	-
Pembayaran berasaskan saham	15	<b>10,082</b>	5,678	-	-
Bahagian (keuntungan)/kerugian ekuiti termasuk syarikat bersekutu, selepas cukai		<b>(402)</b>	5	-	-
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja		<b>856,042</b>	789,151	<b>(1,760)</b>	(2,434)
Perubahan dalam inventori		<b>2,556</b>	106,403	-	-
Perubahan dalam pemiutang dagangan dan pemiutang lain		<b>56,284</b>	11,092	<b>36</b>	754
Perubahan dalam penghutang dagangan dan penghutang lain		<b>(70,070)</b>	62,402	<b>1,111</b>	(339)
Tunai dijanakan daripada/(digunakan) dalam operasi		<b>844,812</b>	969,048	<b>(613)</b>	(2,019)
Dividen diterima daripada syarikat subsidiari		-	-	<b>502,675</b>	422,100
Maanfaat pekerja dibayar		<b>(20,817)</b>	(20,401)	-	-
Cukai pendapatan dibayar		<b>(160,387)</b>	(119,995)	<b>(598)</b>	(739)
<b>Tunai bersih daripada aktiviti-aktiviti operasi</b>		<b>663,608</b>	828,652	<b>501,464</b>	419,342
<b>Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pelaburan</b>					
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(iii)	<b>(212,217)</b>	(158,442)	-	-
Pendapatan kewangan diterima		<b>5,947</b>	929	<b>2,711</b>	2,758
Penerimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		<b>2,290</b>	1,810	-	-
<b>Tunai bersih (digunakan dalam)/daripada aktiviti pelaburan</b>		<b>(203,980)</b>	(155,703)	<b>2,711</b>	2,758

## Penyata Aliran Tunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan</b>					
Dividen dibayar kepada pemilik syarikat	20	(504,175)	(422,100)	(504,175)	(422,100)
Kos kewangan dibayar		(21,937)	(20,131)	–	–
Bayaran liabiliti pajakan kewangan		(4,311)	(4,290)	–	–
Penerimaan daripada/(bayaran balik) pinjaman		48,539	(244,296)	–	–
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pembiayaan</b>		<b>(481,884)</b>	(690,817)	<b>(504,175)</b>	(422,100)
<b>Penambahan bersih dalam tunai dan setara tunai</b>					
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari	(i)	34,593	52,461	–	–
<b>Tunai dan setara tunai pada 31 Disember</b>	(i)	<b>12,337</b>	34,593	–	–

(i) *Tunai dan setara tunai*

Tunai dan setara tunai termasuk dalam penyata aliran tunai mengandungi jumlah-jumlah penyata kedudukan kewangan berikut:

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Tunai dan baki bank	10	11,864	18,936	–	–
Deposit dalam bank-bank berlesen	10	3,332	15,657	–	–
Overdraf bank	12	(2,859)	–	–	–
		<b>12,337</b>	34,593	–	–

(ii) *Pengambilalihan hartanah, loji dan peralatan*

Pada tahun kewangan ini, Kumpulan mengambilalih hartanah, loji dan peralatan dengan kos agregat sebanyak RM214,177,000 (2012: RM160,188,000), yang mana sebanyak RM1,960,000 (2012: RM1,746,000) diperolehi menerusi pajakan kewangan.

# Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Nestlé (Malaysia) Berhad adalah sebuah syarikat awam tanggungan terhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia serta disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Alamat pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utamanya adalah seperti berikut:

22-1, Tingkat 22, Menara Surian  
No 1, Jalan PJU7/3  
Mutiara Damansara  
47810 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Penyata kewangan yang disatukan pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 merangkumi Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya (dirujuk bersama sebagai "Kumpulan") serta kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Penyata kewangan Syarikat pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 tidak mengandungi syarikat-syarikat lain.

Aktiviti utama Syarikat adalah sebagai syarikat memegang pelaburan manakala aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti dinyatakan dalam nota 5 kepada Penyata kewangan.

Syarikat induk bagi tahun kewangan adalah Nestlé S.A., sebuah syarikat yang diperbadankan di Switzerland.

Penyata kewangan telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah pada 24 Februari 2014.

## 1. ASAS PENYEDIAAN

### (a) Penyata Kepatuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRSs"), Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Berikut adalah piawaian-piawaian, pindaan-pindaan dan interpretasi-interpretasi yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia tetapi belum dikuatkuasakan oleh Kumpulan dan Syarikat:

#### ***MFRSs, Interpretasi-interpretasi dan pindaan-pindaan berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014***

- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan: Entiti Pelaburan*
- Pindaan kepada MFRS 12, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti – entiti lain: Entiti Pelaburan*
- Pindaan kepada MFRS 127, *Penyata Kewangan Diasingkan (2011): Pelaburan Entiti*
- Pindaan kepada MFRS 132, *Instrumen Kewangan: Pembentangan – Pemindahan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan*
- Pindaan kepada MFRS 136, *Penurunan Nilai Aset – Jumlah Penerimaan Pendedahan Aset bukan Kewangan*
- Pindaan kepada MFRS 139, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran – Novasi Derivatif dan Kesinambungan Perakaunan Lindung Nilai*
- Interpretasi IC 21, *Levi*

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 1. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

#### (a) Penyata Kepatuhan (sambungan)

##### ***MFRSs, Interpretasi-interpretasi dan pindaan-pindaan berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014***

- Pindaan kepada MFRS 1, *Kali Pertama Penggunaan Piawaian - piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Penambahbaikan tahunan kitaran 2011-2013)*
- Pindaan kepada MFRS 2, *Pembayaran Berasaskan Saham (Penambahbaikan tahunan kitaran 2010-2012 )*
- Pindaan kepada MFRS 3, *Penggabungan Perniagaan (Penambahbaikan tahunan kitaran 2010-2012 dan 2011-2013)*
- Pindaan kepada MFRS 8, *Segmen Operasi (Penambahbaikan tahunan kitaran 2010-2012)*
- Pindaan kepada MFRS 13, *Pengukuran Nilai Saksama (Penambahbaikan tahunan kitaran 2010-2012 dan 2011-2013)*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan (Penambahbaikan tahunan kitaran 2010-2012 )*
- Pindaan kepada MFRS 119, *Manfaat Pekerja – Pelan Manfaat Tertakrif: Sumbangan Pekerja*
- Pindaan kepada MFRS 124, *Pendedahan Pihak Berkaitan (Penambahbaikan tahunan kitaran 2010-2012 )*
- Pindaan kepada MFRS 138, *Aset Tidak Ketara (Penambahbaikan tahunan kitaran 2010-2012)*
- Pindaan kepada MFRS 140, *Pelaburan Hartanah (Penambahbaikan tahunan kitaran 2011-2013)*

##### ***MFRSs, Interpretasi-interpretasi dan pindaan-pindaan berkuatkuasa pada tarikh yang belum disahkan***

- MFRS 9, *Instrumen Kewangan (2009)*
- MFRS 9, *Instrumen Kewangan (2010)*
- MFRS 9, *Instrumen Kewangan – Perakaunan Lindung Nilai dan pindaan kepada MFRS 9, MFRS 7 dan MFRS 139*
- Pindaan kepada MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan – Tarikh berkuatkuasa Mandatori MFRS 9 dan Pendedahan Peralihan*

Kumpulan dan Syarikat bercadang untuk mengaplikasikan piawaian-piawaian, pindaan-pindaan dan interpretasi-interpretasi disebut di atas:

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2014 bagi piawaian – piawaian dan interpretasi – interpretasi yang berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014.
- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2015 bagi piawaian – piawaian dan interpretasi – interpretasi yang berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015.

Asas aplikasi piawaian-piawaian, pindaan-pindaan dan interpretasi-interpretasi tidak dijangkakan akan memberi impak kewangan yang besar terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tempoh semasa dan sebelumnya.

#### (b) Asas pengukuran

Penyata kewangan disediakan menurut asas kos sejarah kecuali untuk yang dinyatakan dalam nota 2.

#### (c) Mata wang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan ini dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (“RM”), iaitu mata wang fungsi Syarikat. Semua maklumat kewangan dikemukakan dalam RM telah dibundarkan kepada nilai ribu terdekat kecuali dinyatakan sebaliknya.



## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 1. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

#### (d) Penggunaan anggaran dan penilaian

Penyediaan penyata kewangan yang berasaskan MFRSs memerlukan pihak pengurusan membuat penilaian, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran ini.

Anggaran dan andaian dikaji semula dari semasa ke semasa. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran-anggaran disemak dan dalam tempoh berkaitan di masa depan.

Tidak terdapat sebarang bahagian penting dalam ketidakpastian anggaran dan penilaian kritikal dalam menggunakan polisi perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah diiktiraf dalam penyata kewangan, kecuali yang dinyatakan dalam nota 4 - pengukuran jumlah diperolehi daripada unit yang menjana tunai.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten dalam tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, kecuali dinyatakan sebaliknya.

#### (a) Asas penyatuan

##### (i) *Syarikat-syarikat subsidiari*

Syarikat-syarikat subsidiari adalah entiti, termasuk entiti berstruktur, yang dikawal oleh Syarikat. Penyata kewangan syarikat subsidiari dimasukkan di dalam penyata kewangan yang disatukan dari tarikh kawalan bermula sehingga tarikh kawalan tersebut tamat.

Kumpulan mengguna pakai MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan* dalam tahun semasa kewangan. Ini menyebabkan perubahan kepada dasar-dasar berikut:

- Kawalan wujud apabila Kumpulan terdedah, atau mempunyai hak, pulangan berubah-ubah dari penglibatan dengan entitinya dan mempunyai keupayaan untuk memberi kesan terhadap pulangan melalui kuasa ke atas entiti. Pada tahun-tahun kewangan sebelum ini, kawalan wujud apabila Kumpulan mempunyai keupayaan untuk menjalankan kuasanya untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.
- Potensi hak mengundi dipertimbangkan apabila menilai kawalan hanya apabila hak-hak tersebut adalah substantif. Pada tahun-tahun kewangan sebelumnya, hak mengundi berpotensi dianggap kawalan apabila menilai apabila hak-hak seperti itu pada masa ini boleh dilaksanakan.
- Kumpulan menganggap ia mempunyai kuasa de facto atas pelaburan, walaupun tidak mempunyai majoriti hak mengundi, ia mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan penerima pelaburan yang ketara memberi kesan pulangan pelaburan ini. Pada tahun-tahun kewangan lepas, Kumpulan tidak mengambil kira kuasa de facto dalam penilaian kawalannya.

Perubahan dalam dasar perakaunan telah dibuat secara retrospektif dan mengikut peruntukan peralihan MFRS 10. Penggunaan MFRS 10 tidak mempunyai kesan yang ketara kepada penyata kewangan Kumpulan.

Pelaburan dalam syarikat – syarikat subsidiari diukur dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat pada kos ditolak kerugian penurunan nilai kecuali pelaburan itu dikelaskan sebagai pegangan untuk jualan atau pengagihan. Kos pelaburan termasuk kos urusniaga.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (a) Asas penyatuan (sambungan)

##### (ii) *Kehilangan kawalan*

Apabila kawalan dalam syarikat subsidiari hilang, Kumpulan tidak mengiktiraf aset-aset dan liabiliti-liabiliti syarikat subsidiari, sebarang kepentingan yang tidak dikawal dan komponen ekuiti lain berkaitan syarikat subsidiari tersebut. Sebarang lebihan atau defisit yang timbul ke atas kehilangan kawalan diiktiraf dalam penyata kewangan. Jika Kumpulan mengekalkan sebarang kepentingan di dalam syarikat subsidiari terdahulu, maka kepentingan itu diukur pada nilai saksama pada tarikh kawalan hilang. Seterusnya ia diambil kira sebagai pelaburan ekuiti atau sebagai aset kewangan sedia untuk jualan bergantung kepada tahap pengaruh tertahan.

##### (iii) *Syarikat-syarikat bersekutu*

Syarikat-syarikat bersekutu adalah entiti-entiti termasuk entiti-entiti tidak diperbadankan di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting tetapi tidak mempunyai kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dilaporkan dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah ekuiti ditolak sebarang kerugian penurunan nilai. Penyata kewangan disatukan termasuk bahagian untung atau rugi serta pendapatan komprehensif lain ekuiti syarikat bersekutu Kumpulan selepas pelarasan jika ada, untuk menyesuaikan polisi perakaunan tersebut dengan dasar Kumpulan, dari tarikh pengaruh berkuatkuasa sehingga tarikh tamat pengaruh berkuatkuasa berkenaan.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam sesebuah ekuiti syarikat bersekutu, jumlah dibawa kepentingan itu termasuk sebarang pelaburan jangka panjang dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian seterusnya tidak diteruskan kecuali dalam keadaan di mana Kumpulan mempunyai tanggungjawab atau telah membuat pembayaran bagi pihak syarikat-syarikat bersekutu.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu, Sebarang kepentingan tertahan dalam syarikat bersekutu terdahulu pada tarikh pengaruh yang ketara hilang ia diukur semula pada nilai saksama dan jumlah ini dianggap sebagai jumlah dibawa awal aset kewangan. Perbezaan di antara nilai saksama sebarang kepentingan tertahan ditambah hasil daripada faedah yang dilupuskan dan nilai dibawa pelaburan tersebut pada tarikh kaedah ekuiti tidak diteruskan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkurangan tetapi tidak mengakibatkan kehilangan pengaruh yang ketara, sebarang kepentingan yang tertahan tidak diukur semula. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penurunan dalam kepentingan diiktiraf dalam untung atau rugi. Apa-apa keuntungan atau kerugian yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain juga diklasifikasikan berkadar dengan untung atau rugi jika mendatangkan keuntungan atau kerugian akan dikehendaki dikelaskan semula kepada untung atau rugi ke atas pelupusan aset atau liabiliti yang berkaitan.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat ditolak kerugian penurunan nilai, kecuali pelaburan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk jualan atau pengagihan. Kos pelaburan termasuk kos transaksi.

##### (iv) *Transaksi dihapuskan ke atas penyatuan*

Baki antara kumpulan serta sebarang pendapatan dan perbelanjaan belum direalisasikan yang timbul daripada urusan niaga antara kumpulan dihapuskan dalam menyediakan penyata kewangan disatukan.

Keuntungan belum direalisasi daripada urusan niaga dengan syarikat-syarikat bersekutu dihapuskan daripada pelaburan setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan dengan cara yang sama seperti keuntungan tidak direalisasikan, tetapi hanya setakat bahawa tiada bukti kemerosotan.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (b) Mata wang asing

##### ***Transaksi mata wang asing***

Transaksi dalam mata wang asing ditukar kepada mata wang fungsi entiti Kumpulan masing-masing pada kadar pertukaran pada tarikh transaksi.

Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing pada akhir tempoh pelaporan diterjemahkan semula kepada mata wang fungsi pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan kewangan dalam mata wang asing tidak diterjemahkan semula pada akhir tarikh pelaporan, kecuali yang diukur pada nilai saksama ditukarkan semula kepada mata wang fungsi pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan.

Perbezaan mata wang asing yang timbul daripada pertukaran semula diiktiraf dalam untung atau rugi, kecuali untuk perbezaan yang timbul dari terjemahan semula instrumen ekuiti sedia untuk dijual atau instrumen kewangan ditetapkan sebagai suatu perlindungan daripada risiko mata wang, yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

#### (c) Instrumen-instrumen kewangan

##### ***(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal***

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Kumpulan atau Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada permulaannya instrumen kewangan diiktiraf pada nilai saksamanya tambah, untuk instrumen kewangan yang tidak diiktiraf pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan atau terbitan instrumen kewangan.

Pengiktirafan derivatif terbenam adalah berasingan daripada kontrak utama dan dikenali sebagai derivatif jika, dan hanya jika, ia tidak mempunyai kaitan yang rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko kontrak utama, dan kontrak utama tersebut bukan diiktiraf pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Jika derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, kontrak utama akan diambilkira menurut polisi sesuai dengan sifat kontrak tersebut.

##### ***(ii) Kategori – kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya***

Kumpulan dan Syarikat mengkategorikan instrumen kewangan seperti berikut:

##### ***Aset-aset kewangan***

##### ***(a) Aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi***

Kategori nilai saksama melalui untung atau rugi mengandungi aset-aset kewangan yang dipegang untuk jualan, termasuk derivatif-derivatif (kecuali derivatif yang ditetapkan dan instrumen lindungan yang berkesan) atau aset-aset kewangan yang ditentukan secara khusus dalam kategori ini pada permulaan pengiktirafan.

Aset kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (c) Instrumen-instrumen kewangan (sambungan)

##### (ii) *Kategori-kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya (sambungan)*

##### *Aset-aset kewangan (sambungan)*

##### (b) *Pinjaman dan penghutang*

Kategori pinjaman dan penghutang terdiri daripada instrumen hutang yang tidak dinyatakan dalam pasaran aktif.

Aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan penghutang akan diukur seterusnya pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif.

Selain daripada yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, semua aset kewangan dikehendaki disemak untuk penurunan nilai (rujuk nota 2(i)(j)).

##### *Liabiliti-liabiliti kewangan*

Semua liabiliti kewangan diukur seterusnya pada kos pelunasan selain daripada yang dikategori sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi.

Kategori nilai saksama melalui untung atau rugi mengandungi liabiliti kewangan iaitu derivatif (kecuali derivatif yang merupai instrumen lindungan yang berkesan dan tertentu) atau liabiliti kewangan yang khususnya ditentukan ke dalam kategori ini pada mula pengiktirafan.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi akan diukur pada nilai saksamanya dan keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

##### (iii) *Perakaunan lindung nilai*

##### *Aliran tunai terlindung*

Aliran tunai terlindung adalah satu perlindungan daripada pendedahan kepada pemboleh ubah dalam aliran tunai yang boleh diagihkan kepada sesuatu risiko tertentu yang berkaitan dengan aset atau liabiliti diiktiraf atau unjuran urusan yang berkemungkinan tinggi dan boleh memberi kesan ke atas keuntungan atau kerugian. Dalam satu aliran tunai terlindung, bahagian untung atau rugi atas instrumen perlindungan yang ditentukan sebagai perlindungan efektif adalah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan bahagian tidak efektif adalah diiktiraf dalam untung rugi.

Selanjutnya, untung atau rugi terkumpul yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain adalah diklasifikasi semula dari ekuiti ke untung atau rugi dalam tempoh yang sama atau tempoh-tempoh di mana jangkaan aliran tunai terlindung menjejaskan keuntungan atau kerugian. Sekiranya unjuran urusan yang dilindung nilai mengakibatkan pengiktirafan aset atau liabiliti bukan kewangan, untung atau rugi berkaitan yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain akan dikeluarkan dari ekuiti dan dimasukkan dalam nilai dahulu aset atau liabiliti tersebut. Walau bagaimanapun, kerugian yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain yang tidak dapat dipulihkan dalam satu atau lebih tempoh masa depan, akan diklasifikasi dari ekuiti ke untung atau rugi.

Perakaunan aliran tunai terlindung akan dihentikan secara prospektif apabila tempoh instrumen perlindungan tamat atau dijual, ditamatkan atau dilaksanakan, perlindungan itu tidak lagi efektif, unjuran urusan itu tidak dijangka akan berlaku lagi atau perlindungan itu diambil balik. Jika perlindungan itu adalah untuk satu unjuran urusan, untung atau rugi terkumpul atas instrumen perlindungan itu akan kekal dalam pendapatan komprehensif lain sehingga urusan tersebut berlaku. Apabila unjuran urusan itu tidak dijangka akan berlaku lagi, sebarang untung atau rugi terkumpul berkaitan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain akan diklasifikasi dari ekuiti ke untung atau rugi.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (c) Instrumen-instrumen kewangan (sambungan)

##### (iv) *Penamatan pengiktirafan*

Sesuatu aset kewangan atau sebahagiannya akan tamat diiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontrak terhadap aliran tunai daripada aset kewangan berakhir atau aset kewangan itu dipindah kepada pihak lain tanpa menyimpan kawalan atau sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut. Sewaktu penamatan pengiktirafan aset kewangan, perbezaan antara jumlah dibawa dan jumlah hasil diperolehi (termasuk sebarang aset baru yang didapati ditolak sebarang liabiliti baru yang ditanggung) serta sebarang untung atau rugi terkumpul yang telah diiktiraf dalam ekuiti akan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Sesuatu liabiliti kewangan atau sebahagiannya akan tamat diiktiraf apabila, dan hanya apabila kewajipan yang ditentukan dalam kontrak dilaksanakan atau dibatalkan atau tamat tempohnya. Sewaktu penamatan pengiktirafan suatu liabiliti kewangan, perbezaan antara jumlah dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindah kepada pihak lain dan jumlah dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindah atau liabiliti yang ditanggung, akan diiktirafkan dalam untung atau rugi.

#### (d) Hartanah, loji dan peralatan

##### (i) *Pengiktirafan dan pengukuran*

Kerja sedang berlangsung permodalan dinyatakan pada kos. Semua hartanah, loji dan peralatan lain dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian penurunan nilai terkumpul.

Kos termasuk perbelanjaan yang terlibat secara langsung kepada pengambilalihan aset dan kos-kos lain yang terlibat secara langsung bagi menyediakan aset dalam keadaan penggunaan yang dikehendaki, dan kos-kos pembukaan serta pemindahan mesin-mesin dan pemulihan kawasan di mana mesin ditempatkan. Kos untuk aset yang dibina sendiri termasuk kos material dan buruh langsung. Bagi aset-aset berkelayakan, kos pinjaman adalah dimodalkan mengikuti dasar perakaunan kos pinjaman. Kos juga boleh termasuk pindahan dari pendapatan komprehensif lain bagi sebarang keuntungan atau kerugian atas lindung nilai aliran tunai pembelian mata wang asing hartanah, loji dan peralatan.

Pembelian perisian yang penting kepada fungsi peralatan adalah dipermodalkan sebagai sebahagian peralatan tersebut.

Kos hartanah, loji dan peralatan diiktiraf hasil dari penggabungan perniagaan adalah berasaskan nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan berdasarkan nota 2(q).

Apabila bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan peralatan mempunyai jangka hayat penggunaan yang berbeza, ia dianggap sebagai item-item yang berlainan (komponen utama) dari hartanah, loji dan peralatan.

Keuntungan-keuntungan dan kerugian-kerugian pada pelupusan satu butiran hartanah, loji dan peralatan ialah ditentukan dengan membandingkan penerimaan dari penjualan dengan nilai dibawa hartanah, loji dan peralatan dan diiktirafkan bersih masing-masing sebagai "pendapatan lain" atau "perbelanjaan lain" dalam untung atau rugi.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (d) Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

##### (ii) Kos-kos selanjutnya

Kos menggantikan bahagian item hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam jumlah dibawa item tersebut jika terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi masa depannya akan mengalir kepada Kumpulan dan kosnya boleh dikira secara pasti. Jumlah dibawa bahagian yang digantikan akan dihapuskan ke untung atau rugi. Kos servis harian hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ia ditanggung.

##### (iii) Susut nilai

Susut nilai dikira berasaskan kos aset ditolak nilai baki. Komponen penting aset individu dinilai, jika komponen mempunyai jangka hayat yang berbeza dari baki aset tersebut, maka komponen tersebut disusutnilai secara berasingan.

Susut nilai diiktiraf dalam untung atau rugi pada asas garis lurus terhadap jangka hayat penggunaan yang dianggarkan bagi setiap item hartanah, loji dan peralatan. Aset pajakan disusut nilai pada tempoh pajakan atau jangka hayat penggunaan yang mana lebih singkat melainkan Kumpulan agak pasti bahawa ia akan mendapat pemilikan pada akhir tempoh pajakan. Hartanah, loji dan peralatan masih dalam pembinaan tidak disusutnilai sehingga aset tersebut sedia digunakan.

Anggaran jangka hayat penggunaan bagi tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

• tanah pajakan	46 – 65 tahun
• bangunan	25 – 50 tahun
• loji dan mesin	10 – 25 tahun
• alat, perabot dan peralatan	5 – 8 tahun
• kenderaan bermotor	5 tahun
• sistem maklumat	3 – 10 tahun

Kaedah susut nilai, jangka hayat penggunaan dan nilai baki dinilai semula pada tarikh pelaporan, dan diselaraskan mengikut kesesuaian.

#### (e) Aset pajakan

##### (i) Pajakan kewangan

Pajakan di mana Kumpulan mengambil sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pada pengiktirafan awal, aset pajakan tersebut diukur pada satu jumlah yang setara dengan nilai saksama yang lebih rendah dan nilai semasa minimum pembayaran pajakan. Selepas pengiktirafan awal, aset tersebut dikira menurut dasar perakaunan yang berkaitan dengan aset berkenaan.

Bayaran pajakan minima dibuat di bawah pajakan kewangan adalah diagihkan di antara perbelanjaan kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak. Perbelanjaan kewangan itu diperuntukkan kepada setiap tempoh pajakan tersebut bagi menghasilkan kadar faedah yang tetap bagi baki liabiliti. Bayaran pajakan luar jangkaan dikira dengan mengemaskinikan bayaran pajakan minima bagi baki tempoh apabila pembetulan ke atas pajakan tersebut disahkan.

Tanah pajakan di mana sebahagian besar adalah pajakan kewangan diklasifikan sebagai hartanah, loji dan peralatan.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (e) Aset pajakan (sambungan)

##### (ii) *Pajakan operasi*

Pajakan di mana Kumpulan tidak mengambil sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan operasi dan aset yang dipajak tidak diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan.

Pembayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi diiktiraf dalam untung atau rugi menggunakan kaedah asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan diterima diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai satu bahagian penting bagi jumlah pajakan dibelanjakan sepanjang tempoh pajakan.

#### (f) **Muhibah**

Muhibah yang diperolehi daripada penggabungan perniagaan dikira pada kos tolak kerugian penurunan nilai terkumpul.

Muhibah tidak dilunaskan tetapi dinilai untuk penurunan nilai setiap tahun dan apabila terdapat tanda yang menunjukkan penurunan nilai.

#### (g) **Inventori**

Inventori dinilai mengikut kos dan nilai realisasi bersih yang boleh diperolehi, yang mana lebih rendah.

Kos inventori dikira berasaskan prinsip 'masuk-dahulu keluar-dahulu' dan termasuk perbelanjaan yang berlaku dalam memperolehi inventori, pengeluaran atau kos penukaran dan kos-kos lain untuk membawanya ke lokasi dan keadaan sedia ada. Bagi kerja dalam pelaksanaan dan barangan siap, kosnya merangkumi perkongsian overhead pengeluaran yang sesuai berdasarkan kapasiti operasi normal.

Nilai realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan biasa, tolak anggaran kos perbelanjaan siap dan jualan dan anggaran kos yang perlu untuk membuat jualan.

#### (h) **Tunai dan setara tunai**

Tunai dan setara tunai merangkumi tunai dalam tangan, baki-baki dengan bank serta pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak penting. Bagi penyata aliran tunai, tunai dan baki bank dibentangkan pada overdraf bank bersih dan deposit dicagarkan.

#### (i) **Penurunan nilai**

##### (i) *Aset-aset kewangan*

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi, pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu) disemak pada setiap tarikh pelaporan untuk sebarang bukti penurunan nilai yang dihasil daripada satu atau lebih peristiwa yang mempunyai impak atas ketidaktentuan aliran tunai aset pada masa hadapan. Jangkaan kerugian atas peristiwa masa hadapan tidak diiktiraf walau betapa besar kemungkinannya.

Penurunan nilai bagi pinjaman dan penghutang diiktiraf dalam untung atau rugi dan dikira sebagai perbezaan di antara jumlah dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan. Jumlah dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (i) Penurunan nilai (sambungan)

##### (ii) *Aset- aset lain*

Jumlah dibawa aset-aset lain (kecuali inventori dan aset cukai tertunda) disemak pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada wujud sebarang tanda penurunan nilai. Jika ada sebarang tanda sedemikian, anggaran akan dibuat untuk mengukur jumlah perolehan semula. Untuk muhibah, jumlah perolehan semula dianggarkan pada setiap tahun yang sama.

Bagi tujuan pengujian penurunan nilai, aset adalah dikumpulkan menjadi kumpulan-kumpulan kecil aset yang menjana aliran tunai daripada penggunaan berterusan yang mana sebahagian besarnya adalah bebas daripada aliran tunai ke dalam aset-aset lain atau unit penjanaan tunai. Tertakluk kepada had ujian segmen operasi, bagi tujuan penurunan nilai muhibah, unit penjanaan tunai di mana muhibah telah diagihkan diagregatkan supaya tahap ujian penurunan nilai dijalankan menunjukkan tahap terendah di mana muhibah dipantau bagi tujuan pelaporan dalaman. Muhibah yang diperolehi dalam penggabungan perniagaan adalah diagihkan kepada unit-unit penjanaan tunai yang dijangka memberi manfaat daripada sinergi penggabungan tersebut untuk tujuan pengujian penurunan nilai.

Jumlah perolehan semula bagi aset atau unit yang menjana tunai adalah nilai penggunaannya dan nilai saksamanya ditolak kos untuk jualan yang mana lebih tinggi. Dalam mengukur nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan ditolak kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus untuk aset itu atau unit penjanaan tunai.

Kerugian penurunan nilai diiktiraf jika jumlah dibawa aset atau unit penjanaan tunainya melebihi jumlah perolehannya.

Kerugian penurunan nilai adalah diiktiraf dalam untung rugi. Kerugian penurunan nilai diiktiraf dari sudut unit penjanaan tunai yang diagihkan terlebih dahulu untuk mengurangkan jumlah dibawa sebarang muhibah yang diagihkan kepada unit-unit itu dan selepas itu, untuk mengurangkan jumlah dibawa aset lain dalam unit itu (kumpulan unit) pada kaedah sama rata.

Kerugian penurunan nilai dari segi muhibah adalah tidak ditimbal balik. Kerugian penurunan nilai aset-aset lain yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya dinilai pada akhir setiap tempoh pelaporan bagi mengesan sebarang tanda bahawa kerugian telah berkurangan atau tidak lagi wujud. Kerugian penurunan nilai ditimbal balik jika ada perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah perolehan semula sejak pengiktirafan terakhir kerugian penurunan nilai. Kerugian penurunan nilai ditimbal balik hanya setakat jumlah aset dibawa tidak melebihi jumlah dibawa yang mungkin ditentukan, nilai bersih daripada susut nilai atau pelunasan, jika tiada kerugian penurunan nilai diiktiraf. Timbal balik kerugian penurunan nilai dikreditkan ke untung atau rugi pada tahun kewangan timbal balik itu diiktiraf.



## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (j) Manfaat pekerja

##### (i) **Manfaat pekerja jangka pendek**

Kewajipan manfaat pekerja jangka pendek dari segi gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit dikira pada asas tiada pengurangan dan dibelanjai apabila perkhidmatan diberikan.

Liabiliti diiktiraf bagi jumlah yang dijangka akan dibayar di bawah bonus tunai jangka pendek atau rancangan perkongsian keuntungan jika Kumpulan mempunyai kewajipan perundangan atau kewajipan konstruktif untuk membayar jumlah hasil perkhidmatan lalu pekerja dan kewajipan tersebut boleh dianggar dengan nyata.

##### (ii) **Pelan nyata**

Caruman Kumpulan kepada dana pencen berkanun dicajkan ke penyata pendapatan dalam tahun kewangan yang berkaitan. Caruman prabayar diiktiraf sebagai aset ke tahap di mana bayaran balik tunai atau pengurangan pada bayaran akan datang.

##### (iii) **Pelan manfaat tertakrif**

Hasil daripada penggunaan MFRS 119, *Manfaat Pekerja* (2011), Kumpulan telah menukar dasar perakaunannya berkenaan dengan asas bagi menentukan pendapatan atau perbelanjaan yang berkaitan dengan pelan manfaat tertakrif selepas perkhidmatan.

Obligasi bersih Kumpulan berhubung pelan manfaat tertakrif dikira berasingan bagi setiap pelan dengan menganggar jumlah manfaat masa depan yang diperolehi oleh kakitangan dalam tempoh semasa dan terdahulu, mendiskaunkan amaun itu dan ditolak nilai saksama sebarang aset pelan.

Pengiraan manfaat tertentu dilakukan setiap tahun oleh aktuari berkecuali dengan menggunakan kaedah kredit unit unjuran. Apabila keputusan pengiraan aset yang berpotensi bagi Kumpulan, aset yang diiktiraf adalah terhad kepada nilai kini manfaat ekonomi boleh didapati dalam bentuk sebarang pulangan daripada pelan atau pengurangan caruman rancangan di masa hadapan. Untuk mengira nilai kini manfaat ekonomi, pertimbangan diberikan kepada mana-mana keperluan pembiayaan minimum berkenaan.

Pengukuran semula liabiliti manfaat tetap yang bersih, yang terdiri daripada keuntungan dan kerugian aktuari, pulangan ke atas aset pelan (tidak termasuk faedah) dan kesan siling aset (jika ada, tidak termasuk faedah), diiktiraf dengan segera dalam pendapatan komprehensif lain. Kumpulan menentukan perbelanjaan faedah bersih atau pendapatan atas liabiliti bersih ditakrifkan atau aset bagi tempoh dengan menggunakan kadar diskaun yang digunakan untuk mengukur tanggungan Kumpulan pada awal tempoh tahunan kepada liabiliti bersih kemudian ditakrifkan faedah atau aset, dengan mengambil akaun apa-apa perubahan dalam bersih tanggungan manfaat yang tetap atau aset dalam tempoh yang hasil daripada sumbangan dan bayaran faedah. Sebelum ini, Kumpulan menentukan pendapatan faedah ke atas aset pelan berdasarkan kadar jangka panjang pulangan dijangka.

Perbelanjaan faedah bersih dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan pelan manfaat diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Apabila manfaat sesuatu pelan berubah atau apabila pelan itu disekat, perubahan yang mengakibatkan faedah yang berkaitan dengan perkhidmatan yang lepas atau keuntungan atau kerugian pengurangan diiktiraf serta merta dalam keuntungan atau kerugian. Kumpulan mengiktiraf keuntungan dan kerugian dalam penyelesaian sesuatu pelan manfaat yang ditetapkan apabila penyelesaian itu berlaku.

Perubahan dalam dasar perakaunan telah dibuat secara retrospektif. Penerimaan pakai MFRS 119 (2011) ini tidak memberi kesan yang ketara kepada penyata kewangan Kumpulan.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (j) Manfaat pekerja (sambungan)

##### (iv) *Manfaat pembehentian kerja*

Manfaat penamatan dibelanjakan pada awal apabila Kumpulan tidak lagi boleh mengeluarkan dan apabila Kumpulan mengiktiraf kos untuk penstrukturan semula. Jika faedah yang tidak dijangka akan dijelaskan dengan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan dari akhir tempoh pelaporan, ia akan dikurangkan ke nilai semasanya.

##### (v) *Urusniaga pembayaran berasaskan saham Pelan Unit Saham Terhad ("RSUP")*

Kakitangan tertentu Kumpulan adalah berhak kepada RSUP yang memberi mereka hak kepada saham Nestlé S.A. Nilai saksama pada tarikh tawaran RSUP yang ditawarkan untuk kakitangan diiktirafkan sebagai perbelanjaan pekerja dalam penyata kewangan, sepanjang tempoh tersebut kakitangan secara tidak sedar menjadi berhak ke atas saham tersebut. Jumlah saham diiktiraf sebagai perbelanjaan di ubah untuk menggambarkan jumlah saham yang telah dibayar.

#### (k) Peruntukan-peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika, disebabkan peristiwa lalu, Kumpulan mempunyai kewajipan perundangan atau kewajipan konstruktif yang boleh dianggar dan kemungkinan aliran keluar faedah ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut. Peruntukan ditentukan dengan mengurangkan jumlah jangkaan aliran tunai masa hadapan pada kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko berkaitan liabiliti. Tarikan balik diskaun adalah diiktiraf sebagai kos kewangan.

##### *Penyusunan semula*

Peruntukan untuk penyusunan semula diiktirafkan apabila Kumpulan telah meluluskan rancangan penyusunan semula yang terperinci dan rasmi, dan penyusunan semula sama ada telah bermula atau telah diumumkan kepada orang ramai. Kos operasi masa depan tidak disediakan.

#### (l) Perolehan dan pendapatan lain

##### (i) *Barangan dijual*

Perolehan daripada jualan barangan diukur pada nilai saksama bagi pembayaran yang diterima atau boleh diterima, jumlah bersih pulangan dan elaun, diskaun atas dagangan dan jumlah rebat. Pendapatan diiktiraf apabila bukti yang memuaskan wujud, biasanya dalam bentuk pelaksanaan persetujuan jualan di mana risiko dan ganjaran pemilikan yang ketara dipindahkan kepada pembeli, perolehan semula pembayaran adalah berkemungkinan, kos berkaitan dan kemungkinan pulangan barangan boleh dianggarkan secara munasabah serta tiada pembabitan berterusan pihak pengurusan dengan barangan, dan jumlah perolehan boleh diukur secara munasabah. Sekiranya ada kemungkinan diskaun akan diberikan dan jumlah diskaun boleh diukur secara munasabah, diskaun diiktiraf sebagai pengurangan daripada perolehan sepertimana jualan diiktiraf.

##### (ii) *Pendapatan dividen*

Pendapatan dividen diiktiraf dalam penyata kewangan apabila hak untuk menerima pembayaran dividen Kumpulan atau Syarikat ditentukan.

##### (iii) *Pendapatan faedah*

Pendapatan faedah diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ia terakru, menggunakan kaedah hasil efektif.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (m) Kos pinjaman

Kos pinjaman yang tidak berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset berkecayaan adalah diiktiraf dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Kos-kos pinjaman berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset berkecayaan, iaitu aset yang memerlukan masa yang lama untuk sedia digunakan atau dijual, adalah dipermodalkan sebagai sebahagian kos aset tersebut.

Permodalan kos pinjaman sebagai sebahagian kos aset berkecayaan bermula apabila perbelanjaan aset tersebut dan kos pinjaman ditanggung, serta aktiviti-aktiviti yang perlu dijalankan untuk menyediakan aset untuk penggunaan yang telah ditentukan atau jualan yang sedang berlangsung. Permodalan kos pinjaman digantung atau berhenti apabila sebahagian besar aktiviti-aktiviti tersebut telah diganggu atau selesai.

Pendapatan yang diperolehi daripada pelaburan sementara di mana pinjaman tertentu belum digunakan untuk memperoleh aset berkecayaan, perbelanjaan pinjaman tersebut ditolak daripada kos pinjaman yang layak dipermodalkan.

#### (n) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan mengandungi cukai semasa dan tertunda. Perbelanjaan cukai diiktiraf di dalam untung atau rugi kecuali pada tahap di mana ia berkaitan dengan perkara yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa adalah jangkaan cukai yang perlu dibayar atau diperolehi ke atas pendapatan atau kerugian boleh cukai bagi tahun tersebut, menggunakan kadar cukai yang digubal atau telah digubal secara substantif sebelum atau pada akhir tarikh pelaporan dan sebarang pelarasan kepada cukai yang perlu dibayar berkaitan dengan tahun-tahun kewangan terdahulu.

Cukai tertunda diiktiraf dengan kaedah liabiliti, untuk membuat peruntukkan bagi perbezaan sementara antara jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan serta asas-asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara berikut: pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusan yang bukannya penggabungan perniagaan dan tidak menjejaskan sama ada perakaunan atau keuntungan atau kerugian yang boleh dikenakan cukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada perbezaan sementara apabila ia ditimbang balik berdasarkan undang-undang yang digubal atau digubal sebahagiannya pada tarikh pelaporan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi liabiliti dan aset cukai semasa, dan ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama atas entiti dikenakan cukai yang sama yang, atau dalam keadaan entiti-entiti dikenakan cukai yang berbeza, dengan hasrat untuk menyelesaikan liabiliti and aset cukai semasa pada asas bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasikan secara serentak.

Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga ke tahap di mana kemungkinan bahawa terdapatnya keuntungan masa hadapan yang dikenakan cukai supaya perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak pada setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan hingga tiada kemungkinan manfaat cukai berkaitan akan direalisasikan.

Elaun pelaburan semula yang tidak digunakan dan elaun cukai pelaburan, insentif cukai yang bukan asas cukai aset, diiktiraf sebagai aset cukai tertunda ke tahap yang berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap insentif cukai tidak digunakan boleh digunakan.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (o) Perolehan sesaham

Kumpulan menyediakan maklumat perolehan sesaham (EPS) asas untuk saham-saham biasanya.

EPS asas dikira dengan membahagikan keuntungan atau kerugian yang boleh diagihkan kepada pemegang saham biasa Syarikat dengan purata bilangan saham biasa sepanjang tempoh berkenaan, diselaraskan untuk saham-saham yang dipengang sendiri.

Perolehan saham cair ditentukan dengan melaraskan keuntungan atau kerugian yang boleh diagih kepada pemegang saham biasa dan purata bilangan saham yang tertunggak, diselaraskan untuk saham dipegang, bagi kesan semua saham biasa berpotensi cair, yang terdiri daripada nota boleh tukar dan opsi saham yang diberikan kepada pekerja-pekerja.

#### (p) Segmen-segmen operasi

Segmen operasi adalah komponen Kumpulan yang terbabit dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang mana ia boleh mendapat perolehan dan menanggung perbelanjaan, termasuk perolehan dan perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan niaga dengan mana-mana satu komponen lain Kumpulan. Keputusan operasi sesuatu segmen operasi kerap disemak oleh ketua pembuat keputusan operasi, iaitu Lembaga Eksekutif Kumpulan, bagi tujuan pengagihan sumber-sumber kepada segmen dan untuk menilai prestasinya, serta di mana maklumat kewangan diskrit adalah sedia ada.

#### (q) Pengukuran nilai saksama

Dari 1 Januari 2013, Kumpulan telah menerima pakai MFRS 13, Nilai Saksama Pengukuran yang ditetapkan bahawa nilai saksama aset atau liabiliti, melainkan untuk pembayaran dan pajakan transaksi berasaskan saham, ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusan niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran ini menganggap bahawa transaksi untuk menjual aset itu atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau dalam ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset yang terbaik atau dengan menjual kepada kumpulan lain peserta pasaran yang akan menggunakan aset yang digunakan yang terbaik.

Selaras dengan peruntukan peralihan MFRS 13, Kumpulan telah menggunakan pengukuran nilai saksama secara prospektif baru, dan tidak memberikan apa-apa perbandingan maklumat nilai saksama untuk pendedahan baru. Penerimaan pakai MFRS 13 tidak ketara dipengaruhi ukuran aset atau liabiliti-liabiliti lain daripada pendedahan tambahan Kumpulan.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	Tanah pajakan RM'000	Bangunan RM'000	Loji dan mesin, alatan, perabot dan peralatan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Sistem maklumat RM'000	Kerja dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kos</b>							
<b>Pada 1 Januari 2012</b>	96,007	349,946	1,494,538	19,576	80,376	16,477	2,056,920
Tambahan	–	17,455	109,126	1,876	9,165	22,566	160,188
Pelupusan	–	(3,003)	(10,170)	(3,236)	(141)	–	(16,550)
Hapus kira	–	(23)	(8,159)	–	(302)	–	(8,484)
Pemindahan dalam/(keluar)	–	2,617	12,890	–	790	(16,297)	–
<b>Pada 31 Disember 2012/ 1 Januari 2013</b>	<b>96,007</b>	<b>366,992</b>	<b>1,598,225</b>	<b>18,216</b>	<b>89,888</b>	<b>22,746</b>	<b>2,192,074</b>
Tambahan	–	18,202	86,220	2,134	7,055	100,566	214,177
Pelupusan	–	(22)	(11,104)	(5,409)	(3,334)	–	(19,869)
Hapus kira	–	(86)	(8,416)	–	(81)	–	(8,583)
Pemindahan dalam/(keluar)	–	1,665	11,611	–	1,106	(14,382)	–
<b>Pada 31 Disember 2013</b>	<b>96,007</b>	<b>386,751</b>	<b>1,676,536</b>	<b>14,941</b>	<b>94,634</b>	<b>108,930</b>	<b>2,377,799</b>
<b>Susutnilai dan penurunan nilai</b>							
<b>Pada 1 Januari 2012</b>							
Susutnilai terkumpul	9,213	104,852	962,488	10,340	59,173	–	1,146,066
Kerugian penurunan nilai terkumpul	–	6,284	14,682	–	147	–	21,113
	9,213	111,136	977,170	10,340	59,320	–	1,167,179
Susutnilai bagi tahun	1,711	8,325	83,138	1,965	6,462	–	101,601
Perlupusan	–	(2,416)	(9,069)	(2,847)	(139)	–	(14,471)
Hapus kira	–	(5)	(7,773)	–	(269)	–	(8,047)
<b>Pada 31 Disember 2012</b>							
Susutnilai terkumpul	10,924	110,756	1,028,784	9,458	65,227	–	1,225,149
Kerugian penurunan nilai terkumpul	–	6,284	14,682	–	147	–	21,113
	10,924	117,040	1,043,466	9,458	65,374	–	1,246,262

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

**3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)**

Kumpulan	Tanah pajakan RM'000	Bangunan RM'000	Loji dan mesin, alatan, perabot dan peralatan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Sistem maklumat RM'000	Kerja dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
<b>Susutnilai dan penurunan nilai (sambungan)</b>							
<b>Pada 1 Januari 2013</b>							
Susutnilai terkumpul	10,924	110,756	1,028,784	9,458	65,227	-	1,225,149
Kerugian penurunan nilai terkumpul	-	6,284	14,682	-	147	-	21,113
	10,924	117,040	1,043,466	9,458	65,374	-	1,246,262
Susutnilai bagi tahun	1,711	8,977	89,407	1,925	6,951	-	108,971
Perlupusan	-	(5)	(8,613)	(3,994)	(3,320)	-	(15,932)
Hapus kira	-	(15)	(7,872)	-	(78)	-	(7,965)
<b>Pada 31 Disember 2013</b>							
Susutnilai terkumpul	12,635	119,713	1,101,706	7,389	68,780	-	1,310,223
Kerugian penurunan nilai terkumpul	-	6,284	14,682	-	147	-	21,113
	12,635	125,997	1,116,388	7,389	68,927	-	1,331,336
<b>Jumlah dibawa</b>							
<b>Pada 31 Disember 2012/ 1 Januari 2013</b>							
	85,083	249,952	554,759	8,758	24,514	22,746	945,812
<b>Pada 31 Disember 2013</b>							
	83,372	260,754	560,148	7,552	25,707	108,930	1,046,463

**Loji dan mesin pajakan**

Pada 31 Disember 2013, jumlah dibawa bersih bagi loji dan mesin yang dipajak bagi Kumpulan ialah RM10,950,000 (2012: RM13,910,000).

Kumpulan memajak peralatan pengeluaran di bawah beberapa perjanjian pajakan kewangan. Sesetengah pajakan ini memberikan pilihan kepada Kumpulan untuk membeli peralatan itu pada harga berpada dan yang lain memindahkan pemilikan aset-aset itu kepada Kumpulan pada hujung tempoh pajakan.

Loji dan mesin pajakan mempunyai tanggungan pajakan (rujuk nota 12).

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 4. MUHIBAH

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Kos/Jumlah dibawa	<b>61,024</b>	61,024

Muhibah ini merujuk kepada unit perniagaan ais krim Kumpulan.

#### Ujian penurunan nilai

Jumlah yang boleh diperolehi untuk unit perniagaan ais krim adalah melebihi jumlah dibawanya dan berdasarkan nilai penggunaannya.

Nilai penggunaan ditentukan oleh pengurangan aliran tunai yang dijana daripada operasi berterusan unit perniagaan ais krim pada masa hadapan dan berdasarkan atas andaian-andaian berikut:

- Aliran tunai diunjur berasaskan keputusan operasi sebenar dan bajet kewangan yang diluluskan oleh pengurusan meliputi satu pelan perniagaan 9 tahun.
- Kadar pertumbuhan dianggarkan sebanyak 4% hingga 9%.
- Unit tersebut akan meneruskan operasinya secara berterusan.
- Kadar diskaun sebanyak 8.3% (2012: 7.2%) telah digunakan.
- Saiz operasinya akan kekal dengan sekurang-kurangnya atau tidak kurang daripada keputusan-keputusan semasa.

Andaian-andaian utama ini adalah mewakili penilaian pengurusan mengenai trend masa depan dalam industri ais krim dan adalah berasaskan kedua-dua sumber dalaman dan luaran (data sejarah).

### 5. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI

	Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Pada kos:		
Saham tidak disebut harga	<b>188,022</b>	188,022

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

**5. PELABURAN DALAM SYARIKAT - SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)**

Butir-butir syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Tempat perniagaan utama/Negara diperbadankan	Aktiviti utama	Kepentingan ekuiti dan kepentingan mengundi	
			2013 %	2012 %
Nestlé Products Sdn. Bhd.	Malaysia	Pemasaran dan jualan ais krim, susu tepung dan minuman, susu cecair dan jus, kopi segera dan, minuman lain, produk coklat konfeksi, mi segera, produk masakan, bijirin, dadih, dan produk berkaitan	<b>100</b>	100
Nestlé Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd.	Malaysia	Pengilang dan jualan krim, susu tepung, dan minuman, susu cecair dan jus, kopi segera dan, minuman lain, produk coklat konfeksi, mi segera, produk masakan, bijirin, dadih dan produk berkaitan	<b>100</b>	100
Nestlé Asean (Malaysia) Sdn. Bhd.	Malaysia	Pengilang dan jualan produk coklat confeksi	<b>100</b>	100
Nestlé Foods (Malaysia) Sdn. Bhd.	Malaysia	Tidak aktif	<b>100</b>	100



## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 6. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Pada kos				
Saham tidak disebut harga	<b>3,000</b>	3,000	<b>3,000</b>	3,000
Bahagian rizab selepas pengambilalihan	<b>619</b>	217	–	–
	<b>3,619</b>	3,217	<b>3,000</b>	3,000

### 7. ASET/(LIABILITI) CUKAI TERTUNDA

#### Aset/(liabiliti) cukai tertunda yang diiktiraf

Aset dan liabiliti cukai tertunda adalah diagihkan secara berikut:

Kumpulan	Aset		Liabiliti		Bersih	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	–	–	<b>(100,902)</b>	(93,917)	<b>(100,902)</b>	(93,917)
Pelan manfaat pekerja	<b>6,335</b>	13,636	–	–	<b>6,335</b>	13,636
Peruntukan-peruntukan	<b>20,522</b>	19,431	–	–	<b>20,522</b>	19,431
Rizab perlindungan	–	316	<b>(136)</b>	–	<b>(136)</b>	316
Insentif cukai tidak digunakan	<b>17,208</b>	18,088	–	–	<b>17,208</b>	18,088
Aset/(liabiliti) cukai	<b>44,065</b>	51,471	<b>(101,038)</b>	(93,917)	<b>(56,973)</b>	(42,446)
Pengimbangan cukai	<b>(18,290)</b>	(19,059)	<b>18,290</b>	19,059	–	–
Aset/(liabiliti) cukai bersih	<b>25,775</b>	32,412	<b>(82,748)</b>	(74,858)	<b>(56,973)</b>	(42,446)

#### Pergerakan dalam perbezaan-perbezaan sementara dalam tempoh tahun

Kumpulan	Pada 1.1.2012 RM'000	Diiktiraf dalam untung rugi (nota 17) RM'000	Diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain (nota 18) RM'000	Pada 31.12.2012/ 1.1.2013 RM'000	Diiktiraf dalam untung rugi (nota 17) RM'000	Diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain (nota 18) RM'000	Pada 31.12.2013 RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	(86,970)	(6,947)	–	<b>(93,917)</b>	<b>(6,985)</b>	–	<b>(100,902)</b>
Pelan manfaat tertakrif	10,579	972	2,085	<b>13,636</b>	<b>(5,182)</b>	<b>(2,119)</b>	<b>6,335</b>
Peruntukan-peruntukan	11,698	7,733	–	<b>19,431</b>	<b>1,091</b>	–	<b>20,522</b>
Rizab perlindungan	7,479	–	(7,163)	<b>316</b>	–	<b>(452)</b>	<b>(136)</b>
Insentif cukai tidak digunakan	11,859	6,229	–	<b>18,088</b>	<b>(880)</b>	–	<b>17,208</b>
	(45,355)	7,987	(5,078)	<b>(42,446)</b>	<b>(11,956)</b>	<b>(2,571)</b>	<b>(56,973)</b>

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## 8. PENGHUTANG DAGANGAN DAN PENGHUTANG LAIN

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Bukan semasa</b>					
Pinjaman kepada pekerja		21,866	22,001	–	–
<b>Semasa</b>					
<b>Dagangan</b>					
Penghutang dagangan		181,480	168,555	–	–
Ditolak: Kerugian penurunan nilai		(4,117)	(3,972)	–	–
		177,363	164,583	–	–
Jumlah terhutang daripada syarikat berkaitan	8.1	143,170	126,297	–	–
Jumlah terhutang daripada syarikat bersekutu	8.1	2,700	9,895	–	–
Ditentukan sebagai instrumen perlindungan					
– Komoditi hadapan		2,163	–	–	–
– Kontrak pertukaran asing		6,864	2,245	–	–
		332,260	303,020	–	–
<b>Bukan semasa</b>					
Jumlah terhutang daripada					
syarikat-syarikat subsidiari	8.2	–	–	488,759	441,470
Jumlah terhutang syarikat berkaitan	8.1	31,511	15,988	–	–
Penghutang lain, deposit dan prabayaran	8.3	138,436	75,136	120	120
		169,947	91,124	488,879	441,590
		502,207	394,144	488,879	441,590
<b>Jumlah</b>		<b>524,073</b>	<b>416,145</b>	<b>488,879</b>	<b>441,590</b>

## 8.1 Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat berkaitan dan syarikat bersekutu

Penghutang dagangan daripada syarikat-syarikat berkaitan dan syarikat bersekutu adalah tertakluk kepada terma-terma dagangan biasa. Penghutang bukan dagangan daripada syarikat-syarikat berkaitan dan syarikat bersekutu adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan, kecuali pendahuluan dari syarikat berkaitan sebanyak RM31,435,000 (2012: RM15,944,000) yang dicaj faedah pada 3.16% hingga 3.91% (2012: 3.16% hingga 3.86%) setahun.

## 8.2 Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari

Penghutang bukan dagangan daripada syarikat-syarikat berkaitan dan syarikat bersekutu adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan, kecuali pendahuluan daripada syarikat subsidiary sebanyak RM78,132,000 (2012: RM79,276,000) yang dicaj faedah pada 3.16% hingga 3.91% (2012: 3.16% hingga 3.86%) setahun.

## 8.3 Penghutang lain, deposit dan prabayaran

Penghutang lain, deposit dan prabayaran Kumpulan termasuklah pinjaman kepada pekerja sebanyak RM11,812,000 (2012: RM10,502,000) yang tidak dijamin, bebas faedah dan bayaran pendahuluan kepada pembekal sebanyak RM54,468,000 (2012: RM27,889,000).

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 9. INVENTORI

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Bahan mentah dan pembungkusan	179,964	181,714
Kerja dalam pelaksanaan	19,817	18,951
Barangan siap	187,317	189,403
Alat-alat ganti	21,516	21,102
	<b>408,614</b>	411,170
Diiiktiraf dalam untung atau rugi		
– Inventori diiktiraf sebagai kos jualan	2,809,719	2,774,580

### 10. TUNAI DAN SETARA TUNAI

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Baki tunai dan bank	11,864	18,936
Deposit dalam bank-bank berlesen	3,332	15,657
	<b>15,196</b>	34,593

### 11. MODAL DAN RIZAB

#### Modal saham

	← Kumpulan dan syarikat →			
	Jumlah 2013 RM'000	Bilangan saham 2013 '000	Jumlah 2012 RM'000	Bilangan saham 2012 '000
Dibenarkan				
Saham biasa bernilai RM1 sesaham	300,000	300,000	300,000	300,000
Saham yang diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti yang diterbitkan dan dibayar sepenuhnya				
Saham biasa bernilai RM1 sesaham	234,500	234,500	234,500	234,500

Pemegang ekuiti biasa adalah berhak untuk menerima dividen seperti diisytiharkan daripada semasa ke semasa dan berhak ke atas satu undi sesaham pada mesyuarat-mesyuarat Syarikat.

#### Premium saham

Premium saham merujuk kepada jumlah yang pemegang ekuiti bayar bagi saham-saham yang melebihi nilai nominal.

#### Rizab perlindungan

Rizab perlindungan merujuk kepada bahagian efektif perubahan bersih nilai saksama instrumen terlindung aliran tunai terkumpul berkaitan dengan urusan perlindungan yang belum berlaku.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## 12. PINJAMAN

	Note	Kumpulan 2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Bukan semasa</b>			
Pinjaman dari syarikat berkaitan – tidak dijamin		<b>84,264</b>	84,264
Liabiliti pajakan kewangan	12.1	<b>8,079</b>	10,903
		<b>92,343</b>	95,167
<b>Semasa</b>			
Liabiliti pajakan kewangan	12.1	<b>4,696</b>	4,223
Overdraf bank – tidak dijamin		<b>2,859</b>	–
		<b>7,555</b>	4,223
		<b>99,898</b>	99,390

## 12.1 Liabiliti pajakan kewangan

Liabiliti pajakan kewangan akan dibayar seperti berikut:

Kumpulan	Bayaran pajakan minima masa hadapan 2013 RM'000	Faedah 2013 RM'000	Bayaran pajakan minima nilai semasa 2013 RM'000	Bayaran pajakan minima masa hadapan 2012 RM'000	Faedah 2012 RM'000	Bayaran pajakan minima nilai semasa 2012 RM'000
Kurang daripada satu tahun	<b>5,306</b>	<b>610</b>	<b>4,696</b>	4,976	753	4,223
Antara satu dan lima tahun	<b>8,844</b>	<b>765</b>	<b>8,079</b>	11,970	1,067	10,903
	<b>14,150</b>	<b>1,375</b>	<b>12,775</b>	16,946	1,820	15,126

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 13. MANFAAT PEKERJA

#### 13.1 Manfaat persaraan

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Liabiliti manfaat tertakrif bersih/ Jumlah liabiliti manfaat pekerja	<b>25,337</b>	54,546

Kumpulan menjalankan satu skim manfaat tertakrif yang ditadbir oleh Skim Persaraan Kumpulan Nestlé Malaysia.

Skim berkenaan menyediakan pencen persaraan tidak diindeks kepada pekerja yang berkhidmat dengan Kumpulan sebelum 1 Januari 1992, berdasarkan kepada peratusan gaji akhir dan jumlah faedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada caruman pekerja dan majikan yang dibuat sepanjang tempoh keahlian KWSP. Bagi kakitangan yang berkhidmat dengan Nestlé pada atau selepas 1 Januari 1992, sejumlah manfaat persaraan boleh didapati di bawah Skim ini, menggantikan pencen bulanan, bersamaan dengan sumbangan terkumpul Kumpulan dicampur faedah yang dikreditkan pada kadar dividen KWSP.

Pelan manfaat tertakrif mendedahkan Kumpulan kepada risiko aktuari, seperti pasaran (pelaburan) risiko.

#### **Pembiayaan**

Pelan ini dibiayai sepenuhnya oleh anak-anak syarikat Kumpulan. Keperluan pembiayaan adalah berdasarkan kepada rangka kerja pengukuran aktuari dana pencen yang telah ditetapkan dalam dasar-dasar pembiayaan daripada rancangan itu. Pekerja tidak diperlukan untuk menyumbang kepada rancangan.

Kumpulan dijangka mencarum RM20,811,000 kepada rancangan faedah yang ditakrifkan pada tahun 2014.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

**13. MANFAAT PEKERJA (SAMBUNGAN)****13.1 Manfaat persaraan (sambungan)****Pergerakan dalam nilai semasa kewajipan manfaat tertakrif**

Jadual berikut menunjukkan penyuaian daripada baki awal kepada baki akhir untuk liabiliti manfaat tertakrif bersih dan komponennya:

<b>Kumpulan</b>	<b>Kewajipan manfaat tertakrif RM'000</b>	<b>Nilai saksama pelan aset RM'000</b>	<b>Liabiliti manfaat tertakrif bersih RM'000</b>
Baki pada 1 Januari 2013	<b>264,084</b>	<b>(209,538)</b>	<b>54,546</b>
<b>Termasuk dalam untung atau rugi</b>			
Kos khidmat semasa	<b>7,625</b>	<b>–</b>	<b>7,625</b>
Kos khidmat dahulu	<b>(10,728)</b>	<b>–</b>	<b>(10,728)</b>
Kos/(pendapatan) faedah	<b>17,114</b>	<b>(13,929)</b>	<b>3,185</b>
	<b>14,011</b>	<b>(13,929)</b>	<b>82</b>
<b>Termasuk dalam pendapatan komprehensif lain</b>			
Pengkukuran semula kerugian/(keuntungan):			
Kerugian/(Keuntungan) aktuari yang muncul daripada			
– Andaian kewangan	<b>5,583</b>	<b>–</b>	<b>5,583</b>
– Pelarasan pengalaman	<b>(14,542)</b>	<b>–</b>	<b>(14,542)</b>
Pulangan ke atas aset pelan, tidak termasuk pendapatan faedah	<b>–</b>	<b>651</b>	<b>651</b>
	<b>(8,959)</b>	<b>651</b>	<b>(8,308)</b>
<b>Lain-lain</b>			
Caruman dibayar oleh majikan	<b>–</b>	<b>(20,817)</b>	<b>(20,817)</b>
Manfaat dibayar	<b>(23,633)</b>	<b>23,633</b>	<b>–</b>
Andaian liabiliti dari Purina Pension Fund	<b>1,304</b>	<b>(1,470)</b>	<b>(166)</b>
Baki pada 31 Disember 2013	<b>246,807</b>	<b>(221,470)</b>	<b>25,337</b>

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 13. MANFAAT PEKERJA (SAMBUNGAN)

#### 13.1 Manfaat persaraan (sambungan)

##### Pergerakan dalam nilai semasa kewajipan manfaat tertakrif (sambungan)

Kumpulan	Kewajipan manfaat tertakrif RM'000	Nilai saksama pelan aset RM'000	Liabiliti manfaat tertakrif bersih RM'000
Baki pada 1 Januari 2012	229,831	(187,515)	42,316
<b>Termasuk dalam untung atau rugi</b>			
Kos khidmat semasa	10,050	–	10,050
Kos khidmat dahulu	11,831	–	11,831
Kos/(pendapatan) faedah	14,897	(12,487)	2,410
	36,778	(12,487)	24,291
<b>Termasuk dalam pendapatan komprehensif lain</b>			
Pengukuran semula kerugian/(keuntungan):			
Kerugian/(Keuntungan) aktuari yang muncul daripada			
– Andaian kewangan	9,048	–	9,048
– Pelarasan pengalaman	4,430	–	4,430
Pulangan atas aset pelan, tidak termasuk pendapatan faedah	–	(5,138)	(5,138)
	13,478	(5,138)	8,340
<b>Lain – lain</b>			
Caruman dibayar oleh majikan	–	(20,401)	(20,401)
Manfaat dibayar	(16,003)	16,003	–
Baki pada 31 Disember 2012	264,084	(209,538)	54,546

Berkuatkuasa 1 Julai 2013, umur persaraan bagi pekerja yang bekerja sebelum 1 Januari 2005 telah diselaraskan dari 55 tahun hingga 60 tahun. Sebagai akibat perubahan dalam umur persaraan, kredit perkhidmatan lepas diiktiraf serta merta dalam untung atau rugi.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

**13. MANFAAT PEKERJA (SAMBUNGAN)****13.1 Manfaat persaraan (sambungan)****Aset pelan**

Aset pelan mengandungi:

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Sekuriti ekuiti	103,443	96,796
Bon kerajaan	42,441	41,602
Bon korporat	45,000	45,142
Tunai dan setara tunai	21,481	17,476
Lain - lain	9,105	8,522
	<b>221,470</b>	<b>209,538</b>

Tabung persaraan mempunyai dasar campuran aset strategik yang terdiri daripada sekuriti ekuiti 50%, 30% bon dan 20% lain-lain pelaburan.

**Kewajipan manfaat tertakrif****Andaian aktuari**

Andaian utama aktuari pada akhir tempoh laporan ini (dinyatakan sebagai purata wajar):

	Kumpulan	
	2013	2012
Kadar diskaun	6.50%	6.75%
Jangkaan pulangan atas aset pelan	6.50%	7.00%
Peningkatan gaji pada masa depan	5.00%	5.00%

Andaian berhubung kadar kematian masa depan adalah berdasarkan statistik yang diterbitkan dan jadual jangka hayat. Jangka hayat purata seseorang individu yang bersara pada usia 60 tahun adalah 21.1 tahun bagi kedua-dua lelaki dan perempuan pada akhir tarikh pelaporan.

Pada 31 Disember 2013, tempoh purata wajar tanggungan Kumpulan adalah 10.45 tahun.

**Analisis sensitiviti**

Kemungkinan perubahan pada tarikh laporan untuk satu daripada andaian aktuari berkaitan, memegang andaian yang lain kekal, akan menjejaskan obligasi manfaat yang ditakrifkan oleh jumlah yang ditunjukkan di bawah.

	Kumpulan	
	Kewajipan Kenaikan RM'000	manfaat tertakrif Penurunan RM'000
<b>2013</b>		
Kadar diskaun (0.5% pergerakan)	(10,867)	11,932
Pertumbuhan gaji masa hadapan (0.5% pergerakan)	1,503	(1,260)
Pertumbuhan persaraan masa hadapan (0.5% pergerakan)	933	(759)
Jangka hayat masa hadapan (1 tahun pergerakan)	(3,484)	3,568

Walaupun analisa tidak mengambil kira pengagihan yang penuh dengan jangkaan aliran tunai di bawah rancangan itu, ia tidak menganggarkan sensitiviti terhadap andaian yang ditunjukkan.



## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 14. PEMIUTANG DAGANGAN DAN PEMIUTANG LAIN

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Dagangan</b>					
Pemiutang dagangan		<b>591,998</b>	617,217	–	–
Jumlah terhutang daripada syarikat berkaitan	14.1	<b>89,593</b>	58,007	–	–
Jumlah terhutang daripada syarikat bersekutu	14.1	<b>12,995</b>	13,300	–	–
Ditentukan sebagai instrumen perlindungan					
– Komoditi hadapan		–	2,874	–	–
– Kontrak tukaran asing		<b>7,474</b>	646	–	–
		<b>702,060</b>	692,044	–	–
<b>Bukan dagangan</b>					
Jumlah terhutang daripada syarikat berkaitan	14.1	<b>80,050</b>	1,973	–	87
Pemiutang lain		<b>98,972</b>	50,733	<b>391</b>	612
Perbelanjaan akruan		<b>141,917</b>	127,295	<b>1,142</b>	798
		<b>320,939</b>	180,001	<b>1,533</b>	1,497
		<b>1,022,999</b>	872,045	<b>1,533</b>	1,497

#### 14.1 Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat berkaitan dan syarikat bersekutu

Pemiutang dagangan daripada syarikat-syarikat berkaitan dan syarikat bersekutu adalah tertakluk kepada terma-terma dagangan biasa. Pemiutang bukan dagangan daripada syarikat-syarikat berkaitan adalah tidak bercagar, perlu dibayar balik atas permintaan dan tanpa faedah, kecuali pinjaman daripada syarikat berkaitan sebanyak RM78,271,000 (2012: sifar) yang dikenakan faedah sebanyak 3.16% hingga 3.91% (2012: sifar) setahun.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## 15. PENGHASILAN DARI AKTIVITI OPERASI

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Penghasilan daripada aktiviti operasi dicapai selepas dicaj:</b>					
Bayaran juruaudit					
– Juruaudit berkanun					
KPMG di Malaysia		<b>529</b>	496	<b>137</b>	124
– Perkhidmatan lain					
KPMG di Malaysia		<b>173</b>	231	–	223
Syarikat-syarikat gabungan dengan KPMG di Malaysia		<b>21</b>	25	<b>1</b>	1
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	3	<b>108,971</b>	101,601	–	–
Penurunan nilai atas penghutang dagangan (bersih)		<b>145</b>	17	–	–
Kerugian dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan		<b>1,647</b>	269	–	–
Kerugian tukaran asing bersih					
– direalisasi		<b>5,449</b>	–	–	–
– belum direalisasi		<b>95</b>	–	–	–
Perbelanjaan personnel (termasuk kakitangan utama pengurusan)					
– Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja		<b>39,439</b>	36,076	–	–
– Perbelanjaan berkenaan pelan manfaat tertakrif	13	<b>82</b>	24,291	–	–
– Pembayaran berasaskan saham		<b>10,082</b>	5,678	–	–
– Upah, gaji dan lain-lain		<b>475,014</b>	436,265	–	–
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira		<b>618</b>	437	–	–
Sewa tanah dan bangunan		<b>50,506</b>	50,062	–	–
<b>dan selepas kredit:</b>					
Pedapatan dividen daripada					
– Syarikat-syarikat Subsidiari (tidak disebut harga)		–	–	<b>551,075</b>	490,950
Keuntungan tukaran asing bersih					
– direalisasi		–	9,979	–	33
– belum direalisasi		–	238	–	–

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 16. GANJARAN KAKITANGAN PENGURUSAN UTAMA

Ganjaran bagi kakitangan pengurusan utama adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Para pengarah</b>				
– Yuran	320	320	320	320
– Imbuan	5,052	5,136	–	–
– Manfaat pekerja jangka pendek lain (termasuk jangkaan nilai kewangan manfaat dalam bentuk barangan)	929	969	50	50
Jumlah manfaat pekerja jangka pendek	6,301	6,425	370	370
Manfaat selepas persaraan	385	501	–	–
Pembayaran berasaskan saham	1,227	1,525	–	–
	<b>7,913</b>	<b>8,451</b>	<b>370</b>	<b>370</b>
<b>Kakitangan pengurusan utama lain</b>				
– Manfaat kakitangan jangka pendek	8,219	7,960	–	–
– Manfaat selepas persaraan	216	361	–	–
– Pembayaran berasaskan saham	1,382	1,952	–	–
	<b>9,817</b>	<b>10,273</b>	<b>–</b>	<b>–</b>
	<b>17,730</b>	<b>18,724</b>	<b>370</b>	<b>370</b>

Kakitangan pengurusan utama lain termasuk mereka yang selain daripada para Pengarah entiti Kumpulan, mempunyai kuasa dan tanggungjawab bagi merancang, mengarah dan mengawal aktiviti entiti sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Di samping gaji mereka, Kumpulan juga menyediakan manfaat bukan tunai kepada Pengarah dan pegawai eksekutif, dan menyumbang kepada pelan manfaat tertakrif pekerjaan bagi pihak mereka.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

**17. PERBELANJAAN CUKAI*****Diiktiraf dalam untung atau rugi***

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Pendapatan perbelanjaan cukai		<b>157,353</b>	132,316	<b>590</b>	802
Komponen utama perbelanjaan cukai termasuk:					
<b>Perbelanjaan cukai semasa</b>					
Malaysian – tahun semasa		<b>161,596</b>	138,297	<b>597</b>	696
– tahun sebelumnya		<b>(16,199)</b>	2,006	<b>(7)</b>	106
Jumlah cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi		<b>145,397</b>	140,303	<b>590</b>	802
<b>Perbelanjaan cukai tertunda</b>					
Sumber dan timbal balik perbezaan sementara		<b>11,956</b>	(5,097)	–	–
Lebihan peruntukan dalam tahun-tahun sebelumnya		–	(2,890)	–	–
Jumlah cukai tertunda diiktiraf dalam untung atau rugi	7	<b>11,956</b>	(7,987)	–	–
Jumlah perbelanjaan cukai		<b>157,353</b>	132,316	<b>590</b>	802
<b>Pelarasan perbelanjaan cukai</b>					
Keuntungan pada tahun		<b>561,701</b>	505,352	<b>551,436</b>	490,472
Jumlah perbelanjaan cukai		<b>157,353</b>	132,316	<b>590</b>	802
Keuntungan tidak termasuk cukai		<b>719,054</b>	637,668	<b>552,026</b>	491,274
Cukai pada kadar cukai Malaysia sebanyak 25%		<b>179,764</b>	159,417	<b>138,007</b>	122,819
Perbelanjaan tidak boleh ditolak cukai		<b>3,512</b>	3,980	<b>359</b>	615
Pendapatan dikecualikan cukai		–	–	<b>(137,769)</b>	(122,738)
Insentif cukai		<b>(16,793)</b>	(30,322)	–	–
Perkara-perkara lain		<b>7,069</b>	125	–	–
(Lebihan)/Kurangan peruntukan pada tahun-tahun sebelumnya		<b>(16,199)</b>	(884)	<b>(7)</b>	106
		<b>157,353</b>	132,316	<b>590</b>	802

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 18. PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

Kumpulan	← 2013 →			← 2012 →		
	Sebelum Cukai RM'000	(Perbelanjaan)/ manfaat cukai RM'000	Cukai bersih RM'000	Sebelum Cukai RM'000	(Perbelanjaan)/ manfaat cukai RM'000	Cukai bersih RM'000
<b>Item yang mungkin diklassifikasikan seterusnya ke untung atau rugi</b>						
Aliran tunai terlindung						
– (Kerugian)/Keuntungan pada tahun	<b>(11,401)</b>	<b>2,850</b>	<b>(8,551)</b>	281	(70)	211
– Pelarasan semula klasifikasi untuk kerugian dalam untung atau rugi	<b>13,210</b>	<b>(3,302)</b>	<b>9,908</b>	28,372	(7,093)	21,279
	<b>1,809</b>	<b>(452)</b>	<b>1,357</b>	28,653	(7,163)	21,490
<b>Item yang tidak akan diklasifikasikan seterusnya ke untung atau rugi</b>						
Keuntungan/(Kerugian)						
pelan manfaat tertakrif aktuari	<b>8,474</b>	<b>(2,119)</b>	<b>6,355</b>	(8,340)	2,085	(6,255)
	<b>10,283</b>	<b>(2,571)</b>	<b>7,712</b>	20,313	(5,078)	15,235

### 19. PEROLEHAN SESAHAM BIASA - ASAS DAN CAIR

Pengiraan perolehan sesaham biasa asas pada 31 Disember 2013 adalah berasaskan keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti, sebanyak RM561.7 juta (2012: RM505.4 juta) dan 234.5 juta (2012: 234.5 juta) saham biasa tertunggak pada tahun ini.

### 20. DIVIDEN

Dividen diiktiraf oleh Syarikat adalah:

	Sen sesaham	Jumlah RM'000	Tarikh bayaran
<b>2013</b>			
Interim 2013 biasa	<b>60</b>	<b>140,700</b>	<b>3 Oktober 2013</b>
Akhir 2012 biasa	<b>155</b>	<b>363,475</b>	<b>13 Jun 2013</b>
Jumlah		<b>504,175</b>	
<b>2012</b>			
Interim 2012 biasa	55	128,975	4 Oktober 2012
Akhir 2011 biasa	125	293,125	30 Mei 2012
Jumlah		422,100	

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

**20. DIVIDEN (SAMBUNGAN)**

Selepas tempoh pelaporan, dividen berikut telah dicadangkan oleh Para Pengarah. Dividen ini akan diiktiraf dalam tempoh kewangan seterusnya selepas mendapat kelulusan pemegang ekuiti Syarikat.

	Sen sesaham	Jumlah RM'000
Akhir 2013 biasa	175	410,375

**21. SEGMENT OPERASI**

Kumpulan ini mempunyai dua segmen operasi – Makanan dan minuman serta Lain-lain yang merangkumi Nutrition dan Nestlé Professional.

Prestasi diukur berdasarkan perolehan segmen sebelum faedah dan cukai, seperti dikandungi dalam laporan pengurusan dalaman yang disemak oleh Lembaga Eksekutif Kumpulan, yang merupakan ketua pembuat keputusan operasi Kumpulan. Perolehan segmen sebelum faedah dan cukai digunakan untuk mengukur prestasi kerana pengurusan percaya bahawa maklumat sedemikian adalah pengukuran keputusan segmen operasi dalam Kumpulan yang paling sesuai.

Maklumat aset dan liabiliti segmen tidak kerap diberikan kepada Lembaga Eksekutif. Oleh itu, tiada pendedahan dibuat atas aset dan liability segmen.

	Makanan dan minuman		Lain - lain		Jumlah	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Kumpulan</b>						
<b>Perolehan dan keputusan</b>						
Perolehan	3,904,390	3,740,653	883,535	815,770	4,787,925	4,556,423
Keuntungan operasi	594,732	536,236	145,755	121,039	740,487	657,275
Termasuk dalam pengukuran segmen						
keuntungan operasi adalah:						
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	96,131	89,282	12,840	12,319	108,971	101,601

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 21. SEGMENT OPERASI (SAMBUNGAN)

#### Penyelarasan keuntungan atau kerugian segmen yang boleh dilaporkan

	2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000
<b>Keuntungan atau kerugian</b>		
Jumlah keuntungan untuk segmen yang boleh dilaporkan	740,487	657,275
Kos kewangan	(21,937)	(20,131)
Pendapatan kewangan	5,947	929
Perbelanjaan lain yang belum diagihkan	(5,845)	(400)
Bahagian keuntungan/(kerugian) syarikat bersekutu yang tidak termasuk dalam segmen yang boleh dilaporkan	402	(5)
Keuntungan sebelum cukai yang telah disatukan	719,054	637,668

### 22. INSTRUMEN KEWANGAN

#### 22.1 Kategori-kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan yang dikelas seperti berikut:

- Pinjaman dan penghutang ("L&R");
- Liabiliti – liabiliti kewangan lain diukur pada kos perlunasan ("OL"); dan
- Derivatif yang dihias sebagai instrumen terlindung.

	Jumlah dibawa RM'000	L&R/ (OL) RM'000	Derivatif ditetapkan sebagai Instrumen terlindung RM'000
<b>2013</b>			
<b>Aset-aset kewangan</b>			
<b>Kumpulan</b>			
Penghutang dagangan dan penghutang lain	519,144	510,117	9,027
Tunai dan setara tunai	15,196	15,196	–
	534,340	525,313	9,027
<b>Syarikat</b>			
Penghutang dagangan dan penghutang	488,879	488,879	–
<b>Liabiliti-liabiliti kewangan</b>			
<b>Kumpulan</b>			
Pinjaman	(99,898)	(99,898)	–
Pemiutang dagangan dan pemiutang lain	(1,022,999)	(1,015,525)	(7,474)
	(1,122,897)	(1,115,423)	(7,474)
<b>Syarikat</b>			
Pemiutang dagangan dan pemiutang lain	(1,533)	(1,533)	–

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

**22. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)****22.1 Kategori – kategori instrumen kewangan (sambungan)**

	Jumlah dibawa RM'000	L&R/ (OL) RM'000	Derivatif ditetapkan sebagai Instrumen terlindung RM'000
<b>2012</b>			
<b>Aset kewangan</b>			
<b>Kumpulan</b>			
Penghutang dagangan dan penghutang	413,045	410,800	2,245
Tunai dan setara tunai	34,593	34,593	–
	447,638	445,393	2,245
<b>Syarikat</b>			
Penghutang dagangan dan penghutang	441,590	441,590	–
<b>Liabiliti-liabiliti kewangan</b>			
<b>Kumpulan</b>			
Pinjaman	(99,390)	(99,390)	–
Pemiutang dagangan dan pemiutang	(872,045)	(868,525)	(3,520)
	(971,435)	(967,915)	(3,520)
<b>Syarikat</b>			
Pemiutang dagangan dan pemiutang	(1,497)	(1,497)	–

**22.2 Keuntungan dan kerugian bersih yang terhasil daripada instrumen kewangan**

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
(Kerugian)/Keuntungan bersih atas:				
Nilai saksama melalui untung atau rugi				
– Ditetapkan pada awal pengiktirafan	(11,546)	(21,769)	–	–
Pinjaman dan penghutang	5,802	830	2,711	2,758
Liabiliti-liabiliti kewangan diukur pada kos perlunasan	(22,123)	(20,473)	–	33
	(27,867)	(41,412)	2,711	2,791



## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 22. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### 22.3 Pengurusan risiko kewangan

Kumpulan ini mempunyai pendedahan kepada risiko-risiko yang dihasilkan daripada penggunaan instrumen-instrumen kewangannya seperti berikut:

- Risiko kredit
- Risiko kecairan
- Risiko pasaran

#### 22.4 Risiko kredit

Risiko kredit ialah risiko kerugian kewangan kepada Kumpulan jika pelanggan atau pihak berurusan kepada instrument kewangan gagal melaksanakan kewajipan kontraknya. Pendedahan Kumpulan kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada penghutang pihak ketiganya (domestik dan luar negara). Kumpulan tidak meramalkan sebarang risiko kredit yang akan timbul dari jumlah terhutang daripada syarikat-syarikat berkaitan. Pendedahan Syarikat kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada jumlah terhutang daripada syarikat-syarikat subsidiari.

##### **Penghutang**

##### ***Objektif pengurusan risiko, polisi dan proses-proses untuk menguruskan risiko***

Pengurusan mempunyai polisi kredit dan pendedahan kepada risiko kredit dipantau secara berterusan. Penilaian kredit dilaksanakan atas semua pelanggan yang memerlukan kredit melebihi sesuatu jumlah tertentu dengan kuasa kelulusan dan batasan yang jelas. Sebahagian pelanggan utama dikehendaki untuk menyediakan kolateral dalam bentuk aset kewangan dan/atau jaminan bank.

##### ***Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan kolateral***

Pada akhir tempoh pelaporan, pendedahan maksima kepada risiko kredit adalah diwakili oleh jumlah dibawa dalam penyata kedudukan kewangan.

Pengurusan telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan penghutang yang belum melebihi tempoh atau merosot dinyatakan pada nilai realisasinya. Sebahagian besar penghutang ini merupakan pelanggan yang kerap berurusan dengan Kumpulan. Kumpulan menggunakan analisis penuaan untuk memantau kualiti kredit para penghutang. Sebarang penghutang yang mempunyai baki besar yang telah melebihi tempoh sebanyak 60 hari, yang ditentukan sebagai mempunyai risiko kredit tinggi, akan dipantau secara individu.

Penghutang dijamin sebahagiannya oleh jaminan bank atau saham dagangan. Pada akhir tempoh pelaporan, jumlah kolateral yang diserahkan kepada Kumpulan ialah RM51,887,000 (2012: RM62,866,000).

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

**22. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)****22.4 Risiko kredit (sambungan)****Penghutang (sambungan)****Kerugian penurunan nilai**

Senarai usia penghutang dagangan pada akhir tempoh pelaporan adalah:

Kumpulan	Kasar RM'000	Penurunan nilai individu RM'000	Bersih RM'000
<b>2013</b>			
Belum melebihi tempoh kredit	153,674	–	153,674
Melebihi tempoh kredit 0-30 hari	17,420	–	17,420
Melebihi tempoh kredit 31-120 hari	5,694	–	5,694
Melebihi tempoh kredit 120 hari dan lebih	4,692	(4,117)	575
	<b>181,480</b>	<b>(4,117)</b>	<b>177,363</b>
<b>2012</b>			
Belum melebihi tempoh kredit	154,862	–	154,862
Melebihi tempoh kredit 0-30 hari	4,318	–	4,318
Melebihi tempoh kredit 31-120 hari	4,200	(1,355)	2,845
Melebihi tempoh kredit 120 hari dan lebih	5,175	(2,617)	2,558
	168,555	(3,972)	164,583

Pergerakan dalam elaun kerugian penurunan nilai penghutang dagangan bagi tahun kewangan ini ialah:

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Pada 1 Januari	3,972	6,365
Kerugian penurunan nilai diiktiraf	286	346
Kerugian penurunan nilai ditimbal balik	(141)	(329)
Kerugian penurunan nilai dilupuskan	–	(2,410)
Pada 31 Disember	<b>4,117</b>	3,972

Kerugian penurunan nilai pada akhir tahun kewangan khususnya berkaitan dengan pelanggan yang gagal membuat bayaran dan pengedarannya telah dihentikan. Kumpulan telah mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk memulihkan baki tersebut melalui pendakwaan undang-undang.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 22. FINANCIAL INSTRUMENTS (SAMBUNGAN)

#### 22.4 Risiko kredit (sambungan)

##### **Penghutang (sambungan)**

##### ***Kerugian penurunan nilai (sambungan)***

Walaupun sebahagian penghutang telah dijamin oleh penjamin kewangan pihak ketiga, jangkaan nilai saksama jaminan yang diterima tidak dapat dilaksanakan.

Akaun elaun bagi penghutang dagangan digunakan untuk mencatat kerugian penurunan nilai. Jumlah yang tidak dapat dipulihkan akan dilupuskan daripada penghutang secara terus, kecuali jika Kumpulan puas hati tentang kemungkinan pemulihan jumlah.

##### **Jumlah terhutang daripada syarikat-syarikat subsidiari**

##### ***Objektif pengurusan risiko, polisi dan proses-proses untuk menguruskan risiko***

Syarikat menyediakan pinjaman tidak bercagar dan pendahuluan kepada syarikat-syarikat subsidiari. Syarikat kerap memantau keputusan syarikat-syarikat subsidiari.

##### ***Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan kolateral***

Pada akhir tempoh pelaporan, pendedahan maksima kepada risiko kredit adalah diwakili oleh jumlah dibawa dalam penyata kedudukan kewangan.

Pinjaman dan pendahuluan hanya disediakan kepada syarikat-syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh Syarikat.

##### ***Kerugian penurunan nilai***

Syarikat tidak secara khusus memantau usia pendahuluan kepada syarikat-syarikat subsidiari. Kerugian penurunan nilai disediakan apabila terdapat petunjuk bahawa pinjaman dan pendahuluan kepada syarikat-syarikat subsidiari tidak diperolehi.

#### 22.5 Risiko kecairan

Risiko kecairan ialah risiko bahawa Kumpulan tidak dapat memenuhi obligasi kewangan apabila mencapai tempoh tamat. Pendedahan Kumpulan kepada risiko kecairan terhasil terutamanya daripada beberapa pemiutang dan pinjaman.

Kumpulan mempertahankan satu tahap tunai dan baki bank serta kemudahan bank yang secukupnya yang ditentukan oleh pengurusan untuk memastikan, wujudnya kecairan yang mencukupi untuk memenuhi liabiliti apabila mencapai tempoh tamat.

Ia tidak dijangka bahawa aliran tunai termasuk dalam analisis kematangan boleh berlaku dengan ketara sebelum ini, atau pada jumlah yang jauh berbeza.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

**22. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)****22.5 Risiko kecairan (sambungan)****Analisis kematangan**

Jadual berikut merumuskan profil kematangan liabiliti kewangan Kumpulan pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan bayaran kontrak yang tidak dikurangkan:

Kumpulan	Jumlah dibawa RM'000	Kadar faedah kontrak %	Aliran tunai kontrak RM'000	Bawah 1 tahun RM'000	1 - 2 tahun RM'000	2 - 5 tahun RM'000
<b>2013</b>						
<b>Liabiliti kewangan bukan derivatif</b>						
Liabiliti kewangan pajakan	12,775	5.00	14,150	5,306	3,081	5,763
Overdraft bank	2,859	7.66	2,859	2,859	-	-
Pinjaman dari syarikat berkaitan						
- tidak bercagar	84,264	3.20 - 3.41	90,010	2,873	87,137	-
Pendahuluan daripada syarikat berkaitan	78,271	3.16 - 3.91	78,271	78,271	-	-
Pemiutang dagangan dan pemiutang lain,						
- tidak termasuk derivatif	937,254	-	937,254	937,254	-	-
	<b>1,115,423</b>		<b>1,122,544</b>	<b>1,026,563</b>	<b>90,218</b>	<b>5,763</b>
<b>Liabiliti/(aset) kewangan derivatif</b>						
Kontrak tukaran asing (penyelesaian kasar)						
- Aliran keluar	610	-	256,037	256,037	-	-
- Aliran masuk	-	-	(255,427)	(255,427)	-	-
Komoditi hadapan	(2,163)	-	(2,163)	(2,163)	-	-
	<b>1,113,870</b>		<b>1,120,991</b>	<b>1,025,010</b>	<b>90,218</b>	<b>5,763</b>
<b>2012</b>						
<b>Liabiliti kewangan bukan derivatif</b>						
Liabiliti kewangan pajakan	15,126	5.00	16,946	4,976	4,849	7,121
Pinjaman dari syarikat berkaitan						
- tidak bercagar	84,264	3.20 - 3.92	89,656	2,696	86,960	-
Pemiutang dagangan dan pemiutang lain,						
- tidak termasuk derivatif	868,525	-	868,525	868,525	-	-
	967,915		975,127	876,197	91,809	7,121
<b>Liabiliti/(aset) kewangan derivatif</b>						
Kontrak tukaran asing (penyelesaian kasar)						
- Aliran keluar	-	-	210,447	210,447	-	-
- Aliran masuk	(1,599)	-	(212,046)	(212,046)	-	-
Komoditi hadapan	2,874	-	2,874	2,874	-	-
	969,190		976,402	877,472	91,809	7,121

Liabiliti kewangan Syarikat adalah tanpa faedah dan dibayar dalam tempoh satu tahun.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 22. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### 22.6 Risiko pasaran

Risiko pasaran ialah risiko bahawa perubahan harga pasaran, seperti kadar tukaran asing, kadar faedah dan harga-harga komoditi yang akan menjejaskan kedudukan kewangan atau aliran tunai Kumpulan.

##### 22.6.1 Risiko mata wang

Kumpulan terdedah kepada risiko mata wang asing atas jualan dan belian yang dibuat dalam mata wang selain daripada mata wang fungsi entiti-entiti Kumpulan. Mata wang yang menghasilkan risiko ini keutamaannya adalah Dolar Amerika ("USD"), Dolar Singapura ("SGD"), Great Britain Pound ("GBP") and Thai Baht ("THB").

##### ***Objektif pengurusan risiko, polisi dan proses untuk menguruskan risiko***

Kumpulan melindungi sebahagian daripada mata wang asing penghutang dan pemiutang dagangan. Selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh syarikat induk, semua kontrak tukaran asing adalah bertujuan untuk melindungi Kumpulan daripada perubahan mata wang asing dan Kumpulan tidak dibenarkan untuk berdagang selain daripada tujuan untuk melindungi.

Tujuan utama akitiviti-aktiviti perlindungan mata wang asing adalah untuk perlindungan daripada perubahan yang berkaitan dengan jualan dan pembelian inventori yang dikilang, pembelian bahan-bahan serta aset dan liabiliti lain yang diperbuat dalam urusan biasa dalam mata wang asing. Kumpulan menggunakan kontrak tukaran asing hadapan dengan kematangan kurang daripada dua belas bulan untuk melindungi komitmen-komitmen. Di bawah program ini, peningkatan atau penurunan komitmen Kumpulan akan diimbangi dengan sebahagian keuntungan dan kerugian instrumen terlindung.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

**22. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)****22.6 Risiko pasaran (sambungan)****22.6.1 Risiko mata wang (sambungan)*****Pendedahan kepada risiko mata wang asing***

Pendedahan Kumpulan kepada risiko mata wang asing (mata wang yang berlainan daripada fungsi mata wang entiti-entiti Kumpulan), berdasarkan jumlah dibawa pada akhir tempoh pelaporan adalah:

Kumpulan	2013 Disebut dalam			2012 Disebut dalam		
	USD RM'000	SGD RM'000	GBP RM'000	USD RM'000	SGD RM'000	THB* RM'000
Penghutang dagangan	<b>4,052</b>	<b>1,393</b>	–	3,181	1,216	12,617
Pemiutang dagangan	<b>(40,003)</b>	<b>(8,109)</b>	<b>(47,973)</b>	(68,890)	(3,131)	(4,049)
Penghutang kumpulan dalaman	<b>137,444</b>	–	<b>794</b>	117,272	9,880	–
Pemiutang kumpulan dalaman	<b>(55,897)</b>	<b>(12,235)</b>	<b>(674)</b>	(24,116)	(12,416)	–
Komoditi hadapan	<b>547</b>	–	<b>1,041</b>	(2,115)	–	–
Pendedahan dalam penyata kedudukan kewangan	<b>46,143</b>	<b>(18,951)</b>	<b>(46,812)</b>	25,332	(4,451)	8,568
Kontrak pertukaran asing telah dikontrakkan	<b>(27,387)</b>	–	–	(142,227)	145	82
Pendedahan bersih	<b>18,756</b>	<b>(18,951)</b>	<b>(46,812)</b>	(116,895)	(4,306)	8,650

\* Pendedahan Kumpulan kepada THB tidak begitu besar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 22. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### 22.6 Risiko pasaran (sambungan)

##### 22.6.1 Risiko mata wang (sambungan)

###### *Analisis sensitiviti risiko mata wang*

Penguatan nilai RM sebanyak 10% (2012: 10%) atas mata wang berikut pada akhir tempoh pelaporan berikut akan meningkatkan (menurunkan) keuntungan atau kerugian selepas cukai dari jumlah yang ditunjukkan di bawah. Analisis ini mengandaikan bahawa semua pembolehubah lain, dalam nisbah tertentu, tetap malar dan mengabaikan kesan penjualan dan pembelian yang dijangkakan.

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
USD	(1,876)	11,690
SGD	1,895	431
GBP	4,681	–
THB	–	(865)

Pelemahan nilai RM sebanyak 10% (2012: 10%) atas mata wang di atas pada akhir tempoh pelaporan akan mempunyai kesan yang sama namun bertentangan pada mata wang asing di atas untuk jumlah yang dinyatakan di atas, berasaskan bahawa semua pembolehubah lain tetap malar.

##### 22.6.2 Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah merangkumi risiko harga faedah yang terhasil daripada pinjaman pada kadar tetap dan risiko aliran tunai faedah yang terhasil daripada pinjaman pada kadar tidak tetap. Penghutang jangka pendek dan pemiutang tidak ketara terdedah kepada risiko kadar faedah.

###### *Objektif pengurusan risiko, polisi dan proses untuk menguruskan risiko*

Kumpulan menggunakan kapakaran Nestlé Treasury Center ("NTC"), Asia Pacific, yang berpusat di Singapura dalam pengurusan tunai dan keperluan kewangan.

Objektif Kumpulan adalah untuk menguruskan pendedahan kadar faedahnya melalui penggunaan kontrak kadar faedah hadapan dan swap.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

**22. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)****22.6 Risiko pasaran (sambungan)****22.6.2 Risiko kadar faedah (sambungan)*****Pendedahan kepada risiko kadar faedah***

Instrumen kewangan yang menghasilkan faedah yang terdapat dalam profil kadar faedah Kumpulan dan Syarikat, berasaskan jumlah dibawa pada akhir tempoh pelaporan adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Instrumen kadar tetap</b>				
Liabiliti kewangan	<b>(12,775)</b>	(15,126)	–	–
<b>Instrumen Kadar terapung</b>				
Aset kewangan	<b>31,435</b>	15,944	<b>78,132</b>	79,276
Liabiliti kewangan	<b>(165,394)</b>	(84,264)	–	–
	<b>(133,959)</b>	(68,320)	<b>78,132</b>	79,276

***Analisis sensitiviti risiko kadar faedah******Analisis sensitiviti aliran tunai untuk instrumen kadar tidak tetap***

Perubahan sebanyak 100 mata asas dalam kadar faedah pada akhir tempoh pelaporan akan meningkatkan (menurunkan) keuntungan atau kerugian selepas cukai sebanyak RM1,340,000 (2012: RM683,000) atas instrument kewangan kadar terapung. Analisis ini mengandaikan bahawa semua pembolehubah lain, khususnya kadar mata wang asing, tetap malar.

**22.6.3 Risiko harga komoditi**

Risiko harga komoditi terhasil daripada urusanniaga pada pasaran komoditi dunia untuk melindungi bekalan kopi, koko dan minyak kelapa sawit bagi pembuatan produk-produk Kumpulan.

***Objektif pengurusan risiko, polisi dan proses untuk menguruskan risiko***

Instrumen komoditi digunakan untuk memastikan akses kepada bahan mentah pada harga yang berpatutan. Kontrak komoditi yang menghasilkan risiko adalah kontrak hadapan dan opsiyen terutamanya.

Kontrak minyak kelapa sawit Kumpulan diurusniaga oleh Commodity Purchasing Competence Center (“CPCC”) yang berpusat di Nestlé Singapura, manakala kontrak komoditi kopi dan koko diurusniaga oleh CPCC yang berpusat di Nestlé UK bagi mendapat pengaruh yang lebih baik. Selaras dengan garis panduan syarikat induk, semua kontrak komoditi adalah untuk melindungi Kumpulan daripada perubahan harga.



## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 22. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### 22.7 Aktiviti perlindungan nilai

##### Aliran tunai terlindung

Kumpulan menggunakan aliran tunai terlindung untuk mengurangkan risiko mata wang asing bagi urusniaga asing yang berkemungkinan tinggi, seperti jualan eksport masa depan yang telah dijangka, pembelian peralatan dan bahan mentah. Kontrak tukaran asing dan kontrak komoditi hadapan mempunyai nilai nominal bersih sebanyak RM670,633,000 (2012: RM413,332,000) dan RM61,856,000 (2012: RM101,286,000) masing-masing. Kontrak tukaran asing dan kontrak komoditi hadapan dimasuki dalam setahun dan diselesaikan mengikut tarikh penyelesaian kontrak masing-masing.

Jadual berikut menunjukkan tempoh-tempoh di mana aliran tunai yang berkaitan dengan kontrak tukaran asing dan kontrak komoditi hadapan yang dijangka akan berlaku dan menjejaskan untung rugi:

Kumpulan	Jumlah dibawa RM'000	Aliran tunai yang dijangka RM'000	Bawah 1 tahun RM'000
<b>2013</b>			
Kontrak tukaran asing	(610)	(610)	(610)
Komoditi hadapan	2,163	2,163	2,163
<b>2012</b>			
Kontrak tukaran asing	1,599	1,599	1,599
Komoditi hadapan	(2,874)	(2,874)	(2,874)

Pada tahun kewangan, kerugian sebanyak RM8,551,000 (2012: keuntungan sebanyak RM211,000) telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan RM9,908,000 (2012: RM21,279,000) telah diklasifikasi semula dari ekuiti ke penyata kewangan. Keuntungan tidak efektif lindung nilai berjumlah RM1,665,000 (2012: RM2,504,000) telah diiktiraf dalam untung atau rugi berkenaan dengan lindung nilai pada tahun kewangan tersebut.

#### 22.8 Maklumat nilai saksama

Jumlah dibawa tunai dan setara tunai, penghutang jangka pendek dan pemiutang serta pinjaman jangka pendek menghampiri nilai saksamanya disebabkan kematangan pendek instrumen kewangan secara relatif.

Adalah tidak praktikal untuk menganggarkan nilai saksama Kumpulan dan pelaburan Syarikat di dalam saham tidak disebut harga kerana kekurangan harga pasaran yang setanding disebut harga dalam pasaran aktif dan nilai saksama tidak boleh diukur.



## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 22. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### 22.8 Maklumat nilai saksama (sambungan)

##### Dasar mengenai pemindahan antara tahap

Nilai saksama sesuatu aset untuk dipindahkan antara tahap ditentukan pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

##### Tahap 1 nilai saksama

Tahap 1 nilai saksama diperolehi daripada harga disebut harga (tidak dilaras) dalam pasaran aktif bagi aset kewangan yang serupa atau liabiliti entiti boleh mengakses pada tarikh pengukuran.

##### Tahap 2 nilai saksama

Tahap 2 nilai saksama dianggarkan dengan menggunakan input selain daripada harga yang disebut termasuk dalam Tahap 1 yang diperhatikan bagi aset atau liabiliti kewangan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

##### *Derivatif*

Nilai saksama kontrak pertukaran hadapan dianggarkan dengan mendiskaunkan perbezaan di antara harga kontrak hadapan dan harga ke hadapan semasa bagi kematangan baki kontrak dengan menggunakan kadar faedah bebas risiko (berdasarkan bon kerajaan).

##### Pemindahan antara Tahap 1 dan Tahap 2 nilai saksama

Sepanjang tempoh kewangan tidak terdapat sebarang pemindahan antara Tahap 1 dan Tahap 2 nilai saksama. (2012: tiada pemindahan).

##### Tahap 3 nilai saksama

Tahap 3 nilai saksama adalah dianggarkan menggunakan input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran dilihat (input yang tidak nampak).

##### *Liabiliti kewangan bukan derivatif*

Nilai saksama, yang ditentukan bagi tujuan pendedahan, dikira berdasarkan nilai semasa pokok dan faedah aliran tunai masa hadapan, didiskaunkan pada kadar pasaran faedah pada akhir tempoh pelaporan.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

**22. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)****22.9 Master netting atau perjanjian yang sama**

Kumpulan menyertai urus niaga derivatif di bawah International Swaps and Derivatives Association (“ISDA”) perjanjian ‘master netting’. Secara umum, di bawah perjanjian itu jumlah yang terhutang oleh setiap pihak niaga pada hari yang tunggal berkenaan dengan semua urus niaga yang cemerlang dalam mata wang yang sama akan dikumpulkan ke dalam jumlah tunggal bersih yang perlu dibayar oleh satu pihak kepada yang lain. Dalam keadaan tertentu - contohnya apabila peristiwa kredit berlaku, semua perjanjian ditamatkan, nilai penamatan dinilai dan hanya sejumlah bersih akan dibayar dalam penyelesaian semua urus niaga.

Perjanjian ISDA tidak memenuhi kriteria untuk pengimbangan dalam penyata kedudukan kewangan. Ini adalah kerana Kumpulan pada masa ini tidak mempunyai apa-apa hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi jumlah yang diiktiraf, kerana hak untuk mengimbangi adalah dikuatkuasakan hanya apabila berlaku peristiwa masa depan seperti yang ditentukan atas pinjaman bank atau peristiwa kredit lain.

Jadual berikut menetapkan jumlah dibawa instrumen kewangan yang diiktiraf yang tertakluk kepada perjanjian di atas:

Kumpulan	Nota	Jumlah instrumen kewangan yang dibawa dalam penyata kedudukan kewangan RM'000	Instrumen kewangan berkaitan yang tidak off-set RM'000	Jumlah bersih RM'000
<b>2013</b>				
<b>Derivatif aset kewangan</b>				
Kontrak tukaran hadapan				
ditetapkan sebagai instrumen terlindung	8	6,864	(6,864)	–
<b>Derivatif liabiliti kewangan</b>				
Kontrak tukaran hadapan				
ditetapkan sebagai instrumen terlindung	14	(7,474)	6,864	(610)
<b>2012</b>				
<b>Derivatif aset kewangan</b>				
Kontrak tukaran hadapan				
ditetapkan sebagai instrumen terlindung	8	2,245	(646)	1,599
<b>Derivatif liabiliti kewangan</b>				
Kontrak tukaran hadapan				
ditetapkan sebagai instrumen terlindung	14	(646)	646	–

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 23. PENGURUSAN MODAL

Objektif Kumpulan apabila menguruskan modal adalah untuk mengekalkan asas modal yang kukuh dan melindungi keupayaan Kumpulan untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, untuk mengekalkan pelabur, pemiutang dan keyakinan pasaran dan mengekalkan pembangunan masa depan perniagaan. Tiada sebarang perubahan kepada pendekatan Kumpulan untuk pengurusan modal dalam tahun kewangan.

### 24. PAJAKAN OPERASI

#### Pajakan sebagai penyewa

Sewa pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Kurang daripada satu tahun	23,395	22,083
Antara satu dan lima tahun	45,867	53,985
	<b>69,262</b>	<b>76,068</b>

Kumpulan memajak sebuah pusat pengagihan dan ibu pejabat di bawah pajakan operasi. Pajakan berkenaan biasanya dijalankan untuk tempoh satu hingga enam tahun dengan pilihan untuk memperbaharui pajakan selepas tarikh itu. Tiada satu pajakan yang melibatkan sewa luar jangkaan.

### 25. MODAL DAN KOMITMEN LAIN

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Komitmen perbelanjaan modal</b>		
<b>Loji dan peralatan</b>		
Dibenarkan tetapi tidak dikontrak	193,656	314,828
Dikontrak tetapi tidak diperuntukkan		
Dalam satu tahun	129,178	53,517
	<b>322,834</b>	<b>368,345</b>

### 26. PIHAK-PIHAK BERKAITAN

#### Identiti pihak-pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak dianggap berkaitan dengan Kumpulan jika Kumpulan atau Syarikat mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal pihak berkenaan atau mengenakan pengaruh yang ketara terhadap pihak berkenaan dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau Syarikat dan pihak berkenaan adalah tertakluk kepada kawalan umum atau pengaruh umum yang besar. Pihak-pihak berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak-pihak berkaitan termasuk Kakitangan utama pengurusan adalah ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan mengawal aktiviti Kumpulan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama termasuk semua Pengarah Kumpulan, dan ahli pengurusan kanan tertentu Kumpulan.

Kumpulan mempunyai hubung kait dengan syarikat induknya, pelabur penting, syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu, Pengarah dan kakitangan pengurusan utama.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

**26. PIHAK-PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)****Transaksi ketara pihak berkaitan**

Urusniaga pihak berkaitan telah termeterai dalam urusniaga biasa perniagaan di bawah terma perniagaan biasa. Transaksi ketara pihak berkaitan Kumpulan dan Syarikat adalah seperti yang ditunjukkan di bawah. Jumlah berkaitan transaksi di bawah dipaparkan dalam nota 8, 12 dan 14.

Kumpulan	Nota	2013		2012	
		Jumlah urusniaga bagi tahun berakhir 31 Disember RM'000	Baki belum dibayar pada 31 Disember RM'000	Jumlah urusniaga bagi tahun berakhir 31 Disember RM'000	Baki belum dibayar pada 31 Disember RM'000
<b>Syarikat-syarikat berkaitan</b>					
Jualan barangan dan perkhidmatan	a	(938,829)	136,247	(999,683)	128,361
Belian barangan dan perkhidmatan	a	490,797	(72,614)	421,775	(37,941)
Royalti		221,495	(14,670)	202,532	(14,472)
Perkhidmatan IT dikongsi		29,873	–	27,764	–
Kos kewangan		3,430	(744)	8,230	(1,187)
<b>Syarikat di mana pengarah mempunyai kepentingan</b>					
Belian barangan dan perkhidmatan	a	6,326	(827)	6,533	(898)
<b>Syarikat</b>					
<b>Syarikat-syarikat subsidiari</b>					
Pendapatan kewangan	b	(2,703)	253	(2,786)	219

Semua baki belum dibayar di atas dijangka untuk dibayar dalam bentuk tunai oleh pihak-pihak berkaitan.

Nota a Jualan kepada dan pembelian daripada syarikat-syarikat berkaitan adalah berdasarkan terma-terma dagangan biasa. Baki-baki yang belum dibayar adalah tidak bercagar.

Nota b Pinjaman kepada dan daripada syarikat-syarikat subsidiari adalah tidak bercagar, dan dicaj faedah pada 3.16% to 3.91% (2012: 3.16% to 3.86%) setiap tahun dan perlu dibayar balik atas permintaan.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 27. MAKLUMAT KEWANGAN TAMBAHAN PADA PECAHAN KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DIREALISASI DAN TIDAK DIREALISASI

Pecahan perolehan tertahan bagi Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember, ke dalam keuntungan direalisasi dan tidak direalisasi, menurut para 2.06 dan 2.23 Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia, adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Jumlah keuntungan tertahan bagi Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari:				
– direalisasi	<b>591,159</b>	508,706	<b>410,904</b>	363,643
– tidak direalisasi	<b>(101,340)</b>	(86,125)	–	–
	<b>489,819</b>	422,581	<b>410,904</b>	363,643
Jumlah bahagian keuntungan tertahan bagi syarikat bersekutu:				
– direalisasi	<b>619</b>	217	–	–
Tambah: Pelarasan disatukan	<b>58,099</b>	61,858	–	–
Jumlah keuntungan tertahan	<b>548,537</b>	484,656	<b>410,904</b>	363,643

Penentuan keuntungan terealisasi dan belum terealisasi adalah berdasarkan Panduan Perkara Khas No.1, *Penentuan Keuntungan atau Kerugian Terealisasi dan Belum Terealisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia*, yang diterbitkan oleh Institut Akauntan-akauntan Malaysia pada on 20 Disember 2010.

# Penyata Pengarah

menurut seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Pada pendapat Para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 32 hingga 85 telah disediakan mengikut Piawaian-piawaian Laporan Kewangan dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2013 serta prestasi kewangan dan aliran tunai pada tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Pada pendapat Para Pengarah, maklumat yang dinyatakan dalam nota 27 muka surat 86 kepada penyata kewangan telah dipatuhi menurut Panduan Perkara Khas No.1, *Penentuan Keuntungan atau Kerugian Terealisasi dan Belum Terealisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Syarat-syarat Penyenaian Bursa Malaysia Securities Berhad*, yang diterbitkan oleh Institut Akauntan-akauntan Malaysia, dan dibentangkan berdasarkan format Bursa Malaysia Sekuriti Berhad.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi Para Pengarah:

**Alois Hofbauer**

**Marc Seiler**

Petaling Jaya, Malaysia  
24 Februari 2014

# Pengakuan Berkanun

menurut seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Saya, **Marc Seiler**, Pengarah yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Nestlé (Malaysia) Berhad, dengan jujur mengaku bahawa penyata kewangan yang dinyatakan dari muka surat 32 hingga 86 adalah pada sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, benar dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan yang penyata tersebut adalah benar, seperti yang terdapat di dalam Akta Akauntan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama di atas di Petaling Jaya pada 24 Februari 2014.

**Marc Seiler**

Di hadapan saya:

**Faridah Bt. Sulaiman**

*Pesuruhjaya Sumpah (No. B228)*

Petaling Jaya, Malaysia



# Laporan Juruaudit

kepada ahli-ahli Nestlé (Malaysia) Berhad

## LAPORAN KEPADA PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Nestlé (Malaysia) Berhad, yang merangkumi penyata-penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2013 dan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut, serta ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain seperti yang dibentangkan pada muka surat 32 hingga 85.

### *Tanggungjawab para pengarah ke atas Penyata Kewangan*

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan ini yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut pengauditan yang mengikut Piawai Laporan Kewangan, Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Para pengarah juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman untuk memastikan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata penting, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan.

### *Tanggungjawab juruaudit*

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami telah melaksanakan audit tersebut menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika di samping merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah samaada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur mendapatkan bukti audit bagi menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk entiti dalam penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

### *Pandangan*

Pada pendapat kami, penyata kewangan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 1965, di Malaysia.

## LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN BADAN PENGAWASAN LAIN

Menurut keperluan dalam Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- (a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain, serta daftar yang wajib disimpan dibawah Akta oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya, yang kami bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sewajar selaras dengan peruntukan Akta tersebut.
- (b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang bersesuaian dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan, dan kami telah menerima maklumat yang memuaskan dan keterangan yang diperlukan untuk tujuan tersebut.
- (c) Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan subsidiari yang telah disatukan tidak mengandungi sebarang pengecualian atau teguran yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

## Laporan Juruaudit

kepada ahli-ahli Nestlé (Malaysia) Berhad

### TANGGUNGJAWAB PELAPORAN LAIN

Audit kami telah dilaksanakan bagi tujuan membentuk satu pendapat mengenai penyata kewangan secara keseluruhannya. Maklumat yang dinyatakan dalam nota 27 muka surat 86 kepada penyata kewangan telah disusun oleh Kumpulan dan Syarikat sebagaimana yang dikehendaki oleh Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad dan bukan bahagian kenyataan kewangan. Kami telah memperluaskan prosedur-prosedur audit kami untuk melaporkan proses penyusunan maklumat tersebut. Pada pendapat kami, maklumat tersebut telah disusun dengan sewajarnya, dalam semua aspek penting, menurut Panduan Perkara Khas No.1, *Penentuan Keuntungan atau Kerugian Terealisasi dan Belum Terealisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysian Securities Berhad*, yang diterbitkan oleh Institut Akauntan-akauntan Malaysia dan dikemukakan berdasarkan format yang ditentukan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

### HAL-HAL LAIN

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Syarikat, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

#### **KPMG**

Nombor Firma: AF 0758  
Akauntan bertauliah

Petaling Jaya, Malaysia  
24 Februari 2014

#### **Adrian Lee Lye Wang**

Nombor kelulusan: 2679/11/15(J)  
Akauntan bertauliah

# Perangkaan Pegangan Saham

pada 28 Februari 2014

Saham dibenarkan	:	RM300,000,000
Saham diterbitkan dan dibayar	:	RM234,500,000
Kelas saham	:	Saham biasa RM1.00 sesaham
Jumlah pemegang saham	:	5,438
Hak mengundi	:	Satu undi setiap saham biasa

## PEMEGANG SAHAM UTAMA

Nama	Jumlah saham dipegang	%
Nestlé S.A.	170,276,563	72.612
Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Employees Provident Fund Board	20,799,200	8.869
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	7,273,300	3.101

## 30 PEMEGANG SAHAM TERBESAR

Nama	Jumlah saham dipegang	%
Nestlé S.A.	170,276,563	72.612
Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Employees Provident Fund Board	20,799,200	8.869
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	7,273,300	3.101
Malaysia Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (Par 1)	3,690,810	1.573
Amanahraya Trustees Berhad - Skim Amanah Saham Bumiputera	3,664,300	1.562
Employees Provident Fund Board	1,500,000	0.639
Amanahraya Trustees Berhad - Amanah Saham Malaysia	1,390,200	0.592
Pertubuhan Keselamatan Sosial	1,359,200	0.579
Amanahraya Trustees Berhad - Public Islamic Dividend Fund	1,244,400	0.530
Amanahraya Trustees Berhad - Amanah Saham Wawasan 2020	770,700	0.328
Amanahraya Trustees Berhad - Public Islamic Equity Fund	691,000	0.294
Kwang Teow Sang Sdn Bhd	560,700	0.239
Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd - RBC Investor Services Bank for Vontobel Fund - Far East Equity	537,500	0.229
Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Employees Provident Fund Board (Aberdeen)	487,000	0.207
Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (Aberdeen)	464,000	0.197
Woo Khai Yoon	461,900	0.196
Malaysia Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (Par 2)	461,400	0.196
Amanahraya Trustees Berhad - Public Islamic Select Enterprises Fund	414,700	0.176

## Shareholdings Statistics

as at 28 February 2014

**30 PEMEGANG SAHAM TERBESAR (SAMBUNGAN)**

Nama	Jumlah saham dipegang	%
Batu Pahat Seng Huat Sdn Berhad	363,985	0.155
Kuok Foundation Berhad	274,200	0.116
Amsec Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Amtrustee Bhd for CIMB Islamic Dali Equity Growth Fund (Ut-CIMB-Dali)	259,200	0.110
Seah Gak San	252,500	0.107
Jarnazz Sdn Bhd	248,000	0.105
Cartaban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Exempt An for Eastspring Investments Berhad	208,400	0.088
Amanahraya Trustees Berhad - Public Dividend Select Fund	199,700	0.085
Mohd Nasser Bin Jaafar	194,550	0.082
Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Etiqa Insurance Berhad (Life Par Fund)	190,500	0.081
Citigroup Nominees (Asing) Sdn Bhd - CBNY for DFA Emerging Markets Series	189,300	0.080
DB (Malaysia) Nominee (Asing) Sdn Bhd - SSBT Fund NT6P for Canada Pension Plan Investment Board	172,200	0.073
Tan Seng Kee Sdn Bhd	169,761	0.072

Saiz Pegangan	Bil. Pemegang Saham/ Pendeposit	% Pemegang Saham/ Pendeposit	Bil Saham dipegang	% Modal Diterbit
1 – 99	487	8.956	3,692	0.002
100 – 1,000	3,538	65.061	1,957,825	0.835
1,001 – 10,000	1,106	20.338	3,921,576	1.672
10,001 – 100,000	263	4.836	8,125,269	3.465
100,001 – kurang daripada 5% saham diterbitkan	42	0.772	29,415,875	12.544
5% dan keatas saham diterbitkan	2	0.037	191,075,763	81.482
<b>Jumlah</b>	<b>5,438</b>	<b>100.000</b>	<b>234,500,000</b>	<b>100.000</b>

**PEGANGAN SAHAM PENGARAH**

Syarikat	Pegangan (bil saham)	% Modal Diterbitkan	Dianggap pegangan (bil saham)	% Modal Diterbitkan
Dato' Frits van Dijk	8,000	0.0034	–	–
<b>Nestlé S.A., syarikat induk</b>				
Dato' Frits van Dijk	300,000	0.0093	–	–
En Alois Hofbauer	2,715	0.0001	–	–
En Marc Seiler	5,040	0.0002	–	–

# Senarai Harta-Harta Dipegang

pada 31 Disember 2013

Lokasi	Hakmilik	Usia*	Tarikh Tamat	Saiz (kps)	Jenis	Nilai Buku Bersih RM'000
1. No. 25 Jalan Tandang 46050 Petaling Jaya Selangor	Pajak	53	Q.T. (R) 2619 25.9.2066 Q.T. (R) 5281 7.10.2069	50,342	Kilang	16,465
2. Lot No. 3 Jalan Playar 15/1 40700 Shah Alam Selangor	Pajak	43	10.6.2070	10,150	Kilang	1,929
3. Lot No. 5 Jalan Playar 15/1 40700 Shah Alam Selangor	Pajak	40	H.S.(D) 97 H.S.(D) 159 7.11.2072	62,596	Kilang	6,358
4. Lot No. 6 Pesiaran Raja Muda 40700 Shah Alam Selangor	Pajak	44	29.1.2070	36,835	Kilang & gudang	11,426
5. Lot Nos. 691 - 696 Mukim Chembong Daerah Rembau Negeri Sembilan	Pajak	22	27.6.2049	173,185	Kilang	3,054
6. Lot Nos. 3863 - 3866 and Lot Nos. 687 - 690 Mukim Chembong Daerah Rembau Negeri Sembilan	Pajak	22	27.6.2049		Kilang	
7. Lot Nos. 3857 - 3862 Jalan Perusahaan 4, Kawasan Perindustrian Chembong, Chembong Rembau, Negeri Sembilan	Pajak	22	27.6.2049	31,941	Kilang	1,437
8. Lot No. 844, Block 7 Muara Tebas Land District Sejingkat Industrial Estate Kuching, Sarawak	Pajak	22	19.10.2053	25,460	Kilang	336
9. Lot 915, Block 7 Muara Tebas Land District Demak Laut Industrial Park Kuching, Sarawak	Pajak	19	12.10.2054	12,740	Kilang	642
10. Plot 46 Bemban Industrial Park Batu Gajah, Perak	Pajak	16	7.11.2058	157,500	Tanah kosong	6,111
11. Nos. 75 & 76, Jalan Playar 15/1 40200 Shah Alam Selangor	Pajak	4	8.9.2066	40,602	Kilang (dalam pembinaan)	35,614

\* Penganggaran usia harta dalam tahun.

**Nestlé (Malaysia) Berhad** [110925-W]

22-1, Tingkat 22, Menara Surian

No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: (+603) 7965 6000 Faks: (+603) 7965 6767

Talian Percuma Khidmat Pelanggan Nestlé: 1-800-88-3433

Facebook: <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

[www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my)